


KEINDAHAN PERHIASAN KEPALA LELAKI:  
KAJIAN KE ATAS PEMAKAIAN SEMUTAR DI  
BACHOK, KELANTAN

NURAZYYATI SYARAFINA BINTI ABDUL MANAF

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN KEPUJIAN



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

**KEINDAHAN PERHIASAN KEPALA LELAKI:  
KAJIAN KE ATAS PEMAKAIAN SEMUTAR DI  
BACHOK, KELANTAN**

Oleh

**NURAZYYATI SYARAFINA BINTI ABDUL MANAF**

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi keperluan untuk  
Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan dengan Kepujian

Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan

**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

## PENGESAHAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau Institusi.

TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah

Dari tarikh \_\_\_\_\_ sehingga \_\_\_\_\_

SULIT


(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

---



Tandatangan

---

Tandatangan Penyelia

001209-03-0820

Dr. Daeng Haliza Binti Daeng Jamal

No. Kad Pengenal

Nama Penyelia

Tarikh: 12 Januari 2024

Tarikh:

KELANTAN

## PENGHARGAAN

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terlebih dahulu saya ingin menyampaikan rasa syukur ke hadrat Allah S.W.T sebaik-baik perancang dengan izin-Nya, maka dapatlah saya menyiapkan tesis ini dengan jayanya walaupun menempuh pelbagai dugaan dan rintangan. Alhamdulillah.

Di ruangan ini, saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr. Daeng Haliza Binti Daeng Jamal, penyelia utama saya di atas nasihat, bimbingan, sokongan dan kesabaran yang diberikan sepanjang tempoh menjalankan tesis ini. Segala bantuan, tunjuk ajar dan ilmu pengetahuan yang dikongsikan kepada saya amatlah berkesan untuk menjadi seorang penyelidik yang baik. Terima kasih juga kepada pihak institusi kajian, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan (UMK) kerana membantu saya merealisasikan kerja lapangan dan memudahkan proses pengumpulan data. Segala pengalaman yang dilalui pasti dapat dilupakan.

Ribuan terima kasih diucapkan kepada kedua ibubapa saya yang dicintai, Abdul Manaf Bin Mohd Arifin dan Kartini Binti Daud yang sentiasa memberi sokongan penuh, doa, peringatan dan semangat hidup yang amat saya perlukan daripada mereka dan segala pekerjaan dipermudahkan oleh-Nya. Tidak lupa kepada rakan seperjuangan saya, terima kasih diucapkan kerana banyak memberi sokongan, kerjasama dan doa kalian selama kita berusaha bersama sehingga tesis dan pengajian ini dapat disempurnakan dengan jayanya. Sesungguhnya segala pengorbanan yang telah dilakukan amat saya hargai dan diingati sepanjang hayat.

Akhir kata, ucapan terima kasih juga kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam mencerahkan ilmu, cadangan, pendapat dan bantuan untuk melengkapkan tesis saya. Semoga penyelidikan ini dapat dijadikan wadah ilmu yang berguna untuk tatapan, pengetahuan atau pewaris generasi akan datang.

Terima kasih semuanya.

## ABSTRAK

Semutar adalah perhiasan kepala warisan tradisi Melayu yang telah lama diamalkan oleh masyarakat Kelantan di Kampung Tangok di bawah Mukim Telong, Bachok, Kelantan. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap pengetahuan sejarah pemakaian semutar dalam kalangan masyarakat setempat. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk menghuraikan jenis-jenis, fungsi dan ciri-ciri yang terdapat pada semutar disamping menganalisis langkah pelestarian pemakaian semutar dalam kalangan masyarakat tempatan di Bachok, Kelantan. Dua kaedah kajian digunakan dalam kajian ini iaitu kaedah kualitatif dan kuantitatif. Kaedah kualitatif merangkumi aspek pemerhatian secara tidak langsung, temu bual, rakaman audio, foto, video dokumentasi manakala kaedah kuantitatif menggunakan edaran borang soal selidik. Teori Identiti Sosial digunakan bagi menonjolkan keindahan semutar sebagai perhiasan kepala masyarakat Kelantan. Hasil kajian mendapati bahawa masyarakat Kelantan khususnya di Kampung Tangok, Bachok majoriti mengetahui dan menerima semutar sebagai perhiasan kepala rumpun bagi kaum lelaki Kelantan sebelum adanya kopiah, tanjak, destar dan sebagainya. Usaha penglibatan komuniti setempat sangat digalakkan bagi melestarikan semutar. Hal ini menjadi sebahagian matlamat mengapa orang lama menggalakkan pewaris dan masyarakat setempat untuk memakai semutar pada masa kini disamping menghidupkan kembali budaya-budaya warisan nenek moyang.

**Kata Kunci:** semutar, sejarah, perhiasan kepala, hiasan, fungsi, jenis, ciri, budaya, keindahan, kelestarian dan Kelantan.

## **ABSTRACT**

Semutar is a traditional Malay headdress that has long been practiced by the Kelantanese community in Kampung Tangok under Mukim Telong, Bachok, Kelantan. The purpose of this study is to identify the level of historical knowledge of semutar usage among the local community. In addition, this study also aims to describe the types, functions and characteristics found in semutar besides analyzing the preservation of the use of semutar among the local community in Bachok, Kelantan. Two research methods were used in this study, namely qualitative and quantitative methods. Qualitative methods include aspects of indirect observation, interviews, audio recordings, photos, video documentation while quantitative methods use questionnaires. Social identity theory is used to highlight the beauty of semutar as the head adornment of Kelantan society. The results found that the Kelantanese community, especially in Kampung Tangok, Bachok majority know and accept semutar as a headdress clump for Kelantanese men before the existence of the kopiah, tanjak, destar and so on. Local community involvement is strongly encouraged to preserve semutar. This is part of the purpose why the old people encourage the heirs and the local community to wear semutar today while reviving the cultural heritage of the ancestors.

**Keywords:** *semutar, history, head ornaments, decoration, function, type, characteristics, culture, beauty, sustainability, and Kelantan.*

## ISI KANDUNGAN

BAB 1 .....	1
1.1 PENGENALAN .....	1
1.2 PERMASALAHAN KAJIAN .....	5
1.3 persoalan kajian.....	5
1.4 objektif kajian.....	6
1.5 skop kajian.....	6
1.6 kepentingan kajian.....	7
1.6.1 Individu.....	8
1.6.2 Masyarakat.....	8
1.6.3 Institusi .....	9
1.7 ORGANISASI PENULISAN.....	10
BAB 2 .....	11
KAJIAN LITERATUR.....	11
2.1 PENGENALAN.....	11
2.3 KERANGKA TEORITIKAL.....	24
2.3.1 Kerangka Teori Identiti Sosial .....	28
2.4 KESIMPULAN.....	30
BAB 3 .....	31
METODOLOGI KAJIAN.....	31
3.1 PENGENALAN .....	31
3.2 KERANGKA REKA BENTUK KAJIAN .....	32
3.3 REKA BENTUK KAJIAN .....	33
3.3.1 Kualitatif .....	33
3.3.2 Kuantitatif .....	34
3.4 PENGUMPULAN DATA .....	34
3.4.1 Data Primer .....	34
3.4.1.1 Soal Selidik .....	35
3.4.1.2 Temu bual .....	36
3.4.1.3 Pemerhatian .....	37
3.4.2 Data Sekunder.....	37
3.4.2.1 Kajian Kepustakaan .....	38
3.4.2.2 Sumber Digital .....	38
3.5 PERSAMPELAN KAJIAN .....	39
3.6 INSTRUMEN KAJIAN .....	40

3.6.1 Borang Soal Selidik .....	40
3.6.2 Buku Catatan.....	41
3.6.3 Telefon Bimbit.....	41
3.7 KAEADAH ANALISIS DATA.....	42
3.7.1 Analisis Tematik (Temu Bual).....	43
3.7.2 Analisis Peratusan Kekerapan (Soal Selidik) .....	44
3.7.3 Analisis Kandungan (Sumber Sekunder) .....	45
3.8 KESIMPULAN.....	46
 BAB 4.....	47
 DAPATAN KAJIAN.....	47
4.1 PENGENALAN .....	47
4.2 SEJARAH SEMUTAR DI KELANTAN.....	48
4.3 ANALISIS DAPATAN TEMU BUAL .....	49
4.4 SEMUTAR KELANTAN.....	50
4.5 JENIS, FUNGSI DAN CIRI-CIRI SEMUTAR .....	55
4.5.1 Jenis Kain Semutar .....	56
4.5.2 Jenis dan Nama Gelaran Semutar .....	62
4.5.2.1 Semutar Petani.....	66
4.5.2.2 Semutar Kesum Sejambak atau Secekak .....	68
4.5.2.3 Semutar Gembala Gajah.....	70
4.5.2.4 Semutar Pendekar.....	71
4.5.2.5 Semutar Anak Pondok.....	74
4.5.2.6 Semutar Tok Dalang.....	75
4.5.2.7 Semutar Burung Rajawali.....	77
4.5.2.8 Semutar Jangok atau Janda Berhias .....	79
4.5.3 FUNGSI SEMUTAR.....	81
4.5.3.1 Senjata Mempertahankan Diri.....	83
4.5.3.2 Alat Pelindung daripada Cuaca Hujan dan Panas .....	86
4.5.3.3 Alat Bantuan Kecemasan.....	88
4.5.3.4 Kain Serbaguna .....	89
4.5.4 CIRI-CIRI KEINDAHAN SEMUTAR .....	92
4.5.4.1 Semutar dari Sudut Pandang Islam .....	93
4.5.4.2 Pemakaian yang Melambangkan Perbezaan Status Seseorang.....	98
4.5.4.3 Semutar dapat Membentuk Karakteristik Pemakai .....	100
4.6 LANGKAH PELESTARIAN SEMUTAR .....	103

4.7 ANALISIS SOAL SELIDIK.....	109
4.7.1 Demografi Responden.....	109
4.7.2 Pengetahuan tentang sejarah perkembangan pemakaian semutar.....	111
4.7.3 Jenis-jenis, fungsi dan ciri-ciri semutar .....	115
4.7.4 Pelestarian pemakaian semutar.....	122
4.8 FAKTOR IDENTITI SOSIAL.....	127
4.9 KESIMPULAN.....	132
 BAB 5.....	134
 PERBINCANGAN DAN RUMUSAN .....	134
5.1 PERBINCANGAN .....	134
5.2 RUMUSAN .....	136
 BIBLIOGRAFI.....	139
LAMPIRAN A .....	141
LAMPIRAN B.....	142
LAMPIRAN C.....	146
LAMPIRAN D .....	151

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 PENGENALAN

Budaya memakai perhiasan kepala bukan semata-mata untuk kelihatan cantik, bahkan ia dapat membezakan bangsa yang berasal dari peradaban lain mengikut seni kreatif tahap pencapaian teknologi masing-masing dalam bidang ini (Siti Iryana Nordin, 2011). Perhiasan kepala sudah wujud sekitar 3,000 tahun yang lalu dalam kalangan masyarakat Mesir Purba. Raja-raja Melayu dan raja-raja lain di Asia dan Eropah juga mengenakan pemakaian perhiasan kepala. Walhal pakaian kepala turut dipakai oleh para nelayan bangsa-bangsa lain di serata dunia termasuklah bangsa Melayu kerana mereka memiliki pelbagai jenis pakaian kepala yang tersendiri. Menurutnya lagi, perhiasan kepala boleh berfungsi sebagai simbol dan identiti sesebuah kaum, status, darjat, kepercayaan, ritual, lambang keagamaan dan sebagainya. Setiap perhiasan kepala yang dikenakan dalam berlainan gaya akan berfungsi mengikut kesesuaian keadaan atau situasi, misalnya untuk menghadiri majlis tertentu seperti bersiar-siar, perhiasan santai, pakaian basahan atau pakaian pekerjaan serta dapat memberi gambaran perbezaan terhadap si pemakai.

Majoriti kaum atau bangsa yang wujud di dunia ini sama ada primitif atau moden mempunyai dan memakai perhiasan kepala. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2017), perhiasan bermaksud sesuatu yang digunakan untuk berhias atau menghias. Hiasan kepala pula bermaksud sebarang bahan pelindung yang dikenakan pada mana-mana bahagian kepala seperti kain, tali, kulit, dedaun atau rumput yang juga terdapat pada kaum primitif Afrika

dan pemburu-pemburu seperti orang asli Indonesia, Malaysia Amerika dan sebagainya. Perhiasan kepala pula merangkumi segala perhiasan yang dipakai diatas kepala seperti semutar, tanjak, tengkolok, destar dan banyak lagi.

Menurut Cirlot (1985), ikat kepala bukan sekadar perhiasan mahupun simbol estetik, malah memiliki nilai simbolik dengan ciri makna konvensional yang menjadi salah satu perhiasan atau peralatan budaya yang penting dalam adat istiadat penganugerahan. Selain daripada itu, ikat kepala boleh dikenali sebagai semutar, tengkolok, tanjak, destar, jastar, setangan kepala dan bulang hulu juga adalah perhiasan kepala yang sangat bermakna dalam adat pemakaian cara Melayu. Istilah tengkolok kerap dijumpai dalam teks sastera dan dikatakan terkenal di negeri Perak, manakala destar terkenal di Negeri Sembilan, setanjak di negeri Selangor dan semutar di negeri Kelantan. Kesemuanya merujuk kepada perhiasan yang diikat dan dipakai diatas kepala terutamanya dalam sesuatu majlis, upacara dan adat istiadat bagi orang Melayu sebagai kelengkapan pakaian raja, kaum kerabat diraja, hulubalang istana, rakyat jelata serta pengantin.

Abdullah Munsyi (1972), beliau mengakui bahawa penduduk-penduduk negeri Kelantan masih memakai semutar dan serban sebagai perhiasan kepala harian sejak awal abad ke-18 sehingga kini. Pakaian tradisi bagi masyarakat Melayu Kelantan sudah lama wujud dan tidak mengalami banyak perubahan meskipun perkembangan dunia yang semakin lama semakin meningkat dibawa arus modenisasi kini. Negeri Kelantan sangat popular dengan tradisi dan budaya yang tersendiri seperti adat, makanan, pakaian dan sebagainya. Semutar merupakan perhiasan kepala yang menjadi kegemaran segelintir kaum lelaki Pantai Timur khususnya di negeri Kelantan.

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2017), semutar ditakrifkan sebagai sejenis kain pelilit kepala yang biasanya dipakai oleh orang lelaki dan secara ringkasnya dipanggil bersemutar. Semutar ialah kain yang digunakan untuk melilit dan melindungi kepala orang lelaki dan secara tidak langsung dapat menggambarkan identiti sesebuah masyarakat. Penggunaan kain yang biasa dililit untuk menjadikan semutar adalah kain batik lepas, kain tuala dan kain serban (Siti Iryana Nordin, 2011). Kain tersebut akan digaya atau diolah dalam pelbagai rupa bentuk yang unik mengikut kreativiti orang Melayu terdahulu di Kelantan. Pemakaian semutar ini banyak digayakan oleh warga tua yang menetap di kawasan perkampungan atau kaum lelaki pertengahan umur yang melakukan pekerjaan di bawah cuaca panas terik.

Seterusnya, pemakaian perhiasan kepala baik lelaki ataupun wanita sudah menjadi adat dan tradisi yang sangat tua dalam budaya Melayu (Siti Iryana Nordin, 2011). Gaya perhiasan kepala bagi kaum lelaki Melayu pada awalnya ialah destar yang mana ia berasal dari perkataan Parsi yang membawa maksud ‘penutup kepala’ atau ‘kain kepala’. Pada zaman dahulu, perhiasan kepala sangat penting dan wajib dikenakan apabila menghadap raja di istana serta dianggap biadap jika ‘*bergondol*’ tanpa sebarang penutup kepala akan dikatakan melanggar adat dalam budaya Melayu. Pada mulanya, kepala diikat atau dililit dengan kain di atas kepala berkemungkinan untuk mengawal rambut tetapi lama kelamaan cara lilitannya telah menempuh perubahan dari segi fungsi yang berbeza mengikut satu tempat dengan tempat yang lain sehingga menjadi hasil kesenian milik masyarakat Melayu.

Menurut Siti Iryana Nordin (2011), semutar bukan sekadar fesyen yang dipakai oleh orang zaman dahulu, malah ia memberi banyak manfaat kepada si pemakai yang mana ia berfungsi sebagai alat untuk mengemasukan rambut yang panjang dan boleh dijadikan kain

serbaguna seperti kain pengesat peluh atau pembalut luka. Hal ini jelas dapat dilihat bahawa masyarakat dahulu tidak mudah terkena penyakit kerana mereka sentiasa bersedia dengan penawarnya untuk menjamin keselamatan. Orang lelaki zaman dahulu juga berfikiran jauh dan mula mengenakan penutup kepala untuk melindungi diri daripada ancaman binatang berbisa seperti ular, lebah dan sebagainya kerana mereka kerap melakukan pekerjaan di kawasan hutan.

Semutar juga boleh digelar sebagai semuntal, pemuntal, tengkolok, tanjak, setangan dan destar tetapi gelaran tersebut akan digayakan mengikut status seperti semutar biasanya hanya dipakai oleh golongan bawahan atau orang kampung manakala tengkolok dipakai oleh golongan diraja (Siti Iryana Nordin, 2011). Semutar ini hanya dipakai oleh warga tua seperti petani, penarik beca, peraih, penoreh getah, nelayan, tukang-tukang serta para pesilat pulut melalui majlis-majlis tertentu sahaja. Di Kelantan, pemakaian semutar mencerminkan kesesuaian pekerjaan sipemakai mengikut situasi atau keadaan sesebuah tempat kerja yang mana semutar akan dibuka dan digunakan untuk mengelap peluh serta boleh mengipas atau menyejukkan badan semasa waktu berehat selepas penat melakukan pekerjaan seperti membajak sawah, menjala ikan, membawa beca dan sememangnya tujuan utama semutar adalah untuk melindungi diri daripada cuaca panas terik sinaran matahari.

Perhiasan kepala semutar sangat menarik dan mempunyai nilai estetika yang dapat mencerminkan keindahan budaya Melayu. Sebagai masyarakat Melayu, kita tidak boleh meninggalkan seni warisan yang kita miliki sejak zaman dahulu dalam usaha memperkuuhkan lagi identiti bangsa Melayu agar tidak hilang dimamah zaman sekaligus boleh menjadi tatapan generasi akan datang. Justeru, pengkaji menjalankan kajian ini dengan menumpukan kepada keindahan perhiasan kepala bagi kaum lelaki, kajian ke atas pemakaian semutar di Bachok, Kelantan.

## 1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Semutar hanya banyak dilihat di negeri Kelantan sahaja kerana pemakaianya yang sangat santai dan lebih sesuai dipakai untuk melakukan pekerjaan di kawasan perkampungan. Semutar bukan sahaja berfungsi sebagai perhiasan kepala tetapi ia boleh dijadikan alat senjata, alat bantuan kecemasan, alat mengalas tempat solat. Walau bagaimanapun, pemakaian semutar tidak lagi popular dalam kalangan penduduk di Kelantan terutamanya golongan muda yang beranggapan bahawa semutar merupakan perhiasan kepala yang kolot dan ketinggalan zaman (Siti Iryana Nordin, 2011). Masyarakat kini banyak terdedah dengan perhiasan kepala lain seperti topi, kopiah, songkok dan tarbus yang lebih menarik perhatian mereka berbanding pemakaian semutar. Hal ini juga disebabkan oleh perhiasan kepala lain lebih mengikut *trend*, mudah digayakan dan mudah didapati serta tidak terhad kepada situasi pemakaianya. Secara tidak langsung, hal ini mendorong kepada kemerosotan identiti dan jati diri bangsa Melayu yang semakin lama semakin hilang ditelan zaman. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan untuk meneroka keindahan perhiasan kepala lelaki, kajian keatas pemakaian semutar di Bachok, Kelantan menerusi penyelidikan yang dijalankan.

## 1.3 PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini mengeluarkan tiga persoalan kajian iaitu:

- i. Apakah sejarah pemakaian semutar di Bachok, Kelantan?
- ii. Apakah jenis-jenis, fungsi dan ciri-ciri semutar di Bachok, Kelantan?
- iii. Bagaimanakah masyarakat tempatan melestarikan pemakaian semutar di Bachok, Kelantan?

## 1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Terdapat tiga objektif kajian yang diperoleh iaitu:

- i. Mengenalpasti sejarah pemakaian semutar di Bachok, Kelantan.
- ii. Menghuraikan jenis-jenis, fungsi dan ciri-ciri semutar di Bachok, Kelantan.
- iii. Menganalisis langkah yang diambil oleh masyarakat tempatan dalam melestarikan pemakaian semutar di Bachok, Kelantan.

## 1.5 SKOP KAJIAN

Semutar merupakan perhiasan kepala yang sinonim dengan masyarakat yang menetap di kawasan Pantai Timur seperti Kelantan dan juga Terengganu, Malaysia. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya menumpukan pemakaian semutar di Kelantan iaitu sekitar kawasan Bachok. Kajian ini dijalankan adalah di lokasi yang menjalankan aktiviti pertanian dan perikanan. Kawasan yang akan menjadi fokus kajian tersebut adalah lokasi pertanian seperti sawah padi, kawasan perikanan seperti pantai, kawasan perkampungan, sekitar bandar yang terdapat penarik beca dan di pusat perniagaan seperti kedai kopi dan pasar.



**Rajah 1.1: Peta Daerah Bachok, Kelantan**

Sumber: [Wikimedia Commons.com](#)

## 1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Penyelidikan ini memberi banyak kepentingan terhadap ramai pihak dan akan mendatangkan manfaat dan impak positif melalui kajian ke atas perhiasan kepala warisan Melayu iaitu semutar di Kelantan. Hal ini kerana, kajian ini memberi maklumat, ilmu pengetahuan, contoh dan tauladan kepada seluruh lapisan masyarakat berkaitan dengan semutar. Seterusnya, kajian ini penting dalam mengekalkan kesinambungan warisan budaya dari segi keindahan perhiasan kepala dan secara tidak langsung dapat menjadi rujukan kepada pengkaji lain atau generasi akan datang. Kajian ini wajar dilakukan untuk mengangkat martabat semutar sebagai perhiasan kepala yang dapat dikenali dan diketahui ramai akan kepentingan pemakaianya.

### **1.6.1 Individu**

Berdasarkan kajian ini, pengkaji dapat mendalami sedikit sebanyak tentang perihal semutar seperti jenis-jenis semutar, fungsi, gaya lilitan dan jenis kain yang digunakan untuk dijadikan semutar. Meskipun pemakaianya tidak terlalu meluas tetapi orang tua masih menganggap semutar adalah satu adat atau tradisi yang tidak berubah dan utuh dalam kehidupan mereka. Hal ini jelas apabila golongan tua masih mengamalkan pemakaian semutar sebagai alat perhiasan kepala yang senang dibelit dan selesa untuk dipakai tidak mengira masa lebih-lebih lagi semasa menjalankan pekerjaan di bawah cahaya matahari. Namun begitu, kemajuan zaman semakin mengubah persepsi masyarakat Melayu lebih-lebih lagi generasi muda dalam pengabaian terhadap budaya pemakaian semutar kerana mereka lebih melihat kepada kewujudan perhiasan kepala yang lebih moden atau hampir sama dengan semutar seperti topi, kopiah, songkok, tarbus dan sebagainya.

### **1.6.2 Masyarakat**

Pengkaji melihat bahawa kajian ini juga memberi kepentingan kepada masyarakat khususnya generasi muda dalam membentuk pengetahuan dan kesedaran akan kepentingan menjaga budaya pemakaian semutar di negeri Kelantan. Hal ini kerana, pemakaian semutar adalah satu budaya yang banyak mendatangkan nilai-nilai positif dan mampu membimbing masyarakat atau golongan muda dalam menjaga keindahan budaya bersemutar agar tidak ketinggalan zaman. Hal ini secara tidak langsung dapat memupuk kesedaran mereka agar menghargai budaya dan kreativiti masyarakat terdahulu dalam mencipta perhiasan kepala yang mampu melambangkan identiti masyarakat Kelantan. Bukan itu sahaja, mereka juga dapat menghayati perihal semutar

seperti mengenali jenis, fungsi, ciri yang terdapat pada semutar atau cara melilit semutar dengan berkesan.

### **1.6.3 Institusi**

Di samping itu, kajian ini juga dapat memberi kepentingan kepada institusi pendidikan khususnya para pendidik, pelajar dan mahasiswa. Hasil kajian yang bermutu mampu mengangkat martabat pemakaian semutar yang semakin dilupakan oleh masyarakat khususnya masyarakat Melayu sendiri. Apabila kajian lengkap dihasilkan, ia akan memberi manfaat kepada generasi akan datang sebagai bahan rujukan dalam pendidikan lebih-lebih lagi pengkaji atau mahasiswa universiti yang berminat untuk mengkaji tentang perihal semutar di Kelantan. Dengan ini, mereka dapat memperoleh maklumat tentang nilai-nilai keindahan dalam konteks pemakaian semutar sehingga membentuk jati diri masyarakat Melayu yang utuh. Ringkasnya, mereka juga akan mengetahui bahawa semutar adalah perhiasan kepala yang berasal dari negeri Kelantan. Hal ini jelas akan memberi gambaran bahawa institusi pendidikan juga berperanan penting dalam membantu mengangkat semutar sebagai warisan tidak ketara seperti mana perhiasan kepala tradisional Melayu yang lain.

## 1.7 ORGANISASI PENULISAN

Kajian ini terdiri daripada lima bab. Dalam bab satu, kajian ini dimulakan dengan menerangkan maksud perhiasan, hiasan kepala, perhiasan kepala dan menjelaskan serba sedikit tentang pengenalan yang merangkumi pelbagai aspek berkaitan perhiasan kepala yang dipilih untuk dikaji iaitu semut di Bachok, Kelantan. Selepas pengenalan, pengkaji turut menetapkan persoalan kajian, objektif kajian, permasalahan kajian, skop kajian, kepentingan kajian dan diikuti dengan organisasi penulisan bagi merealisasikan penyelidikan ini.

Dalam bab dua, pengkaji membincangkan tentang kajian literatur iaitu kajian yang sudah dihasilkan daripada pengkaji terdahulu atau kata-kata yang dikeluarkan oleh tokoh mengenai sesuatu perkara yang telah dikaji sebelum ini. Kajian-kajian lepas berdasarkan pandangan tokoh-tokoh sangat penting untuk mendapatkan maklumat sebagai sokongan yang sahih terhadap kajian yang dijalankan. Kajian daripada sarjana lain melalui artikel ilmiah, berlandaskan akhbar, atau orang berpengalaman mengenai kajian yang dijalankan juga diperlukan bagi melengkap kajian yang dijalankan tentang perhiasan kepala iaitu semut di Bachok, Kelantan. Kerangka teori juga dibentuk dalam bab ini dengan menggunakan pendekatan Teori Identiti Sosial oleh pengkaji.

Dalam bab tiga, terkandung metodologi kajian yang dipilih oleh pengkaji adalah kaedah kualitatif dan kuantitatif. Kaedah kualitatif terdiri daripada kaedah kepustakaan yang memerlukan kaedah rujukan bahan ilmiah, sumber digital termasuklah temu bual untuk mendapatkan maklumat berdasarkan kesesuaian kajian yang akan dijalankan. Bagi mengukuhkan lagi bukti kajian, pengkaji juga menggunakan kaedah kuantitatif iaitu edaran borang soal selidik serta diikuti dengan kaedah analisis data untuk menyempurnakan penyelidikan ini.

## BAB 2

### KAJIAN LITERATUR

#### 2.1 PENGENALAN

Kajian literatur merupakan satu kemudahan yang membantu pengkaji untuk mengenalpasti samaada sesebuah topik itu berbaloi untuk dikaji ataupun tidak serta menyediakan banyak pandangan tentang bagaimana penyelidik boleh membandingkan pendapat tentang kajian yang akan dijalankan. Menurut Rosmawati (2014), tinjauan literatur menggunakan bahan bertulis seperti buku, jurnal, tesis, surat khabar sebagai bahan rujukan sebelum menjalankan penyelidikan. Selain bahan bercetak, tinjauan literatur juga boleh dilakukan melalui penggunaan media elektronik seperti laman web rasmi kerajaan dan artikel-artikel berbentuk digital. Perkara yang diterangkan dalam bahagian ini berdasarkan pendapat, pandangan, pernyataan, penilaian, teori dan laporan penyelidikan yang sesuai dengan tajuk kajian yang telah dipilih oleh pengkaji akan disertakan dalam bab kajian literatur ini. Pencarian kajian literatur bagi kajian ini menggunakan kata kunci seperti sejarah, perhiasan kepala, hiasan, semutar, fungsi, jenis, ciri, keindahan dan kelestarian.

#### 2.2 SOROTAN KAJIAN LEPAS

Kajian literatur juga dikenali sebagai sorotan kajian atau lebih jelas lagi adalah penyelidikan yang dikaji oleh pengkaji terdahulu. Kajian literatur adalah bahan rujukan yang mengandungi maklumat-maklumat terpilih dan terdapat di perpustakaan atau kajian literatur mengenai topik atau fokus kajian yang dijalankan oleh pengkaji.

Graham W.A (1908), dalam bukunya, *Kelantan – A State Of The Malay Peninsular*, pakaian kaum lelaki di negeri Kelantan sangat ringkas dan mudah. Pakaiannya hanya menggunakan tiga helai kain iaitu kain lepas, kain semutar, kain ikat pinggang. Kain-kain ini bukan sahaja berfungsi sebagai alat menutup anggota tubuh badan, malah ia mempunyai fungsi tersendiri dan boleh menjadi tempat rahsia bagi orang zaman dahulu. Misalnya, kain lepas biasanya diikat dibahagian pinggang selabuh lutut, kain semutar ialah kain yang dililit di kepala dan kain ikat pinggang dijadikan tempat untuk menyelit senjata, menyimpan duit, tembakau, sirih dan kapur. Pakaian ini merupakan bentuk pakaian harian mereka tanpa mengira basah atau kering. Mereka juga tidak gemar mengenakan kasut atau selipar ketika meredah lumpur dan tidak ada baju khas untuk meredah hujan atau panas kerana sudah menjadi satu kebiasaan bagi mereka masyarakat yang menetap di kawasan kampung.

Pakaian atau perhiasan dapat menentukan taraf pemakaian si pemakai dalam kelompok masyarakat tersebut (Rutter, 1985). Selain itu, perhiasan juga memiliki banyak makna atau simbolik yang boleh membezakan taraf, darjah dan suasana adat istiadat serta pengamal budaya yang menentukan ketua agama atau ketua adat, pahlawan, orang bawahan seperti hamba atau rakyat biasa. Tradisi ini dapat ditentukan melalui material fabrik yang digunakan dan cara pemakaian sesuatu pakaian atau perhiasan tersebut. Oleh itu, pakaian atau perhiasan yang dikenakan oleh masyarakat Melayu juga boleh dilihat melalui perbezaan status pemakaianya seperti mana perbezaan tengkolok dipakai oleh kerabat diraja manakala semutar dipakai oleh orang kampung.

Menurut Abbas Alias & Norwani Md. Nawawi (2003), pengenalan kepada unsur perhiasan kepala iaitu pada asalnya kain melilit kepala bagi orang Melayu ini bertujuan untuk menyimpan rambut panjang yang mengerbang agar sentiasa kelihatan kemas sepanjang masa dan melambangkan ketinggian maruah Islam pada waktu itu. Kain lilit kepala juga boleh

diaplikasikan dalam pelbagai bentuk kegunaan atau lebih ringkas lagi dipanggil bahan serbaguna seperti kain pengesat peluh, kain pengalas tempat tidur, kain basahan, kain pembalut luka di medan peperangan, senjata untuk mengilas tikaman dan pengalas untuk menunaikan solat. Kajian ini mendapati bahawa orang biasa pada mulanya dilarang untuk memakai pakaian lengkap seperti berbaju sarung dengan tengkolok mengikut arahan Sultan Muhammad Shah. Hal ini kerana, rakyat biasa hanya dibenarkan memakai kain dengan ikatan yang ringkas sahaja sebagai perhiasan kepala pada waktu itu untuk membezakan rakyat biasa dan golongan istana. Tengkolok kemudiannya telah diterima menjadi pakaian umum bangsa Melayu, tetapi gaya gubahannya masih ditegah agar tidak menyerupai golongan raja dan orang-orang kenamaan. Semutar mempunyai berbagai reka bentuk yang tersendiri dan ia lebih tertumpu kepada bidang pekerjaan atau aktiviti berkelompok yang berada di sekitar kawasan perkampungan. Contohnya, gaya semutar bagi petani sedikit berbeza daripada gaya semutar pesilat, pemain muzik tradisional atau nelayan kerana gaya lilitannya lebih ringkas sedikit berbanding lilitan semutar yang lain tetapi masih kukuh diatas kepala dan mampu menampung kemudaratian semasa menjalankan pekerjaan. Namun begitu, reka bentuk semutar pada masa kini boleh digayakan dengan bebas mengikut cita rasa individu yang memakainya. Biasanya, kain semutar yang terkenal dalam kalangan lelaki Kelantan adalah kain batik lepas yang merupakan kain nipis jenis kapas buatan Siam sebagai semutar bagi menunjukkan ciri-ciri keperibadian orang Kelantan.

Selain daripada perhiasan kepala semutar, terdapat juga pakaian lilit kepala lain seperti destar yang berasal daripada perkataan Parsi (Hassan Noel Ariffin, 2003). Masyarakat dari Minangkabau sering menyebutnya sebagai destar tetapi masyarakat berketurunan Bugis hanya mengenali perhiasan kepala sebagai setanjak atau tengkolok. Manakala, perhiasan kepala bagi orang Kelantan adalah semutar. Meskipun perhiasan kepala digelar dengan pelbagai nama

tetapi pada hakikatnya ia sudah wujud dengan nama dan rupa bentuk yang tersendiri sejak zaman dahulu. Bagi masyarakat melayu mahupun bumiputera, pakaian haraian tidak akan lengkap jika tidak mengenakan sebarang perhiasan kepala kerana sudah menjadi adat dan budaya bagi mereka dalam menjalani kehidupan sehari-hari meskipun perhiasan kepala tersebut dibuat menggunakan bahan semulajadi. Jelaslah, hampir semua negeri di Malaysia memiliki keunikan perhiasan kepala sendiri yang boleh melambangkan identiti dan membezakan kelompok masyarakat tersebut mengikut negeri masing-masing seperti mana semutar dikenali sebagai perhiasan kepala bagi orang Kelantan.

Georgia Scoot (2003) dalam bukunya berjudul *Headwraps*, perhiasan kepala bagi masyarakat Sabah dan Sarawak di kepulauan Borneo terdiri daripada pelbagai nama iaitu tanjak, cigar, sundis tetapi bergantung kepada berlainan kumpulan etnik. Cara pemakaian perhiasan kepala mereka seperti turban tetapi sama dengan cara memakai tengkolok. Kain yang digunakan oleh kaum lelaki di Sabah adalah kain yang berwarna-warni dikenali sebagai kain dastar iaitu sejenis kain tenunan masyarakat Bajau untuk dijadikan tanjak (pudong) bagi menghadiri upacara kebesaran atau perayaan penting, variasi kain tersebut lebih tebal daripada kain songket. Gaya lilitan perhiasan kepala mereka menggunakan teknik tradisional tetapi penggunaan teknik lebih moden juga digunakan bagi mempelbagaikan jenis gaya pemakaian yang lebih kreatif seperti ikatan yang lebih lebar sedikit berbanding ikatan kebiasaannya. Sebahagian besar daripada mereka memakai turban pada hari perkahwinan. Menempuh era moden, pemakaian perhiasan kepala bagi kaum lelaki Sabah dan Sarawak sudah agak berlainan, lelaki muda dianggap lebih pakar mengenakan gaya tradisional berbanding orang yang lebih berusia (tua). Jadi, perhiasan kepala terdiri daripada pelbagai jenis dan ciri yang tersendiri tidak mengira tempat atau siapa pemakainya.

Menurut Wan Yahaya Abdullah (2004), seni rupa Melayu memang kaya dengan nilai seni seperti mana dalam penulisannya yang bertajuk Bermulanya Tengkolok Melayu dari Melaka. Seni rupa Melayu telah memperlihatkan tahap kreativiti karyawan-karyawan Melayu dalam menghasilkan sesuatu ciptaan yang dapat membentuk identiti bangsa Melayu. Segala ciptaan yang dihasilkan biasanya saling berkait rapat dengan keadaan hidup masyarakat Melayu samaada secara langsung atau tidak lansung sehingga mampu mencerminkan corak hidup dan jati diri masyarakat Melayu itu sendiri. Menurutnya juga, masyarakat Melayu telah mengalami era kemodenan yang pesat sehingga membawa kepada perubahan kebudayaan dan kesenian Melayu. Peralatan atau pakaian harian yang lebih moden mula diperkenalkan. Boleh dikatakan majoriti masyarakat Melayu hari ini mengenepikan ciptaan tradisi tanpa melihat kepada nilai kesenian yang dimiliki oleh sesuatu ciptaan tersebut. Hal sebeginilah yang menjadi penyebab seni rupa Melayu semakin ditinggalkan. Penerimaan pengaruh perhiasan kepala asing dari luar negara seperti kopiah, songkok, tarbus, topi dan sebagainya telah merampas tempat perhiasan kepala tradisi Melayu iaitu semutar, destar, tanjak dan lain-lain lagi yang menjadi pakaian ramai pada zaman dahulu. Walau bagaimanapun, destar berasib baik kerana pemakaianya masih diteruskan dalam upacara rasmi yang dihadiri oleh raja atau pembesar negeri serta ia juga menjadi pakaian kepala bagi pengantin lelaki semasa menjadi ‘raja sehari’.

Sebelum adanya perhiasan kepala sebagai pelengkap berpakaian, terdapat dua jenis pakaian yang membezakan pakaian harian dan pakaian adat bagi orang Melayu (Tenas Effendy, 2004). Pakaian harian lazimnya dipakai secara santai setiap hari dalam kehidupan dan tidak dipakai dalam mana-mana upacara adat atau majlis-majlis rasmi. Kelangkapan pakaian harian bagi manusia adalah baju, seluar, kain, kopiah atau sebarang penutup kepala. Pakaian kerja pula biasanya dipakai oleh para nelayan, petani, buruh, pengait kelapa dan sebagainya untuk melakukan kerja-kerja kasar di kawasan kampung. Keserasian yang sangat penting dalam melengkapkan pakaian melayu salah satunya adalah kopiah. Dalam pakaian adat, kopiah

boleh diganti dengan semutar, destar atau tanjak yang terdiri daripada pelbagai rupa bentuk lengkungan lilitannya. Bagi masyarakat Melayu tradisional akan berasa janggal tanpa mengenakan sebarang perhiasan kepala dalam kelengkapan berpakaian. Hal ini boleh dilihat melalui sudut pemakaian semutar, segelintir kaum lelaki Kelantan tidak boleh meninggalkan semutar kerana mereka beranggapan seperti berperang tanpa senjata dalam melakukan pekerjaan. Jadi, perhiasan kepala juga sangat penting dalam melengkapkan etika pemakaian manusia khususnya bagi masyarakat Melayu yang sangat mementingkan adat dan budaya mereka.

Identiti yang kukuh dalam istilah perhiasan kepala tradisional adalah semutar dan menjadi adat serta budaya bagi orang Kelantan (Ab.Shuaib, 2013). Semutar dikatakan bersifat vernakular bagi kaum lelaki yang menetap di kawasan kampung seiring dengan pekerjaan yang dijalankan seperti buruh, petani atau nelayan untuk melindung kepala daripada cuaca hujan dan panas. Material semutar juga terdiri daripada material yang sama digunakan oleh kaum wanita sebagai penutup kepala bersahaja dan boleh ditemui atau didapati di pasar tempat wanita berniaga. Menurutnya juga, orang Kelantan merupakan kelompok masyarakat yang mempunyai tahap kekreatifan yang tinggi dalam membentuk budaya mereka sendiri sejak zaman dahulu dan masih diaplikasikan pada zaman kini oleh orang-orang lama dalam usaha untuk mempertahankan perhiasan kepala warisan agar tidak ketinggalan zaman. Oleh itu, semutar boleh dipakai tidak mengira jantina dan material semutar juga senang didapati serta pemakaianya menjadi satu kemeriahinan dalam kalangan masyarakat di sesuatu kawasan tersebut.

Kasman Yahya (2014) dalam akhbar Utusan Malaysia, perhiasan kepala tradisional Melayu seperti tengkolok, tanjak atau destar dipakai oleh golongan lelaki dan merupakan perhiasan kebesaran Raja-Raja Melayu sejak zaman dahulu sebagai simbol kemuliaan dan masih diguna pakai sehingga kini. Menurutnya lagi, tengkolok digubah berdasarkan kesesuaian sifat si pemakai dengan empat prinsip utama iaitu megah, garang, duka dan tegas. Selain itu, warna kain yang digunakan untuk membentuk tengkolok mempunyai maksud yang tersendiri iaitu warna tanah gelap dipakai oleh lelaki tua manakala orang muda biasanya akan memilih atau memakai tengkolok berwarna tanah muda berbeza dengan warna tengkolok kerabat diraja iaitu warna kuning dan putih untuk Sultan, warna ungu untuk putera sultan atau undang luak, warna hijau bagi yang berpangkat datuk, warna biru untuk laksamana dan warna hitam polos dipakai oleh pendekar. Tengkolok juga bukan sahaja berfungsi sebagai perhiasan kepala tetapi ia digunakan sebagai senjata bagi kebanyakan orang dengan cara melibas dan mengelak daripada hunusan senjata ketika bertarung pada zaman dahulu. Tengkolok sering dipakai dalam majlis-majlis rasmi atau kebesaran dan menjadi perhiasan dalam busana bagi pengantin lelaki. Oleh itu, tengkolok juga mempunyai fungsi seakan sama dengan semutar yang menunjukkan keistimewaannya bukan sahaja sebagai perhiasan kepala.

Kajian ini juga menggunakan sorotan kajian lepas mengenai perhiasan kepala lain seperti tengkolok, destar, tanjak dan sebagainya kerana kekurangan sumber atau bahan rujukan kajian lepas ke atas semutar. Menurut Salina Abdul Manan (2015), terdapat pelbagai jenis tengkolok di Alam Melayu. Hal ini disebabkan oleh ilmu mengikat tengkolok tidak diperturunkan secara keseluruhan kerana zaman dahulu ilmu diwarisi secara lisan tanpa sebarang catatan yang lengkap. Jadi, reka bentuk tengkolok wujud dalam pelbagai variasi mengikut beberapa buah negeri yang mengamalkan sistem beraja seperti negeri Kelantan, Terengganu, Pahang, Selangor, Johor, Perak, Perlis dan Negeri Sembilan. Tengkolok mempunyai banyak gelaran nama dan bentuk yang berbeza di setiap negeri, namun terdapat

juga tengkolok yang memiliki nama atau gelaran yang sama tetapi mempunyai rupa yang berbeza. Menurutnya lagi, tengkolok juga merujuk kepada reka bentuk estetik iaitu ciri tengkolok itu sendiri sudah membawa maksud keindahan kerana ia dikatakan sinonim dengan kehidupan orang Melayu yang penuh dengan keindahan. Oleh itu, perhiasan kepala dapat membentuk identiti masyarakat Melayu di seluruh negeri.

Mohd Nor Mahmud (2016) pula membincangkan karya seni beliau iaitu penghasilan corak ke atas kain lepas untuk dijadikan semutar yang diinspirasikan daripada rekaan batik tradisional Melayu. Beliau menggunakan lukisan batik untuk menggambarkan nilai-nilai estetika tradisional orang Melayu. Semutar juga ditakrifkan sebagai perhiasan kepala tradisional yang dipakai sebagai hiasan kepala dan kain lepas pula boleh dikenali sebagai kain sarung panjang yang menggunakan teknik batik. Kajian ini mengaplikasikan pelbagai elemen seperti reka bentuk, landskap dan motif yang digunakan terhadap kain lepas untuk dijadikan semutar. Kain lepas merupakan kain yang paling sesuai digunakan untuk dijadikan semutar.

Tanjak merupakan perhiasan kepala yang hanya dipakai oleh kaum lelaki (Herman Yadi, 2018). Gelaran tanjak biasanya digunakan di beberapa buah negeri seperti Pahang dan Perak. Cara membuat dan memakai tanjak juga memiliki cara yang tersendiri dan memerlukan kemahiran untuk menghasilkan tanjak yang kemas. Menurutnya juga, pembuatan tanjak dihasilkan secara tertib dan mempunyai pantang larang jika mengikut tradisi lama pada zaman dahulu. Dapat disimpulkan bahawa, perhiasan kepala bagi orang Melayu terdiri daripada pelbagai jenis nama dan rupa bentuk tetapi mempunyai fungsi yang sama sebagaimana nama-nama perhiasan kepala yang lain dipanggil seperti semutar, justar dan setangan merujuk kepada benda yang sama iaitu sebagai perhiasan kepala. Perbezaan nama perhiasan kepala yang wujud kadangkala mengikut negeri atau panggilan kebiasaan oleh orang zaman dahulu. Misalnya,

nama destar pada asalnya adalah deta tetapi telah berubah sepenuhnya kepada destar disebabkan oleh perubahan zaman dan bahasa yang semakin maju.

Budaya pemakaian semutar perlu diteruskan kerana ia memiliki jati diri yang patut dicontohi untuk membina masyarakat kearah yang lebih baik (Mohamad Salleh, 2019). Semutar juga mempunyai keunikan yang tersendiri melalui cara putaran dan ikatannya yang boleh melambangkan pekerjaan seseorang itu. Sebagai contoh, teknik ikatan semutar bagi petani yang ingin ke sawah adalah dengan cara menutup kepala sehingga telinga bertujuan untuk mengelak daripada terkena gigitan serangga. Semutar juga bukan sahaja dijadikan sebagai perhiasan kepala, malah ia juga boleh menjadi senjata bagi orang zaman dahulu dalam kegiatan seni persilatan dan pemakaianya juga tidak terhad kepada sebarang situasi. Bagi melestarikan pemakaian semutar, Kelab Belia Bestari Rantau Panjang telah menganjurkan aktiviti pemakaian semutar bertempat di Stesen Teksi Rantau Panjang, Kelantan. Usaha ini adalah bertujuan untuk menuai kembali semangat warisan bangsa Melayu itu. Masyarakat hadir ke majlis tersebut dengan menggayakan busana Melayu bersemutar dan bertanjak lengkap. Melalui acara ini, pelbagai aktiviti berteraskan warisan telah dianjurkan seperti demonstrasi pemakaian semutar kepada pelancong asing bagi tujuan memperkenalkan perhiasan kepala tradisi orang Melayu.

Di samping itu, pemakaian tanjak sudah mengalami banyak perbezaan dari zaman dahulu dengan zaman sekarang. Tanjak merupakan perhiasan kepala yang telah wujud dan digunakan sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka lagi (Freddie Aziz, 2019). Pemakaian tanjak berfungsi sebagai penutup kepala yang dipakai untuk menghadap raja dengan penuh adat dan kesopanan. Berlakunya perubahan zaman yang semakin maju, pemakaian tanjak pada hari ini mempunyai lebih banyak fungsi dan kerap dipakai dalam majlis-majlis rasmi atau upacara kebesaran seperti hari kerabat diraja dan tetamu kehormat menghadiri majlis kerajaan

serta tanjak sudah menjadi satu aksesori pelengkap kepada pengantin lelaki semasa majlis persandingan. Menurutnya lagi, gaya atau ikatan kain bagi menghasilkan tanjak mahupun tengkolok semakin lama semakin cantik mengikut perkembangan zaman, perhiasan kepala ini diolah dan diubah suai mengikut taraf pemakainya. Di semenanjung Tanah Melayu sememangnya terkenal dengan pemakaian tengkolok yang merupakan salah satu perhiasan kepala tradisional bagi kaum lelaki yang mengandungi falsafah dan menjadi lambang kedudukan sosial seseorang dalam masyarakat Melayu sejak zaman dahulu. Misalnya, tengkolok Perak merupakan antara ikatan warisan tengkolok yang paling cantik pada masa kini. Oleh itu, identiti seseorang atau kelompok masyarakat dapat ditonjolkan melalui pemakaian perhiasan kepala.

Menurut Dr. Huzaifah (2019) dalam utusan akhbar Bernama, pemakaian tanjak mencerminkan identiti seseorang pemakai dan boleh dinilai dari segi status, pangkat, asal usul dan keperibadian pada zaman Kesultanan Melayu Melaka. Perbezaan status tanjak dapat dilihat dari segi arah layar pemakaian tanjak, orang biasa atau rakyat jelata memakai tanjak yang dilayar ke sebelah kiri manakala tanjak Raja atau Sultan dilayar ke sebelah kanan. Hal ini bukan satu kesalahan, tetapi ia merupakan satu adat bagi orang Melayu terhadap pemakaian tanjak dan tidak boleh dipakai sesuka hati untuk membezakan status seseorang. Menurutnya lagi, orang zaman dahulu hanya menggunakan busana atau perhiasan kepala sahaja untuk memperkenalkan diri mereka kerana pada zaman itu belum ada lagi kewujudan kad pengenalan. Oleh itu, pemakaian tanjak membawa maksud yang berbeza bagi seseorang pemakai dan wajib dipakai dengan cara yang betul untuk mengelakkan sebarang isu dan spekulasi yang boleh menggugat nama baik budaya warisan Melayu.

Selanjutnya, tanjak biasanya akan dipakai mengikut kesesuaian busana atau pemakaianya. Nadiya Othman (2019), setiap tanjak yang dipakai oleh kelompok tertentu melambangkan status kedudukan seseorang seperti orang biasa tidak boleh memakai tanjak yang sama kualiti atau jenis tanjak yang dipakai oleh Raja dan Sultan. Bagi rakyat biasa yang ingin memakai tanjak, mereka perlu mempertimbangkan tujuan pemakaian atau ikatan tanjak yang ingin dipakai terlebih dahulu kerana tanjak tidak boleh dipakai sesuka hati disebabkan oleh reka bentuk tanjak sarat dengan maksud yang tersirat. Makna sebenar tanjak merujuk kepada singkatan pada perkataan ‘Tanah Yang Dipijak’ yang merupakan gelaran sejak zaman Hang Tuah. Tanjak pada asalnya adalah perhiasan kepala yang dipakai oleh golongan kerabat diraja dan pemimpin-pemimpin Melayu pada zaman dahulu sahaja. Kini, tanjak menempuh era kemodenan yang mana pemakaianya sudah boleh dipakai secara bebas oleh golongan bangsawan dan orang kebanyakan untuk menghadiri majlis atau upacara tertentu. Kadangkala, tanjak juga sering digunakan untuk melengkapkan busana pengantin lelaki. Justeru, status seseorang itu juga boleh diukur melalui pemakaian tanjak sama seperti status pemakaian semutar tidak sukar dinilai kerana ia hanya dipakai oleh golongan bawahan sahaja.

Mohd Hanif Harun (2021) dalam artikel Sinar Harian, pemakaian semutar kurang menonjol dalam kalangan generasi muda. Bagi memperkenalkan lagi semutar, aktiviti sosial seperti mengayuh basikal tua sambil bersemutar dan berkain batik merupakan satu idea yang boleh menarik minat setiap lapisan masyarakat untuk menyertai aktiviti bertemakan warisan Melayu. Kelab Basikal Tua Kelantan telah menganjurkan acara berbasikal dengan menampilkan kelainan yang mana lebih 20 peminat basikal tua dari peserta lelaki mengenakan pemakaian semutar manakala peserta wanita berkain batik sempena sambutan Malulidur Rasul. Melalui acara ini, golongan tua sangat berperanan penting kerana mereka memiliki basikal tua antik yang masih kukuh dan dapat membantu dalam mengajar cara untuk memakai semutar mengikut pelbagai gaya yang dikehendaki oleh peserta lain. Kaum lelaki terutamanya golongan

tua di sesetengah daerah Kelantan masih memilih semutar sebagai perhiasan kepala yang memberi jaminan keselesaan bagi mereka sejak zaman berzaman. Selain itu, tema kayuhan bersemutar dan berkain batik ini dilaksanakan bukan sahaja sebagai fesyen semata-mata, malah ia bertujuan untuk mengeratkan ukhuwah sesama manusia sekaligus dapat memperkenalkan keindahan pemakaian semutar di Kelantan. Oleh itu, acara kayuhan basikal tua bertemakan semutar ini sangat menarik dan boleh menggamit kenangan orang-orang zaman dahulu yang mana ia juga mampu membuka mata generasi muda untuk mengenali perhiasan kepala yang dipakai oleh nenek moyang kita agar warisan ini tidak hilang dibawa arus kemodenan begitu sahaja.

Semutar menjadi satu kepentingan dan lambang kemuliaan bagi kaum lelaki Pantai Timur khususnya di negeri Kelantan (Muaz Abd. Hamid, 2021). Nama lain bagi semutar mengikut negeri atau sesebuah kawasan adalah getam atau getang di Perak, kain lepas barat digelar di Terengganu, manakala di Kelantan mengarah masuk ke kawasan Pattani memanggil semutar sebagai kain batik lepas atau kain satu gengam kerana kain semutar ini boleh digengam dengan satu tangan sahaja. Walaupun berbeza nama tetapi perhiasan kepala ini tetap merujuk kepada semutar. Seperti mana yang kita tahu, semutar mempunyai banyak fungsi lebih daripada fungsi utamanya sebagai perhiasan kepala iaitu diletakkan di atas bahu, ikat pinggang, sampin, kain basahan, tuala mandi dan kain serbaguna. Kain semutar terdiri daripada kain lepas dengan panjangnya lebih kurang sedepa atau lebih dan dipakai oleh kaum lelaki yang biasanya menjalankan pekerjaan di kawasan pantai untuk melindungi kepala dari cuaca panas. Kegunaan lain bagi semutar adalah sebagai alat senjata kerana kain semutar boleh menjadi tempat penyimpanan senjata untuk melindungi diri daripada ancaman musuh dan kain semutar juga boleh dibuka lilitannya untuk mencekik musuh sampai mati. Menurutnya lagi, semutar juga mempunyai unsur mistik tetapi sudah tidak digunakan oleh masyarakat Melayu kini seperti segelintir orang zaman dahulu gemar mengasapkan semutar dengan asap tertentu untuk

mendapatkan bau yang harum. Cara lilitan dan warna kain semutar juga boleh menjadi penggerun kepada musuh. Justeru, semutar bukan sekadar aksesori kepala tetapi keunikannya juga dapat dilihat sebagai senjata.

Semutar merupakan perhiasan kepala yang tinggi nilai falsafahnya (Mawardi Yunus, 2022). Semutar bukan sekadar perhiasan sahaja, ia adalah kain lepas yang digunakan untuk melilit di bahagian kepala yang merupakan struktur badan terpenting untuk melindungi otak dan mata semasa menjalankan sesuatu pekerjaan lebih-lebih lagi dibawah cahaya matahari. Secara ringkasnya, pemakaian semutar secara batin dikatakan sebagai tanda bersyukur di atas nikmat yang dianugerahkan oleh tuhan. Dari sudut pandang islam, semutar mempunyai keunikan yang tersendiri di mana pemakaianya dikatakan pada asasnya di mula dengan huruf lam-alif diikuti dari kanan ke kiri sepermula dalam agama dan budaya Melayu untuk lebih afdal dan mengikut sunah sememangnya akan melakukan segala hal bermula dari kanan. Dalam erti kata lain, lilitan semutar menunjukkan arah seperti perbuatan tawaf pada kaabah di Mekah.

Menurut Encik Ts. Mohd Fadzley Abd. Shukor (2022) dalam artikel rasmi Dewan Budaya, bengkel membuat tanjak dan semutar telah dianjurkan oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya dengan kerjasama Persatuan Kebajikan Zuriat Keturunan Pusaka Bentan Malaysia dan pertubuhan-pertuhanan budaya lain bertempat di Istana Budaya, Kuala Lumpur bagi memperkenalkan lagi budaya bertanjak dan bersemutar. Bengkel ini telah dihadiri seramai 35 orang peserta yang meminati seni warisan dan kakitangan Istana Budaya sendiri turut ikut serta bagi memeriahkan lagi suasana bengkel tersebut. Para peserta diberi tunjuk ajar oleh tenaga pakar yang arif tentang selok-belok pemakaian tanjak dan semutar iaitu Cikgu Razali Raffie. Menerusi bengkel ini, peserta diberi pendedahan yang mendalam berkenaan cara membuat tanjak dan cara melilit semutar serta peserta dapat memahami fungsi dan falsafah

disebalik pemakaian tanjak dan semutar sebagai simbolik yang sangat bermakna bagi kaum lelaki. Anjuran bengkel ini juga dapat membentuk permuafakatan yang positif sesama peserta dalam menyokong seni budaya warisan kita agar tidak ketinggalan zaman.

Kesimpulannya, pengkaji menggunakan sorotan kajian lepas untuk memperoleh bahan atau maklumat yang relevan untuk membezakan kajian yang dijalankan dengan kajian penyelidikan yang terdahulu berkenaan topik yang lebih kurang sama. Justeru, berdasarkan sorotan kajian lepas mendapati kajian tentang pemakaian semutar tertumpu kepada sejarah, jenis, fungsi, ciri dan kelestarian semutar. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan untuk meneliti pelestarian pemakaian semutar di kalangan masyarakat di Bachok, Kelantan.

### **2.3 KERANGKA TEORITIKAL**

Kerangka teori merupakan penentu arah dan tujuan penelitian yang membantu pengkaji dalam menjalankan kajian dengan lebih jelas dan konsisten (Koentjaraningrat, 1990). Manakala, kerangka teori didefinisikan sebagai alat yang berperanan penting bagi sesebuah penelitian dan menjadi landasan teori kepada pengkaji untuk menyelesaikan masalah dalam proses penyelidikan.

Menurut H. Nawawi (1993), kerangka teori merupakan salah satu elemen penting dalam penyelidikan kerana kerangka teori mengandungi teori-teori yang relevan dalam menjelaskan masalah yang dikaji. Oleh itu, pengkaji mesti membina kerangka teori yang mengandungi titik pemikiran dan menunjukkan isu kajian untuk menjadikan kajian lebih mudah difahami.

Teori Identiti Sosial dipelopori dan dikembangkan oleh Henri Tajfel dan pelajarnya John Turner sekitar tahun 1980 sehingga 1990-an. Teori ini menyatakan bahawa orang ramai mempunyai kecenderungan untuk meletakkan diri mereka ke dalam satu atau lebih kumpulan sehingga terbina satu kelompok berkumpulan dan menguatkuasakan sempadan dengan

kumpulan lain. Secara ringkasnya, Teori Identiti Sosial menawarkan dua kumpulan identiti yang positif seperti mereka memberitahu kita siapa diri kita dengan jujur dan mereka yang membuat kita berasa yakin atau baik tentang diri kita sendiri. Selain itu, teori ini juga meninggalkan impak yang besar dalam bidang psikologi sosial termasuk kumpulan dinamik, hubungan antara kumpulan, prasangka dan streotaip serta psikologi organisasi.

Identiti sosial merupakan sebahagian konsep yang terdapat pada diri seseorang yang lahir daripada pemahaman mereka terhadap suatu kelompok sosial termasuk nilai dan emosi dari keanggotaan tersebut (Henri Tajfel, 1981). Menurut Fiske & Taylor (1991), identiti sosial menekankan nilai positif atau negatif berhubung dengan perasaan mengambil berat dan bangga yang diperoleh dari keanggotaan sesebuah kelompok tertentu. Namun, ada yang mendefinisikan identiti sosial sebagai rasa keterkaitan kekeluargaan antara satu keanggotaan sosial dengan anggota yang lain yang berhubung dengan rasa peduli meskipun tidak akrab tetapi saling mengetahui pelbagai minat masing-masing (Hogg & Abram, 1990).

Abdul Rahman Embong (1999), identiti bersifat individu dan berkait dengan penglibatan bagaimana cara individu memahami dunia sekelilingnya yang dapat membentuk identiti masyarakat kerana hidup bermasyarakat adalah ciri-ciri utama kewujudan manusia. Calhoun (1994), dalam bukunya berjudul “Social Theory and Politics of Identity” yang menyatakan bahawa identiti merujuk kepada pengalaman. Beliau mengemukakan analogi seperti berikut untuk membuktikan bahawa tidak semua manusia mengenal manusia berdasarkan nama sahaja tetapi boleh dikenali melalui adat atau budaya yang diamalkan oleh seseorang atau masyarakat itu sendiri juga mampu melambangkan identiti.

Menurut Manuel (1997), identiti terdiri daripada pengaruh budaya setempat dengan maksud tertentu yang boleh mencerminkan seluruh masyarakat itu. Identiti sosial bersifat cair dan sentiasa berubah-ubah mengikut parameter identiti seperti agama, budaya dan sebagainya.

Teori ini sering mendapat takrifan baru disebabkan oleh perubahan kemodenan dan pembangunan ekonomi. Menurutnya lagi, terdapat tiga jenis pembentukan identiti sosial dalam masyarakat juga merujuk kepada tujuan politik dan sosial iaitu:

- 1) *Legitimizing Identity* iaitu seseorang atau institusi yang berpengaruh dalam masyarakat dan pembentukan identiti ini akan memberi kelebihan kepada individu atau institusi itu.
- 2) *Resistance Identity* diusahakan oleh pelaku sosial yang menentang pembentukkan identiti yang dilaksanakan oleh perpengaruh.
- 3) *Project Identity* bermula apabila pelaku sosial dalam masyarakat menggunakan segala sumber yang menjadi faktor perubahan sosial seperti budaya, tradisi, bahasa dan sebagainya dalam membentuk satu identiti baru.

Walau bagaimanapun, ramai ahli teori lebih cenderung membicarakan tentang empat aspek seperti ras, kelas, jantina, dan kewarganegaraan yang merujuk kepada identiti sosial (Linda, 2003). Meskipun pembentukan identiti sosial bermula dari individu sebagai faktor sosial yang utama dalam perkembangan bagi seluruh kelompok masyarakat tetapi peranan institusi sangat penting dalam membentuk identiti sosial dalam sesebuah masyarakat. Menurut Shamsul (1999) pula, pembentukan identiti bagi orang Melayu dapat dibuktikan melalui aspek politik dan pemikiran bangsa Melayu oleh penjajah British berdasarkan ilmu kolonial yang diterima oleh mereka sehingga menjadi identiti bangsa Melayu meskipun pada dasarnya milik orang British.

Nisrina Dwi Nur Raniah (2020), pendekatan teori identiti sosial dalam sesebuah kelompok memberi penekanan kepada psikologi individu sebagai tanda perbezaan kehidupan secara berkelompok melalui psikologi dan sosial yang betul. Pada awalnya, teori ini telah mengubah pandangan atau kefahaman mereka yang mana ‘aku’ menjadi kami atau kita. Seterusnya,

terdapat dua kategori yang menunjukkan perbezaan antara identiti peribadi dan identiti sosial adalah seperti berikut:

- 1) Identiti Peribadi merujuk kepada konsep ‘aku’ yang boleh dilihat melalui sifat, kepercayaan dan kemahiran yang terdapat pada seseorang individu berkaitan prestasi dan tujuan hidup (Brian Palmer).
- 2) Identiti Sosial merujuk kepada konsep ‘kita’ iaitu seseorang individu yang mempunyai hubungan dengan orang, kelompok dan masyarakat lain berkaitan keluarga, komuniti dan kampung halaman (Joe Goerman).

Selain itu, Teori Identiti Sosial merupakan teori asas dalam bidang psikologi sosial dan berfungsi sebagai pendahulu kepada pengembangan penyelidikan baru dan arus teori yang berkaitan dengan tingkah laku kumpulan dan hubungan sesama manusia (Marcus Baldwin, 2021). Manakala, istilah Teori Identiti Sosial dicipta merujuk kepada idea dan penerangan yang telah digunakan oleh Tajfel dalam penyelidikannya (Turner & Brown, 1978).

Seterusnya, konsep keyakinan diri yang ada pada diri setiap individu banyak dibentuk oleh identiti sosial (Henri Tajfel, 1981). Hal ini merujuk kepada pengetahuan yang dimiliki seseorang dan beranggapan bahawa dia tergolong dalam kumpulan sosial tertentu berhubung dengan nilai emosi seseorang itu. Bagi faktor perbandingan sosial dalam Teori Identiti Sosial pula dapat dilihat melalui sikap positif dan negatif mengikut perkembangan tingkah laku dan menolak perasan ketidakpuasan hati antara kumpulan sendiri dengan kumpulan lain dalam mendapatkan kesepakatan identiti sosial yang positif.


Teori Identiti Sosial mempunyai dua jenis strategi untuk mendapatkan identiti sosial yang positif (Henri Tajfel 1981). Strategi pertama adalah mobiliti sosial, perubahan kategori atau status dari status yang lebih rendah kepada yang lebih tinggi. Manakala, strategi kedua adalah perubahan sosial untuk mendapatkan penilaian positif dan tidak boleh beralih dari satu kategori ke kategori lain berdasarkan kreativiti sosial dan persaingan sosial. Kreativiti sosial mempunyai tiga strategi khusus untuk mencari aspek perbandingan baru, mendefinisikan semula nilai-nilai yang diberikan kepada aspek-aspek tertentu dan mengubah kumpulan dengan persaingan bagi mewujudkan hubungan yang aman. Persaingan sosial merupakan strategi untuk bersaing dengan kumpulan status yang lebih tinggi, ia muncul apabila seseorang itu menganggap bahawa persaingan antara kumpulan adalah tidak selamat.

Kesimpulannya, Teori Identiti Sosial ini menjadi garis panduan dan berkait dengan kajian yang dijalankan sepetimana semutar merupakan pakaian tradisi yang melambangkan identiti bagi masyarakat Kelantan. Teori ini penting dalam mengukur tahap kefahaman dan tindak balas kepekaan individu terhadap kajian yang dijalankan.

### **2.3.1 Kerangka Teori Identiti Sosial**

Teori Identiti Sosial adalah satu pendekatan yang menjadi panduan dalam menentukan orientasi terhadap kajian yang dijalankan. Menurut H. Nawawi (2001), penyelidik harus merangka atau menyusun kerangka teori sebelum melaksanakan sebarang proses penyelidikan. Justeru, kajian ini telah menggunakan Teori Identiti Sosial yang diperkenalkan oleh Henri Tajfel (1981) untuk melihat sejauhmanakah masyarakat menilai keindahan perhiasan kepala lelaki, kajian ke atas pemakaian semutar di Kelantan. Menurutnya lagi, teori ini digunakan bagi menonjolkan identiti sosial sesebuah masyarakat, terdapat empat elemen atau kriteria yang telah dikemukakan oleh

Henri Tajfel (1981) dalam mempengaruhi identiti pemakaian semutar di Bachok, Kelantan. Berikut menunjukkan kerangka teori bagi kajian ini:



Rajah 2.1: Kerangka Teori

## 2.4 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, bab ini menghuraikan tentang sorotan kajian lepas yang telah dikemukakan oleh penyelidik terdahulu. Sorotan kajian yang digunakan adalah berkaitan dengan topik kajian yang dijalankan. Kesemua kajian lepas yang dilakukan oleh pengkaji terdahulu tidak terlalu spesifik kepada keindahan semutar kerana mereka lebih hanya membincangkan tentang semua perhiasan kepala yang wujud dalam tradisi Melayu secara umum dan ringkas sahaja termasuklah semutar. Perbezaan pendapat daripada pengkaji lepas boleh membantu pengkaji memahami sudut kajian yang dikehendaki secara menyeluruh. Pengkaji juga menjadikan sorotan kajian lepas sebagai garis panduan dalam menjalankan kajian dengan lebih berkesan. Oleh itu, pengkaji menggunakan teori identiti sosial dalam penyelidikan ini kerana ia bersesuaian dengan tajuk kajian yang dijalankan iaitu Keindahan Perhiasan Kepala Lelaki, Kajian ke atas Pemakaian Semutar di Bachok, Kelantan. Hal ini bertujuan untuk melihat sejauhmanakah masyarakat dapat melestarikan pemakaian semutar sebagai perhiasan kepala tradisi Melayu sehingga kini.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## BAB 3

### METODOLOGI KAJIAN


#### 3.1 PENGENALAN

Metodologi kajian adalah satu kaedah penting dalam menjalankan penyelidikan untuk mencapai objektif yang ditetapkan. Dengan adanya kaedah kajian sebegini dapat memperoleh data yang tepat dan sahih. Selain itu, metodologi merujuk kepada prosedur yang sistematik dengan menggabungkan pendekatan kajian dan analisis data bagi memastikan pengkaji mendapatkan kesempurnaan dalam mencapai prestasi penyelidikan yang dikaji (Othman, 2001). Menurut Ruhizan Mohammad Yasin (2010), melalui kaedah pengumpulan data yang digunakan dalam penyelidikan perlu dirancang secara teratur dan terperinci berdasarkan reka bentuk yang bersesuaian bagi pengkaji untuk memperoleh data yang baik.

Dalam bab 3 ini, menerangkan tentang kaedah yang digunakan dalam merealisasikan kajian mengenai keindahan perhiasan kepala lelaki, kajian keatas pemakaian semutar di Kelantan. Metodologi kajian menjadi satu kepentingan dalam penyelidikan sebagai penentu kepada kesahihan atau ketepatan data yang diperoleh terhadap kajian yang dijalankan. Kajian ini menggunakan kaedah berbentuk kualitatif dan kuantitatif. Bab ini juga menghuraikan tentang reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data, persampelan kajian, instrumen kajian dan kaedah menganalisis data secara terperinci dalam bentuk kerangka konsep kajian seperti yang ditunjukkan pada rajah 3.1.

### 3.2 KERANGKA REKA BENTUK KAJIAN

Kerangka reka bentuk kajian berfungsi sebagai panduan kepada penyelidik untuk meneliti elemen-elemen yang terlibat dalam kajian yang dijalankan. Kaedah ini bertujuan untuk memberi penerangan dan gambaran yang jelas, ringkas, padat dan mudah difahami. Berikut merupakan kerangka reka bentuk kajian yang akan dijalankan.



Rajah 3.1: Kerangka reka bentuk kajian berkaitan keindahan perhiasan kepala lelaki, kajian ke atas pemakaian semutar di Bachok, Kelantan.

### **3.3 REKA BENTUK KAJIAN**

Reka bentuk kajian adalah satu susun galur pengolahan data yang dikumpul berdasarkan perancangan khusus dan sistematik mengikut konsep pembentukan rangkaian hubungan antara pembolehubah yang berkait dalam sesuatu kajian (Kerlinger, 1970). Menurut Mc. Milan & Schumacher (1984), pendekatan reka bentuk kajian adalah cara yang berkesan untuk penyelidik menguruskan kajian mengikut prosedur atau teknik yang digunakan bagi menjawab persoalan dan objektif kajian. Kaedah ini juga bertujuan untuk mengawal punca-punca bias yang boleh mengganggu proses dapatan kajian. Terdapat dua pendekatan reka bentuk kajian yang digunakan iaitu kualitatif dan kuantitatif dalam kajian ini. Berikut merupakan beberapa pendekatan kaedah kajian yang digunakan oleh pengkaji dalam melaksanakan kajian ini:

#### **3.3.1 Kualitatif**

Menurut Chua Yan Piaw (2006), membincangkan penyelidikan berbentuk kualitatif dalam bidang sains sosial yang dilaksanakan untuk memahami persekitaran fenomena dan kebudayaan sosial yang sudah atau sedang berlaku. Dazin & Lincoln (1994), menyatakan bahawa penyelidikan kualitatif melibatkan kepelbagaian kaedah yang menekankan kepada pendekatan naturalistik (semula jadi) untuk menyelidik sesuatu subjek. Penyelidikan kualitatif ditakrifkan sebagai proses pemahaman yang berasaskan kaedah pengumpulan data yang sesuai digunakan apabila meninjau sesuatu permasalahan sosial (Resswell, 1994). Kaedah kualitatif kajian ini menggunakan kaedah temu bual dengan beberapa orang responden yang berkaitan bagi memperoleh data secara bersempuka dan melihat sendiri bagaimana masyarakat Kelantan mengaplikasikan semutar dalam kehidupan mereka.

### 3.3.2 Kuantitatif

Menurut Fraenkel (2007), pendekatan kaedah kuantitatif merujuk kepada penyelidikan yang memfokuskan kepada objektif kajian berpandukan pengumpulan data dan analisis data. Menurutnya lagi, penggunaan ujian statistik terhadap sesuatu kajian adalah satu kaedah yang digunakan untuk menerangkan, menjelaskan atau mencari perhubungan antara pemboleh-pembolehubah di dalam kajian. Wimmer (1987) & Dominick (1997), kaedah kuantitatif merupakan kaedah yang akan menggunakan data yang sedia ada sebagai sumber maklumat utama. Justeru, kaedah kuantitatif kajian ini menggunakan edaran soal selidik yang bertujuan untuk mendapatkan data dan mengukur bagaimakah masyarakat tempatan melestarikan pemakaian semutar di Bachok, Kelantan.

## 3.4 PENGUMPULAN DATA

Menurut Sulaiman Masri (2003), pengumpulan data adalah satu proses pengukuran (variable). Pengumpulan data merujuk kepada proses, cara atau perbuatan mengumpul data untuk memperoleh maklumat terhadap sesuatu kajian (Afid Burhanuddin, 2014). Sabitha Merican (2005) pula menyatakan bahawa data adalah pengiraan ke atas ciri-ciri, fakta atau ukuran bagi sesuatu peristiwa. Kaedah pengumpulan data digunakan mendapatkan maklumat berkenaan kajian yang dilaksanakan. Dalam melengkapkan kajian ini, terdapat beberapa sumber yang digunakan untuk proses pengumpulan data.

### 3.4.1 Data Primer

Menurut Umi Narimawati (2008), dalam bukunya “Metodologi Penelitian Kualitatif dan Kuantitatif: Teori dan Aplikasi”, data primer merujuk kepada data yang berasal

dari sumber atau responden sebagai cara untuk mendapatkan maklumat atau data yang tepat. Menurut Rohana Yusof (2004), data primer merupakan data yang berasal dari sumber asli atau pertama. Kaedah pengumpulan data yang digunakan adalah perolehan data primer melalui kajian soal selidik, temubual dan pemerhatian bagi mendapatkan maklumat yang lebih sahih tentang pemakaian semutar di Kelantan.

### **3.4.1.1 Soal Selidik**

Menurut Jones & Clarke (1994), kaedah soal selidik sangat sesuai digunakan untuk memperoleh data berkaitan kajian yang dijalankan. Bagi kaedah ini, pengkaji menggunakan soal selidik bertujuan untuk mendapatkan jawapan mengenai pengetahuan tentang pemakaian semutar, jenis, ciri dan fungsi semutar serta langkah yang diambil oleh masyarakat tempatan dalam melestarikan pemakaian semutar di Bachok, Kelantan mengikut pandangan masyarakat kini. Soal selidik ini meliputi kesemua objektif kajian.

Borang soal selidik diedarkan kepada responden mengikut populasi penduduk di Kampung Tangok di bawah Mukim Telong, Bachok, Kelantan iaitu seramai 1545 orang. Pemilihan responden adalah berdasarkan jadual Krejcie & Morgan (1970), dipilih secara rawak seperti di Lampiran A. Borang soal selidik mempunyai 4 bahagian iaitu bahagian A, B, C dan D sebagai ruangan pemilihan jawapan bagi responden. Bahagian A merujuk kepada soalan demografi iaitu mengenai latar belakang responden. Soalan bahagian B pula mengenai pengetahuan tentang sejarah perkembangan pemakaian semutar. Bagi bahagian C, soalan mengenai penguasaan dan kepentingan mengetahui jenis-jenis, fungsi dan ciri-ciri pemakaian semutar. Manakala, soalan mengenai langkah pelestarian pemakaian semutar dalam kalangan masyarakat

di Bachok, Kelantan sebagai bahagian terakhir iaitu bahagian D. Pembahagian soalan ini bertujuan untuk memudahkan responden memahami kehendak kajian yang dijalankan. Rajah 3.2 di bawah merujuk kepada jadual pembahagian soalan soal selidik:

Bahagian (A)	Bahagian (B)	Bahagian (C)	Bahagian (D)
Soalan demografi responden -Jantina -Umur -Bangsa -Status -Pekerjaan	Soalan mengenai pengetahuan sejarah pemakaian semutar.	Soalan mengenai penguasaan dan kepentingan jenis-jenis, fungsi dan ciri-ciri semutar.	Soalan mengenai langkah pelestarian pemakaian semutar dalam kalangan masyarakat tempatan di Bachok, Kelantan.

Rajah 3.2: Jadual pembahagian soalan soal selidik

### 3.4.1.2 Temu bual

Menurut Mohd Najib Abdul Ghafar (1999), menyatakan terdapat salah satu kaedah yang telah lama digunakan untuk mengukur atau mendapatkan data secara terus adalah dengan menggunakan temubual, temuduga, ujian lisan, demonstrasi dan sebagainya. Menurutnya juga, penyelidik akan memperoleh data secara bersemuka dengan subjek atau responden. Data yang diperoleh menerusi temu bual akan membantu penyelidik mendapat maklumat yang sahih mengikut pengalaman responden sendiri. Kaedah temu bual akan dijalankan ke atas 5 orang responden yang terdiri daripada seorang penduduk kampung, seorang petani, seorang Tok Dalang wayang kulit, seorang penggiat seni tempatan dan seorang pensyarah seni persembahan di Universiti Malaysia Kelantan

(UMK). Pengkaji juga menggunakan teknik ‘snowball’ bagi temu bual. Pengkaji menggunakan kaedah temu bual untuk mendapatkan data secara bersemuka bagi memantapkan lagi kajian yang dijalankan untuk melihat bagaimana masyarakat di Bachok, Kelantan dalam melestarikan pemakaian semutar.

#### **3.4.1.3 Pemerhatian**

Pemerhatian adalah satu kaedah kajian yang asas dan popular digunakan dengan cara memerhati dan mencatat maklumat yang diperoleh mengikut objektif kajian (Mohd Najib Abdul Ghafar, 1999). Pemerhatian ikut serta didefinisikan sebagai satu kaedah yang melibatkan pemerhati bersama-sama dalam kehidupan seharian komuniti yang difokuskan secara terbuka sebagai seorang penyelidik atau secara tertutup sebagai pengintip (Siti Iryana Nordin, 2011). Pengkaji akan membuat pemerhatian di kawasan fokus kajian sebanyak tiga kali seminggu untuk memperoleh data yang selengkapnya. Kaedah pemerhatian yang digunakan oleh pengkaji adalah untuk melihat situasi masyarakat tempatan memakai semutar, cara demonstrasi pelbagai jenis gaya ikatan dan segala perihal yang berkaitan dengan pemakaian semutar di Kampung Tangok, Bachok, Kelantan.

#### **3.4.2 Data Sekunder**

Data sekunder adalah data sokongan kepada sesuatu kajian seperti penggunaan buku-buku atau kajian literatur (Sugiono, 2008). Menurut Uma Sekeran (2011), data sekunder menyumbang kepada kaedah memperoleh maklumat kajian dari sumber yang telah sedia ada. Siti Iryana Nordin (2011), data sekunder merupakan kajian-kajian lepas yang sudah dihasilkan oleh pengkaji terdahulu dan digunakan sebagai rujukan ilmiah

seperti buku rujukan, majalah, akhbar, kamus dan sumber internet. Kaedah data sekunder membantu penyelidik untuk mendapatkan maklumat yang tidak boleh dijawab sepenuhnya oleh responden berkaitan kajian yang dijalankan. Oleh itu, penyelidik menggunakan kaedah pengumpulan data dengan perolehan data sekunder daripada kajian lapangan dan perpustakaan.

#### **3.4.2.1 Kajian Kepustakaan**

Kaedah kepustakaan amat penting bagi pengkaji dalam mendapatkan maklumat yang lebih sahih tentang kajian yang dijalankan (Siti Sarah, 2005). Bagi memperoleh maklumat berkaitan dengan kajian, kaedah kepustakaan dilakukan menerusi bahan-bahan ilmiah seperti buku-buku ilmiah, artikel, akhbar sama ada daripada sumber digital atau tidak asalkan berkaitan dengan objektif kajian yang ditetapkan supaya data yang diperoleh adalah berasas. Penggunaan bahan tidak terbit seperti tesis juga boleh digunakan sebagai rujukan atau panduan kepada bahagian kajian literatur. Bahan rujukan dapat membantu pengkaji membuat perbandingan maklumat antara buku-buku yang diperoleh berkaitan kajian yang dijalankan iaitu keindahan perhiasan kepala lelaki, kajian ke atas pemakaian semutar di Kelantan. Pencarian sumber dan bahan rujukan diperoleh dengan menggunakan kata kunci seperti sejarah, semutar, perhiasan kepala, hiasan, fungsi, jenis, ciri, keindahan, kelestarian dan Kelantan.

#### **3.4.2.2 Sumber Digital**

Sumber digital adalah salah satu kaedah penyelidikan yang digunakan oleh penyelidik untuk memperoleh data secara maya melalui laman sesawang berkaitan kajian yang dijalankan. Pengkaji akan melayari internet untuk membantu dalam menyiapkan

penyelidikan ini. Melalui kaedah ini, pengkaji akan menggunakan platform Google atau Google Scholar untuk mendapatkan bahan atau data tambahan yang berkaitan dengan perhiasan kepala semutar. Dengan menggunakan sumber digital, pengkaji dapat memantapkan kajian yang dijalankan dengan memasukkan apa sahaja maklumat tambahan berkaitan semutar daripada akhbar digital, tesis atau artikel selain daripada data yang diperoleh daripada bahan rujukan perpustakaan meskipun data melebihi skop kajian asalkan ia masih selaras dengan tajuk dan objektif kajian yang telah ditetapkan.

### **3.5 PERSAMPELAN KAJIAN**

Parsampelan adalah satu usaha yang digunakan oleh pengkaji bagi mendapatkan maklumat daripada sampel kajian yang mewakili populasi tersebut (Sulaiman Masri, 2002). Segala bentuk maklumat yang diperolehi terdiri daripada data primer yang benar dan tidak boleh dipertikaikan. Menurut Mohd Majid Konting (2002), populasi yang tepat akan menentukan parameter populasi yang dikaji. Populasi juga akan menentukan sejauh mana data perlu dikumpul untuk tujuan analisis dan turut berkait dengan penentuan masa, tenaga, kewangan dan sebagainya sepanjang menjalankan penyelidikan.

Persampelan kajian merujuk kepada jadual Krejcie & Morgan (1970), sampel bagi Kampung Tangok dilihat berdasarkan populasi penduduk Mukim Telong, Bachok, Kelantan iaitu seramai 1545 ribu orang. Sampel ini bertujuan untuk mendapatkan data daripada masyarakat tempatan yang masih mengguna atau mengamalkan pemakaian semutar sebagai perhiasan kepala pilihan mereka. Pengkaji juga menggunakan teknik ‘snowball’ dalam kajian yang dijalankan. Teknik ‘snowball’ biasanya digunakan dalam teknik persampelan data atau ringkasnya dipanggil *Snowball Sampling* (Dr. Nurkhamimi Zainuddin, 2015). *Snowball Sampling* adalah teknik penentuan sampel yang pada asalnya berjumlah kecil kemudian

bertambah kepada jumlah yang besar, diibaratkan seperti gulungan bola salji, misalnya semakin digali maklumat yang berkaitan tajuk kajian, semakin banyak maklumat yang akan diperoleh. Teknik ini juga membantu pengkaji mengumpul maklumat sehingga tepu. Oleh itu, pengkaji menggunakan teknik ‘snowball’ dalam temu bual sebagai satu cadangan sekiranya ada berlaku pertambahan informen yang ingin memberi lebih banyak maklumat tentang semutari mengikut objektif kajian bagi membantu melengkapkan penyelidikan pengkaji.

### **3.6 INSTRUMEN KAJIAN**

Instrumen kajian adalah kaedah tambahan yang dipilih dan dimanfaatkan oleh penyelidik dalam kegiatan pengumpulan data yang lebih sistematik (Suharsimi Arikunto, 2010). Instrumen kajian didefinisikan sebagai satu alat bantuan yang sesuai digunakan dalam menjalankan sesuatu penyelidikan (Nuraina, 2015). Instrumen yang digunakan oleh penyelidik adalah borang soal selidik, buku catatan dan telefon bimbit bagi mendapatkan banyak informasi yang sahih dan data-data tambahan sebagai bahan input untuk melengkapkan kajian dengan sempurna. Oleh itu, penyelidik menggunakan instrumen kajian sebagai asas untuk memperoleh data bagi mencapai objektif kajian.

#### **3.6.1 Borang Soal Selidik**

Intan Juita Menan (2014), soal selidik merupakan satu set soalan dalam bentuk tulisan yang digunakan untuk mendapatkan maklumat dan menjawab objektif atau persoalan kajian. Kaedah ini digunakan untuk mengumpul data secara formal dan sistematik. Kaedah soal selidik yang digunakan oleh pengkaji adalah butiran bentuk tertutup yang menggunakan skala likert 1-3 dengan pengiraan peratusan kekerapan untuk mengukur pendapat seseorang atau sekelompok masyarakat tentang budaya pemakaian semutar.

Pengkaji menyediakan borang soalan soal selidik menggunakan skala likert beraneka jawapan seperti setuju dan sangat setuju, tidak pasti, tidak setuju dan sangat tidak setuju untuk memudahkan responden menjawab dengan cepat dan tidak mengalih pandangan dari tajuk yang disoalkan mengikut kejujuran pendapat mereka serta kaedah ini akan mudah dianalisis oleh pengkaji. Set soal selidik ini akan diedarkan kepada individu atau penduduk Kampung Tangok, Bachok, Kelantan bagi memperoleh data.

### **3.6.2 Buku Catatan**

Penggunaan buku catatan bertujuan untuk membantu pengkaji mencatat segala maklumat lisan daripada informan secara bertulis semasa temu bual. Buku catatan merupakan objek penting dalam menjalankan penyelidikan bagi pengkaji untuk mengumpul data atau maklumat serta ia juga boleh menyimpan data-data yang dicatat untuk kegunaan kemudian atau sebagai data simpanan agar tidak berlaku sebarang kecinciran maklumat semasa proses menemu bual. Pengkaji akan mencatat segala maklumat yang dilontarkan secara lisan oleh informan tentang sejarah, jenis-jenis, fungsi dan ciri-ciri semutar dengan lebih mendalam kerana kadangkala maklumat temu bual tidak sama dan tidak terdapat dalam sumber sekunder. Oleh itu, penyelidik menggunakan buku catatan sebagai salah satu instrumen penting dalam melengkapkan kajian yang dijalankan.

### **3.6.3 Telefon Bimbit**

Menurut Hamid (2020), telefon bimbit merupakan alat pintar yang digunakan untuk mendapatkan maklumat, akses dan alat perhubungan dengan individu lain. Menurut Hassanzaden & Rezaei (2011), telefon bimbit bertindak sebagai alat komunikasi pada

era teknologi komunikasi tanpa wayar. Penggunaan telefon bimbit dapat membantu pengkaji untuk mengambil gambar informan semasa membuat demonstrasi memakai semuttar. Telefon bimbit juga digunakan sebagai alat perakam suara. Data yang dirakam akan menyimpan maklumat yang diperoleh daripada percakapan informan dan data tersebut akan diolah semula dalam bentuk penulisan. Hal ini membantu pengkaji menjelaskan setiap perolehan data melalui pengetahuan informan bagi memudahkan proses penulisan kajian yang dijalankan dengan lebih kukuh dan sahih.

### **3.7 KAEDAH ANALISIS DATA**

Taylor (1975), analisis data adalah proses yang terperinci, tersusun, teratur untuk merumuskan hipotesis. Kaedah menganalisis data merupakan suatu proses yang digunakan bertujuan untuk mendapatkan data dan maklumat yang bermanfaat dalam kajian (Meriam & Tisdell, 2016). Analisis data bermaksud proses pengolahan data dengan tujuan mengetahui informasi yang berguna untuk menyelesaikan masalah (Firdilla Kurnia, 2023). Kaedah ini juga adalah proses yang membantu pengkaji memahami segala maklumat yang diperoleh berdasarkan objektif kajian. Proses menganalisis data mentah memerlukan penelitian terperinci bagi mendapatkan data yang sahih. Pengkaji akan menganalisis data daripada kumpulan data yang diperoleh melalui kaedah kualitatif dan kuantitatif. Kaedah analisis data merujuk kepada proses menghuraikan dan merumuskan maklumat mengikut kehendak kandungan kajian. Pengkaji menggunakan tiga kaedah analisis data iaitu analisis tematik bagi temu bual, analisis peratusan kekerapan bagi soal selidik dan analisis kandungan bagi sumber sekunder.

### 3.7.1 Analisis Tematik (Temu Bual)

Analisis tematik adalah salah satu cara menganalisis data dengan mengenalpasti pola untuk menemukan tema melalui pengumpulan data oleh pengkaji (Braun & Clarke, 2006). Analisis ini merupakan metod yang efektif bagi melakukan sebuah penelitian dengan mengaitkan pola-pola yang menjelaskan sejauhmanakah fenomena itu dibuat dan dihasilkan mengikut lensa pengkaji (Fareday & Muir-Cochrane, 2006). Menurut Holloway & Todres (2003), terdapat beberapa langkah mudah untuk menggunakan kaedah analisis tematik adalah seperti berikut:

- i. Mengumpul dan memahami data
- ii. Menyusun Kod
- iii. Mencari tema
- iv. Menentukan tentatif tema
- v. Memperhalusi kategori tema
- vi. Menghasilkan laporan

Pendekatan yang menggunakan tema akan membolehkan pengkaji menganalisis dan mengaplikasikan data yang diperoleh dengan teratur. Analisis tematik juga memberi peluang kepada pengkaji mengalami pelbagai bentuk pemahaman menganalisis data dalam situasi yang berlainan. Oleh itu, analisis tematik akan memfokuskan kepada pengetahuan tentang sejarah perkembangan pemakaian semutar, penguasaan dan kepentingan dalam mengetahui jenis-jenis, fungsi, ciri-ciri semutar serta langkah pelestarian pemakaian semutar dalam kalangan masyarakat bagi memudahkan data dianalisis secara terperinci.

### 3.7.2 Analisis Peratusan Kekerapan (Soal Selidik)

Data soal selidik dianalisis menggunakan teknik analisis deskriptif atau peratusan kekerapan dalam penyelidikan ini. Analisis deskriptif merupakan teknik analisis data yang digunakan untuk menguji, mengukur dan menghipotesis data berdasarkan pengiraan berunsur matematik dan statistik (Dita Kurniasari, 2022). Antara analisis deskriptif yang kerap digunakan dalam sesuatu kajian adalah taburan kekerapan, ukuran barangka seperti min, mod dan median serta hasil dapatan boleh dipersembahkan melalui jadual, diagram dan grafik bertujuan untuk mengetahui persamaan atau perbezaan hasil dapatan data setelah selesai dianalisis dengan lebih jelas. Analisis ini menggunakan formula pengiraan iaitu hasil peratusan nilai kekerapan daripada responden yang menjawab soalan soal selidik akan dibahagikan dengan nilai seratus peratus dan didarab dengan jumlah keseluruhan responden bagi mengetahui setiap bilangan kekerapan mengikut kategori pilihan jawapan seperti formula dibawah:

$$\frac{\text{Hasil Peratusan} (\%)}{100\%} \times \text{Jumlah Keseluruhan Responden}$$

Oleh itu, data analisis bagi mendapatkan data berkenaan dengan keindahan perhiasan kepala lelaki, kajian keatas pemakaian semutar di Bachok, Kelantan. Melalui teknik ini, data yang diperoleh akan di analisis bagi menyokong ketepatan maklumat kajian dan dapat menghasilkan sampel data dalam bentuk yang lebih mudah difahami oleh pengkaji serta mudah dibaca oleh pensyarah.

### 3.7.3 Analisis Kandungan (Data Sumber Sekunder)

Analisis kandungan sering digunakan untuk menganalisis data yang dikumpul melalui kaedah kualitatif (Burn, 1995). Kaedah penyelidikan ini adalah satu kajian pengumpulan maklumat melalui dokumen yang mempunyai perkataan atau konsep dalam set teks berdasarkan kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Antara jenis dokumen yang dirujuk oleh pengkaji terdiri daripada sumber sekunder iaitu artikel, jurnal, akhbar, data tidak terbit seperti tesis kajian lepas dan bahan-bahan ilmiah serta data yang diperoleh melalui temu bual berkaitan dengan keindahan perhiasan kepala lelaki, kajian ke atas pemakaian semutar di Bachok, Kelantan. Data sekunder daripada bahan bacaan atau rujukan ilmiah merupakan maklumat tambahan yang menyokong kepada maklumat yang diperoleh melalui temu bual kerana dapatan tidak semestinya sama.

Di samping itu, analisis kandungan merupakan satu kaedah yang fleksibel, kaedah ini boleh digunakan secara meluas dalam pelbagai jenis maklumat teks sama ada berstruktur mahupun tidak berstruktur (M. N. Rashidi et. al, 2014). Pengkaji juga menggunakan pencarian sumber sekunder atau bahan rujukan berpandukan kepada penggunaan kata kunci bagi tujuan meninjau bahan-bahan ilmiah secara komprehensif. Pencarian kata kunci seperti sejarah, semutar, perhiasan kepala, hiasan, fungsi, jenis, ciri, keindahan dan kelestarian digunakan dalam kajian ini. Oleh itu, data yang diperoleh daripada sumber sekunder akan dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan oleh pengkaji.

### 3.8 KESIMPULAN

Kesimpulannya, penyelidik memberikan penjelasan menyeluruh tentang metodologi dan kaedah analisis yang digunakan dalam kajian. Bab ini membincangkan reka bentuk kajian, pengumpulan data, persampelan kajian, instrumen kajian dan kaedah analisis data untuk mendapatkan maklumat yang betul. Metodologi kajian merupakan bab terpenting dalam menjalankan sesuatu penyelidikan. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif iaitu soal selidik dan kualitatif melalui temu bual, pemerhatian dan kajian kepustakaan. Kaedah yang dipilih oleh pengkaji akan digunakan untuk menganalisis semua data yang diperoleh. Soal selidik akan dianalisis menggunakan kaedah deskriptif atau peratusan kekerapan, temu bual akan dianalisis menggunakan kaedah tematik, dan analisis kandungan akan digunakan untuk menganalisis sumber sekunder. Oleh itu, metodologi kajian yang digunakan membantu pengkaji memenuhi piawaian kajian yang dijalankan berkaitan keindahan perhiasan kepala lelaki, kajian ke atas pemakaian semutar di Bachok, Kelantan.

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

## BAB 4

### DAPATAN KAJIAN

#### 4.1 PENGENALAN

Bab empat ini membincangkan hasil dapatan kajian tentang keindahan perhiasan kepala lelaki, kajian keatas pemakaian semutar di Bachok, Kelantan bagi menjawab kesemua objektif kajian yang ditetapkan. Hasil dapatan kajian ini berkaitan dengan pengetahuan tentang sejarah perkembangan pemakaian semutar, penguasaan dan kepentingan dalam mengetahui jenis-jenis, fungsi, ciri-ciri semutar dan langkah pelestarian pemakaian semutar dalam kalangan masyarakat setempat di Bachok, Kelantan. Dapatan kajian yang diperoleh adalah melalui hasil temu bual, edaran borang soal selidik dan diikuti dengan data sokongan ilmiah daripada sumber sekunder. Temu bual dijalankan kepada lima orang informan yang terdiri daripada petani, penduduk kampung, tokoh dalang, pengiat seni tempatan dan pensyarah Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Manakala, borang soal selidik pula diedarkan kepada masyarakat setempat mengikut lokasi kajian iaitu seramai 306 orang responden yang dipilih secara rawak berdasarkan jadual Krejcie & Morgan (1970) di Kampung Tangok, mengikut populasi mukim Telong, Bachok, Kelantan. Borang soal selidik yang diedarkan mengandungi empat bahagian iaitu bahagian A, B, C dan D. Kumpulan data ini juga dianalisis menggunakan Teori Identiti Sosial yang diasaskan oleh Henri Tajfel (1981) berdasarkan tiga elemen yang mempengaruhi pemakaian semutar iaitu identiti sosial dan identiti peribadi, keyakinan diri dan perbandingan sosial serta strategi untuk mendapatkan identiti sosial yang positif. Oleh itu, kesemua hasil dapatan ini terkandung dalam bab ini.

#### 4.2 SEJARAH SEMUTAR DI KELANTAN

Semutar merupakan perhiasan kepala asas bagi kaum lelaki di Kelantan. Menurut Abu Aswab Yah Al Kubra Al Ketani (2018) dalam pengenalan kepada buku ‘Mahkota Orang Melayu, The Malay Crown’ bahawa semutar yang dipakai oleh orang Melayu menyifatkan seseorang itu tidak akan merasa besar kepala, bersifat tunduk dan merendah diri yang sememangnya sifat turun-temurun orang Melayu atau dalam erti kata lain seperti mana seorang hamba merendah diri dengan tuhan pencipta dan sesama makhluk-Nya. Dengan ini, pemakaian semutar dapat meninggalkan nilai-nilai positif kepada si pemakai dan membentuk keperibadian yang baik. Semutar bukan sahaja terkenal dengan gaya pemakaian yang menarik, malah ia mempunyai pelbagai manfaat yang tersendiri dengan seribu satu kegunaan yang tidak dijangka jika dipraktikkan dengan betul contohnya selain daripada melindungi bahagian kepala, ia juga boleh melindungi diri daripada ancaman musuh (Muaz Abd. Hamid, 2021).

Budaya pemakaian semutar sudah lahir sekitar abad ke-18 dan masih diamalkan oleh segelintir masyarakat Kelantan sehingga kini (Abdullah Munsyi, 1972). Menurut Siti Iryana Nordin (2011), semutar juga adalah perhiasan kepala orang kebanyakan yang secara ringkasnya digunakan oleh orang kampung dalam melaksanakan sesuatu pekerjaan di bawah cuaca panas Terik seperti penternak, petani, peniaga, pembawa beca dan sebagainya. Pemakaian semutar juga boleh membentuk identiti masyarakat Kelantan kerana budaya ini hanya diamalkan oleh kaum lelaki di Kelantan dan Pattani, Thailand (Rasmin Nititham, 2018). Pemakaian semutar merupakan salah satu perhiasan kepala pelengkap sesebuah pakaian yang dikenali sebagai pakaian petani misalnya bersemutar dan memakai baju t-shirt, kemeja lama dan kain pelikat serta ia juga boleh menjadi pakaian masjid untuk menggantikan serban, kopiah atau songkok bagi pengamal semutar.

Kebiasaannya, semutar terdiri daripada kain kasa bercorak flora dan lembut yang dipanggil “kain lepas”. Walau bagaimanapun, berbagai jenis kain juga boleh digunakan untuk dijadikan semutar seperti kain tuala, kain pelikat, kain batik lepas dan sebagainya tetapi kain yang menjadi kegemaran utama bagi para pemakai semutar di Kelantan adalah kain lepas sahaja. Di Tanah Melayu, kain lepas memang diminati oleh kebanyakan orang Melayu zaman dahulu. Selain bersemutar di atas kepala, mereka juga mengenakan kain lepas ini sebagai “syalrida” (kain sangkut di bahu), ikat pinggang dan sebagainya mengikut keselesaan dan motif kegunaan si pemakai. Ringkasnya, kain lepas ini memiliki banyak faedah dalam kehidupan seharian (Rasmin Nititham, 2018). Justeru, pemakaian semutar merupakan perhiasan kepala yang sangat penting dan perlu dilestarikan sehingga kini oleh semua pihak agar tidak dapat menjadi tatapan generasi akan datang.

#### **4.3 ANALISIS DAPATAN TEMU BUAL**

Dapatkan temu bual diperoleh melalui hasil temu bual yang dijalankan bersama lima orang informan seperti jadual 4.1. Melalui hasil temu bual, data dianalisis dalam bentuk transkrip dan dipecahkan mengikut tema-tema. Analisis temu bual ini menunjukkan pelbagai pendapat dan pengalaman berbeza mengenai kefahaman pemakaian semutar daripada kesemua informan.

Jadual 4.1: Senarai Informan Kajian

BIL.	KOD DAN HURAIAN	PERANAN
1.	Informan 1 (1)	Penduduk Kampung
2.	Informan 2 (2)	Petani
3.	Informan 3 (3)	Tok Dalang
4.	Informan 4 (4)	Penggiat Seni Tempatan
5.	Informan 5 (5)	Pensyarah Seni Persembahan UMK

Sumber: Kajian Lapangan, 2023

#### 4.4 SEMUTAR KELANTAN

Semutar diibaratkan mahkota warisan bagi kaum lelaki di negeri Kelantan. Pemakaian semutar amat popular di negeri Kelantan dan Selatan Pattani. Semutar juga dianggap sebagai satu fesyen dalam masyarakat Melayu Kelantan. Sejarah perkembangan budaya bersemutar tidak mempunyai kewujudan yang khusus seperti mana objek warisan lain yang memiliki sejarah bertulis kerana semutar hanya diperturunkan secara lisan dan praktikal sejak kecil bagi orang dahulu dan kini. Ringkasnya, semutar merupakan satu budaya unik yang lahir daripada ciptaan nenek moyang masyarakat Melayu itu sendiri dan diamalkan sejak zaman dahulu. Tidak dinafikan bahawa tahap intelek orang tua zaman dahulu pasti akan menciptakan sesuatu perkara yang menjamin kegunaan harian mereka dalam mencegah sebarang kebarangkalian sewaktu melakukan sesuatu pekerjaan. Hal ini disokong dengan temu bual bersama responden 1 dan 5 yang menyatakan bahawa:

*“Kito tahu semutar ni jak kecik lagi, pandai pakai nga sdiri sebabnyo tengok ayoh pakai tengok oghe ramai pakai...aaa...jamey ritu ramai pakai, loni takdop mano doh mugo oghe jamey ritu takdop doh loni.”*

(I1, Penduduk Kampung)

*“Semutar ni merupakan satu dio panggil satu aaa...fesyen la, dress punya fesyen dalam masyarakat Melayu Kelantan, oghe Kelantan jah ado semutar-semutar ni.”*

(15, Pensyarah Seni Persembahan, UMK)

Selain daripada alatan-alatan keperluan harian yang lain, perhiasan kepala juga menjadi satu kepentingan bagi orang zaman dahulu kerana kepala merupakan fizikal penting yang menjaga banyak saraf-saraf pada tubuh badan manusia. Kebiasaanya, ciptaan mereka

wujud dalam pelbagai cara sama ada secara langsung maupun tidak langsung dan pastinya akan mempunyai banyak faedah yang tersendiri serta boleh diaplikasikan dalam pelbagai kaedah atau situasi yang dialami sehingga menjadi adat bagi mereka dalam menjalani kehidupan yang sejahtera.

Semutar adalah pengikat kepala yang diamalkan oleh kaum lelaki masyarakat Kelantan sahaja sewaktu melakukan pekerjaan santai di kawasan kampung. Selain itu, ia juga boleh didefinisikan sebagai satu kaedah bagi sejenis ikatan yang berada di atas kepala. Informan 1,3,4 dan 5 turut menyokong hal ini dengan menyatakan bahawa:

*“Semutar ni kito pakai kebanyakkan gak, pakaian oghe jamey ritu la, pakai wak kijo kapung, oghe Jamey ritu buat meney, pakai tiko main bano, main kertuk haaa...dio pakai lah...”*

(I1, Penduduk Kampung)

*“Dio semutar-semutar ni pakaian oghe jaman dulu, dio pakai semutar sebabnya dio banyok karo atas semutar ni, kadey-kadey dio wak kijo kat padey, panas apo tu dio pakai semutar la, maknonyo dio boleh lindung la palo kito...”*

(I3, Tok Dalang)

*“Semutar, semutar ni dio satu namo, aaa...semutar ni sebenarnya kaedah atau satu namo untuk sejenis ikatan ataupun lilitan hok duduk di kepalo. Haa...apo juo kito guno kain sekalipun, bilo kito lilit dipalo kito akan panggil semutar...”*

(I4, Penggiat Seni Tempatan)

*“Semutar ni ialah satu apani...pengikat kepala yang digunakan oleh masyarakat Kelantan, oghe laki sahaja.”*

(15, Pensyarah Seni Persembahan, UMK)

Pemakaian semutar menjadi satu kewajipan bagi seseorang individu atau kelompok masyarakat yang gemar mengenakan penutup kepala lebih-lebih lagi masyarakat Kelantan. Masyarakat Kelantan pula tidak tertakluk kepada bangsa Melayu sahaja tetapi ada juga orang Kelantan yang berbangsa Cina seperti Cina Peranakan yang memakai semutar. Cara pemakaian generasi terdahulu bagi Peranakan Cina Kelantan di kampung tidak menunjukkan banyak perbezaan dengan masyarakat setempat. Kebiasaanya, kaum lelaki berkain pelikat dan menggunakan kain lepas sebagai semutar atau diikat dipinggang serta tidak berbaju kecuali ke pekan. Pemakaian semutar menjadi adat kaum lelaki pengamal semutar yang menganggapnya penting seperti mana orang Islam wajib bertudung bagi kaum wanita. Hal ini disokong dengan temu bual bersama informan 2 dan 3 menyatakan bahawa:

*“Semutar ni sebenarnyo asal dari oghe jamey dulu la, adat-adat oghe melayu jamey ritu, lepastu oghe-oghe melayu khususnya oghe isley dio jadi itu gapo...em..aaa..wajib ibarat supo ore tino pakai telekung..oghe kata wajib la adat oghe melayu kito jamey ritu..haa..gitu ar..kebanyakkan ore melayu la, tapi oghe cino-cino kapung pun pakai semutar jugok...”*

(I2, Petani)

*“Ehh...sekarang cina banyak pakai, sebab kito tengok loni key dio tidok kenal cino atau melayu... jadi suko, sbb kito gaul, gi jupo kat makan gulai, kenduri kahwin apo suko pakai semutar...”*

(I3, Tok Dalang)



Gambar 4.1: Contoh pakaian kampung masyarakat Peranakan Cina persis masyarakat Melayu di Galeri Komuniti Peranakan Cina, Tanah Merah, Kelantan.

Sumber: Kajian Lapangan, 2023

Malah, Siti Iryana Nordin (2011) juga menyokong pernyataan ini bahawa orang zaman dahulu wajib memakai perhiasan kepala apabila menghadap raja di istana dan dianggap biadap jika ‘bergondol’ tanpa memakai penutup kepala akan dianggap biadab dalam budaya Melayu.

Semutar dikatakan perhiasan yang menjadi kegemaran masyarakat Melayu zaman dahulu khususnya masyarakat Kelantan salah satunya disebabkan oleh daya tarikan yang dimiliki oleh semutar itu sendiri. Hal ini dapat dilihat bahawa semutar merupakan perhiasan yang mesra penggunaan di mana pemakaianya adalah tidak terhad dan bebas jika berada di kawasan kampung ataupun bandar tetapi kebanyakannya budaya bersemutar dapat dilihat di perkampungan sahaja. Masyarakat Melayu atau orang zaman dahulu mengenakan semutar tidak mengira waktu seperti melakukan pekerjaan di bawah cuaca matahari, dipakai semasa bermain permainan tradisional seperti kertuk dan rebana, ada juga yang memakainya ketika

melakukan persembahan seperti dikir barat, mak yong, main puteri dan boleh dipakai ke masjid, kedai kopi dan sebagainya. Hal ini kerana pemakaian semutar dianggap sudah sebatи dalam kehidupan masyarakat Kelantan yang sememangnya hidup harmoni secara berkelompok. Informan 1 dan 2 turut menyokong kenyataan ini semasa temu bual bersama dengan menyatakan bahawa:

*“Dio dulu oghe tok kiro maso, tubik gi kedai pun oghe pakai semutar, oghe gi kijo, gi nyadat nyor, pahtu dio loni menariknya sebab menei la, kito tengok oghe duk pakai tiko main kertuk...menarik lah...”*

(I1, Penduduk Kampung)

*“Semutar ni dio special, so sebab oghe kelatei jah pakai, pastu oghe kapung pakai tok kiro maso, ado jugok pakai time pertandingei macei oghe main teri, bageh, menora ado jugok pakai, pastu pakai wak kijo gi herek lembu, pastu pakai jugok gi smayey masjid...”*

(I2, Petani)

Di samping itu, terdapat juga pantang-larang yang terdapat disebalik pemakaian semutar oleh orang-orang tua zaman dahulu, semutar tidak digalakkan pakai semasa berada dalam keadaan duduk kerana dipercayai akan jatuh miskin dan menjadi fakir. Hal ini sama juga seperti teguran lain orang tua zaman dahulu seperti tidak boleh memotong kuku pada waktu malam kerana boleh menyebabkan kuku menjadi kerabu dan tidak boleh duduk beralaskan bantal kerana akan terkena bisul. Segala teguran yang dikenakan sebenarnya sekadar kiasan tetapi mempunyai maksud yang mendalam dan amat berguna bagi mendidik kita agar terhindar daripada musibah yang tidak diingini berlaku. Informan 4 juga menyokong pernyataan ini

semasa menjalankan temu bual bersama iaitu:

*“Ni perkongsian sikit dari tok guru dari oghe tuo-duo dulu, pantang-larang oghe yang memakai semutar ni tidak digalakkan pakai semasa duduk, dio kata akan jadi fakir, oghe miskin, supo tokleh kerat kuku alik malam la, tokleh mandi malei la, tokleh duk atas bata la takut naik bisul padahal sebab payoh nok cari kekabu...dio sekadar kiasan, teguran tapi ado maksud...”*

(I4, Penggiat Seni Tempatan)

Secara keseluruhannya, semutar terbukti merupakan perhiasan kepala bagi yang sudah lama wujud di negeri Kelantan. Hal ini kerana masyarakat setempat atau orang kampung mengaplikasikan semutar seperti pakaian wajib dalam menjalani kehidupan sehari-hari. Pemakaianya juga sangat familiar dipakai oleh orang kebanyakan terutamanya penduduk kampung yang melakukan pelbagai kegiatan harian di siang hari dan waktu petang bagi melindungi kepala daripada cuaca panas terik serta sebarang ancaman bahaya. Hasil temu bual bersama kesemua informan mengemukakan pelbagai kefahaman dan pendapat masing-masing lebih kurang sama yang menunjukkan mereka mahir serta mengetahui tentang selok-belok kewujudan semutar di negeri Kelantan.

#### **4.5 JENIS, FUNGSI DAN CIRI-CIRI SEMUTAR**

Terdapat pelbagai jenis semutar yang wujud di negeri Kelantan termasuklah jenis kain yang digunakan. Semutar pula bukan sekadar perhiasan kepala malah ia mempunyai fungsi di setiap jenis gaya lilitan atau cara pemakaianya mengikut situasi dan bidang pekerjaan tertentu. Pemakaian semutar juga akan membezakan seseorang itu berstatus atau tidak dan melambangkan ciri-ciri keperibadian utuh si pemakai semutar. Oleh itu, semutar memiliki

keunikan yang tersendiri dan menjadi satu kepentingan khususnya bagi masyarakat Kelantan dalam pelbagai aspek penggunaannya yang banyak mendatangkan manfaat bukan hanya dipakai di atas kepala.

#### **4.5.1 Jenis Kain Semutar**

Bagi membentuk semutar, jenis kain yang digunakan amat penting kerana ia dapat menentukan fungsi dan ciri-ciri semutar. Pada awalnya, jenis kain yang digunakan adalah bebas dan tidak tertakluk kepada fabrik khusus asalkan mampu menutup kepala dengan baik tetapi yang menjadi kebiasaan bagi si pemakai semutar adalah ‘kain lepas’. Kain lepas merupakan satu alat yang digunakan untuk membentuk semutar dan menjadi fenomena sejak era 30-an lagi oleh masyarakat Kelantan. Hal ini sama seperti yang diterangkan oleh informan 1, 2, 4 dan 5 semasa temu bual bersama iaitu:

*“Kalu takdop kain lepas gak, oghe gi padey pun akan mutar nga kain tuola gitu jah, ikut sene, asal boleh wak lap peluh nga tudung palo...”*

(I1, Penduduk Kampung)

*“Jadi, hok saya tahunya gini jela, kain lepas ni jela jenis nyo, kain hok oghe-oghe jamey ritu guna pakai wak semutar.”*

(I2, Petani)

*“Jenis kain ni banyak, ado oghe pakai asal kain pun ado, ado oghe pakai nga kain pelikat, ado oghe pakai ngan kain tuala, tapi kebiasoannya hanya menggunakan kain lepas, cumo bilo duk di palo tu dio panggil semutar...”*

(I4, Penggiat Seni Tempatan)

*“Ok, semutar ni merupakan satu alat guno kain lepas la, kain lepas yang diguna pakai oleh masyarakat Kelantan pada era tahun 30-an lagi la, 30-an hingga 40-an lagi lah, benda ni tular tetapi sudah berlaku perubahan, aaa...”*

(I5, Pensyarah Seni Persembahan, UMK)

Kain untuk dijadikan semutar tidak seperti kain yang digunakan untuk memakai tengkolok, destar, tanjak atau perhiasan kepala lain yang kebanyakannya menggunakan kain songket. Manakala, kain utama yang digunakan untuk memakai semutar iaitu kain lepas atau kain batik lepas. Namun, kain batik, kain kapas atau kain tuala juga antara kain yang boleh digunakan untuk bersemutar di kepala tetapi yang paling relevan dikenali sebagai kain lepas seperti gambar 4.2, 4.3, 4.4 dan 4.5 di bawah. Kain lepas adalah kain yang tidak berjahit dari hujung ke hujung pertemuan kain dan memiliki panjang kira-kira satu depa tangan si pemakai serta digelar sebagai kain serbaguna dan mempunyai seribu satu manfaat yang tersendiri. Hal ini dipersetujui oleh informan 1,2, 3, 4 dan 5 yang juga mengatakan bahawa:

*“Kain dio menarik lah, kain lain tokleh buat semutar, dio kain lepas jah...haa...”*

(I1, Penduduk Kampung)

*“Kain semutar ni sebenarnya dio kebanyakannya gak tak guna kain lain, dio guno kain lepas la...banyak kain lepas jah atau kain batik lepas...oghe klate dia akan tahu semutar ni pakai kain lepas, oghe luar dio toktahu...”*

(I2, Petani)

*“Jenis kain semutar ni dio panggil kain lepas atau kain batik lepas sahaja...”*

(I3, Tok Dalang)

*“Dio gholiknyo atau kebiasaan oghe pakai semutar ni oghe guna kain lepas, namonyo kain lepas, sebab oghe panggil kain lepas tu, kain hok tok berjahit, dio hujung nga hujung tut ok berjahit, dio sehelai...”*

(I4, Penggiat Seni Tempatan)

*“Aaa...kain semutar biasanya kain lepas la, memo sejak dulu oghe bersemutar ni guna kain lepas.”*

(I5, Pensyarah Seni Persembahan, UMK)

Namun, terdapat data sekunder berkenaan kain lepas daripada Rasmin Nititham (2018) dalam bukunya ‘Mahkota Orang Melayu’ yang menyatakan bahawa pemakaian semutar menggunakan kain kasa lembut yang dikenali dengan panggilan “kain lepas”.



Gambar 4.2: Kain Lepas

Sumber: Kajian Lapangan, 2023



Gambar 4.3: Kain Batik

Sumber: Kajian Lapangan, 2023



Gambar 4.4: Kain Kapas

Sumber: Google



Gambar 4.5: Kain Tuala

Sumber: Kajian Lapangan, 2023

Walau bagaimanapun, kain lepas juga mempunyai perbezaan nama penggunaan dari segi perhiasan kepala antara lelaki dan perempuan iaitu kain lepas yang digunakan oleh kaum lelaki dipanggil semutar manakala perempuan dipanggil kelubung. Hal ini disokong oleh informen 4 dan 5 yang menyatakan bahawa:

*“Semutar ni hok oghe jate, oghe tino tak pakai semutar, dio panggil kelubung, dio tak panggil tudung tapi dio panggil kelubung sebab dio hanyo letok gitu jah atas palo...”*

(I4, Penggiat Seni Tempatan)

*“Kalu oghe tino dio panggil kain kelubung, kalu oghe jate dio panggil semutar.”*

(I5, Pensyarah Seni Persembahan, UMK)

Secara ringkas, semutar diibaratkan sebagai pelengkap kepada pemakaian masyarakat Kelantan yang menjalani kehidupan sehari-hari khususnya pekerjaan dibawah cuaca panas terik. Jika tidak mengenakan semutar, mereka akan berasa janggal seperti tidak berselipar. Hal ini dapat dilihat betapa pentingnya semutar bagi orang zaman dahulu kerana sudah menjadi kebiasaan bagi mereka dalam mengenakan semutar. Informan 5 juga menyokong pernyataan ini dengan menyatakan bahawa:

*“Semutar ni kito kata alat pelengkap ataupun aaa maknonyo pelengkap kepada pakaian lain, kalau takdop bendo tu dio tak selesa, tak lengkap la mace awok gi ke kuliah tak pakai selipar, jadi macam janggal dok, jadi begitulah dari segi scenario dan budaya masyarakat Kelantan pada suatu ketika dahulu...”*

(I5, Pensyarah Seni Persembahan, UMK)

Walhal, Siti Iryana Nordin (2011) turut menyokong pernyataan ini dengan menyatakan bahawa semutar adalah perhiasan kepala yang dipakai oleh rakyat biasa atau orang kampung sebagai pelengkap kepada pakaian untuk melakukan sesuatu aktiviti atau pekerjaan lasak dibawah cahaya matahari.

Selain itu, jenis kain atau fabrik semutar sangat unik dan kelihatan senang dibentuk tetapi boleh mengekalkan gaya lilitan kemas dan statik berada di atas kepala dalam tempoh pemakaian yang lama. Walaupun pemakaian semutar dikatakan pakaian basahan atau santai bagi orang kampung, ia juga dapat membentuk pelbagai jenis gaya lilitan. Penggunaan jenis kain juga banyak mempengaruhi kekemasan gaya lilitan semutar tersebut. Jika kain terlalu keras, semutar tidak akan terbentuk dengan sempurna dan boleh mengundang rasa kurang selesa kepada si pemakai.

Malah, orang ramai gemar bersemutar kerana kain lepas mempunyai pelbagai corak dan warna yang berbeza dan biasanya motif yang digunakan berkaitan dengan budaya bangsa Melayu seperti corak bunga melur, kenanga, pucuk, bunga lawang, daun sireh dan sebagainya. Kain lepas bukan sekadar cantik tetapi ia memiliki kualiti yang tahan lasak berbanding kain yang terdapat pada masa kini, disebabkan oleh itu semutar boleh diaplikasikan dalam pelbagai aspek kegunaan yang memberi manfaat kepada kehidupan seharian. Hal ini disokong oleh informan 1,2 dan 4 semasa hasil temu bual bersama iaitu:

*“Kain lepas kalu hok baru payoh la sikit nok putar...dio keras...dio jadi tapi tok kemas mano la...”*

(I1, Penduduk Kampung)

*“Haa, semutar ni kalu nok suruh dio kemas kito keno pakai kain lepas hok lama doh, kalu kain baru dio keras, keno pakai sokmo la sapa dio jadi lembut, baru mudoh nok putar...”*

(I2, Petani)

*“Kain lepas ni dio bezo kalu nga kain baru, kain baru dio benang biaso kalu macei hokni jenis kain lamo tengok kepada jenis jahitan dio keras, kemas sebabtu tehei lamo, kalau kain lamo ni tok lari motif dio kecik, bungo-bungo dio mesti berkait nga budayo Melayu macei bunga kenanga, melur...”*

(I4, Penggiat Seni Tempatan)

Justeru, pemilihan pemakaian perhiasan kepala bagi orang kebanyakan atau orang kampung biasanya akan mengenakan kain apa sahaja asalkan dapat menutup kepala kerana sudah menjadi amalan bagi mereka dalam menjalani kehidupan sehari-hari. Sama juga seperti jenis-jenis kain yang digunakan untuk membentuk semutar, penggunaan kain atau fabriknya tidak terhad dan bebas mengikut keselesaan si pemakai.

#### **4.5.2 Jenis dan Nama Gelaran Semutar**

Semutar juga mempunyai pelbagai jenis dan dibezakan dengan nama tersendiri. Gelaran bagi setiap jenis semutar biasanya akan diperoleh berdasarkan aspek pekerjaan dan bergantung kepada cara lilitan yang akan diberikan sendiri oleh si pemakai serta masyarakat sekeliling. Kadangkala, gelaran ini timbul secara tidak langsung mengikut minat dan kreativiti masing-masing. Hal ini disokong oleh hasil temu bual bersama informan 3 dan 4 yang menyatakan bahawa:

*“Macam saya kata tu la, jenis semutar ni terbentuk berdasarkan minat oghe tu, atas pattern hok dio buat tu...”*

(I3, Tok Dalang)

*“Semutar-semutar ni sebenarnya dio ado pelbagai, banyak jenis semutar, sebab apo dio banyak namo sebab dio dipakai dan digunakan mengikut kawasey, kawasey masyarakat tertentu...”*

(I4, Penggiat Seni Tempatan)

Namun, ada juga sesetengah orang tidak meletakkan apa-apa gelaran dan hanya sekadar memakai semutar tersebut mengikut keselesaannya. Hal ini juga

disokong oleh informan 1 dan 2 semasa hasil temu bual bersama dengan menyatakan bahawa:

*“Banyok, tapi tok tahu namo, mugo kito ikut dey pakai, pakat lilit gitu jah, ikut sene asal boleh wak lap peluh ngan tudung palo...”*

(I1, Penduduk Kampung)

*“Takdop gelaran semutar...panggil semutar blako, kalu oghe tuo dio pakat lilit jah, ikat gitu jela... macam-macam ikat la supo kito ikat pakai serban, hok supo rajo-rajo pakai tula, tengkolok, tanjok, lebih kure cumo bezo material jah...”*

(I2, Petani)

Sehubungan itu, semutar bukan sekadar perhiasan kepala semata-mata malah ia mempunyai falsafah yang tersendiri disebalik jenis gaya lilitan tersebut. Gelaran bagi gaya lilitan semutar akan diberikan bergantung kepada pekerjaan seseorang. Misalnya, gelaran semutar bagi petani adalah semutar petani, semutar bagi orang yang melakukan aktiviti di bukit dipanggil semutar orang bukit, semutar bagi pengembala gajah dipanggil semutar gembala gajah, semutar yang dipakai oleh orang yang berada di tepi pantai dipanggil semutar orang laut tetapi semutar yang paling terkenal dalam masyarakat Kelantan kini adalah semutar kesum secekak atau sejambak. Menurut informan ke-4, terdapat 8 jenis ikatan semutar iaitu:

1. Semutar Petani
2. Semutar Kesum Secekak atau Sejambak
3. Semutar Lipat Pandan Senjah Punca

4. Semutar Tok Dalang
5. Semutar Gembala Gajah
6. Semutar Burung Rajawali
7. Semutar Pendekar
8. Semutar Anak Pondok

*“Dio jenis-jenis semutar ni dio ado macei-macei...banyak...antaronyo, kalu untuk oghe kebun nga bukit oghe panggil semutar oghe bukit, untuk pengembala gajah oghe panggil semutar gembalo gajoh, untuk oghe padi atau kawasey pesawoh oghe panggil semutar sawoh, untuk oghe tepi pata oghe panggil semutar oghe laut, tetapi semutar hok paling popular dipakai oghe panggil semutar kesum secekok ataupun kesum sejambak...”*

(I4, Penggiat Seni Tempatan)

Seterusnya, pemakaian semutar memang memperoleh gelaran berdasarkan kepada pekerjaan yang dilakukan tetapi ada juga nama yang diperoleh melalui kreativiti gaya lilitan semutar yang direka oleh si pemakai pada zaman dahulu. Sekiranya seseorang itu merupakan melakukan kerja-kerja memanjat atau menyadat pokok kelapa maka semutar yang dipakai akan digelar ‘tok nyadat’ dan terdapat juga semutar yang dipakai hanya untuk melawa sahaja, ia dipanggil ‘semutar jangok atau janda berhias’. Namun, informan 5 juga ada menyatakan beberapa jenis semutar yang diketahuinya iaitu Semutar Genggam Tak Sudah, Semutar Pendekar atau Hulubalang, Semutar Anuman, Semutar Untuk Puteri, Semutar Nelayan, Semutar Tok Nyadat dan Semutar Jangok atau Janda Berhias.

*“Ok, semutar ni banyak jenis, dari segi gengam tak sudah, semutar pendekar atau hulubalang, semutar anuman, semutar untuk puteri, semutar nelayan, semutar tok nyadat, tok nyadat ni maknonyo seorang yang buat kerja sebagai panjat pokok kelapa dan banyak lagi la semutar ni ya...semutar untuk lawa pun ado, dio panggil janda berhias...manakalanya kalu dio nok gi tackle janda-janda kan, semutar ni akan digubah dengan gaya-gaya menarik la yang boleh memikat seseorang itu.”*

(I5, Pensyarah Seni Persembahan, UMK)

Hasil temu bual bersama 3 orang informan lagi kurang mendapat kerjasama mengenai topik jenis-jenis semutar kerana mereka tidak banyak pengetahuan dan mereka hanya sekadar memakai semutar mengikut lilitan bebas untuk melakukan pekerjaan sahaja bagi informan yang sudah berumur. Hal ini disebabkan oleh faktor usia atau terbiasa dengan gaya yang sudah dialami oleh mereka sejak dahulu.

#### **4.5.2.1 Semutar Petani**

Jenis semutar ini akan dipakai oleh petani untuk ke sawah, ladang dan padang kerana ia memiliki kaedah lilitan yang mudah dan ringkas dengan simpulan yang kemas. Gaya lilitannya yang mengelilingi kepala secara menyeluruh dan terbuka dibahagian atas kepala. Kadangkala, ada juga petani yang suka mengalas kepala dengan kopiah terlebih dahulu di bahagian dalam barulah dililit bersama semutar untuk menampung bahagian atas kepala.

Sememangnya petani memakai semutar ini untuk melindungi kepala daripada cuaca panas dan kegunaan-kegunaan lain semasa berada di kawasan

mereka melakukan pekerjaan. Misalnya, semutar boleh dibuka ikatan di kepalanya untuk dijadikan pengangkut barang, buah, kayu-kayan dan sebagainya. Biasanya, pakaian lengkap bagi seorang petani adalah baju t-shirt pagoda atau berkolar atau baju kemeja lama, seluar atau berkain pelikat dan bersemutar kain lepas sebagai pelengkap kepada keseluruhan pakaian dalam melakukan pekerjaan. Hal ini turut diperkatakan oleh informan 1, 2 dan 5 semasa temu bual bersama iaitu:

*“banyak...semutar tani la biasonya, kadei-kadei oghe tino ado jugok pakai buat gi padey, letok kain atas palo lipat naik buat noreh...”*

(I1, Penduduk Kampung)

*“Ado banyak jenis tapi hok kito tahu nyo, kito pakai wak kijo kat padey, pesen apo dio pakai, dio panggil semutar tani...”*

(I2, Petani)

*“Semutar juga dalam aspek pertanian, kadang-kadang macam nok angkut barang, angkut buoh dan sebagainya, nok kendong buoh pun boleh gunakan semutar jugok...”*

(I5, Pensyarah Seni Persembahan, UMK)

Di samping itu, terdapat juga beberapa jenis semutar petani yang boleh diolah oleh para petani mengikut keperluan keadaan yang dihadapi contohnya mereka boleh mengubah gaya dengan cara membuang semula ikatan semutar untuk mendapatkan semula hujung kain untuk menutup bahagian tekak

daripada faktor kegatalan apabila mengangkut bahan hutan seperti jerami, buluh dan sebagainya. Hal ini disokong oleh informan 4 yang menyatakan bahawa:

*“Oghe tani pulok dio lepas semutar tu wak tutup tekok, bilo nok akat jerami dio gatal, dio buko tiko panas, dio buko bilo usung jerami dio tutup la kulit, jadi tak gatal la...”*

(I4, Penggiat Seni Tempatan)



Gambar 4.6: Semutar Petani

Sumber: Kajian Lapangan, 2023

#### 4.5.2.2 Semutar Kesum Sejambak atau Secekak

Semutar ini adalah pakaian bangsawan dan orang kenamaan. Gelaran Kesum Sejambak terkenal di Pattani manakala Kesum Secekak di Kelantan. Semutar ini biasanya dipakai di majlis keramaian. Kini, gaya semutar ini sangat terkenal dalam kalangan orang muda di Kelantan. Asal usul tercetusnya nama bagi semutar jenis ini terdiri daripada dua perkataan yang membawa maksud yang berbeza iaitu perkataan “kesum” merujuk kepada sejenis daun sayuran hijau yang berbau harum dan rasa pedas. Sepertimana daun kesum dimasukkan ke

dalam gulai, kuah laksa, asam pedas untuk hilangkan bau hanyir ikan dan menaikkan aroma masakan. Perkataan kedua “sejambak” merujuk kepada hiasan yang layak dijadikan sebagai hadiah.

Ada juga segelintir masyarakat memanggil jenis ini semutar kesum secekak. Perkataan 'secekak' yang digunakan di Kelantan bermaksud ukuran yang besarnya ditentukan oleh lingkaran (bulatan) dan dibuat dengan mempertemukan ibu jari dengan jari yang lain. Gelaran yang diberikan ke atas gaya lilitan semutar ini bukan sekadar nama tetapi mengandungi hikmah dan falsafah disebaliknya. Nama kesum diambil kerana daun kesum mempunyai penawar yang boleh menghilangkan segala bau tidak baik diibaratkan seperti pemimpin yang membawa umatnya menuju kemakmuran dan pastinya pemakaian semutar saling berkait rapat dengan masyarakat setempat. Hal ini juga dikemukakan semasa temu bual dijalankan bersama informan 4 iaitu:

*“Semutar hok paling popular dipakai oghe panggil semutar kesum secekok ataupun kesum sejaombok...haa...namo-namo tu jugok dio ado kaitan, dio bukan sekadar oghe bagi namo, kesum secekok dio ado falsafah dio, bakpo oghe letok namo secekok...haa, namo tu dio bergantung kepada kehidupay masyarakat setempat...”*

(I4, Penggiat Seni Tempatan)

Namun, semutar kesum secekak ini merupakan jenis semutar yang bukan sahaja kemas malah ia cantik apabila berada di atas kepala. Semutar jenis ini juga boleh dikatakan gaya kebiasaan dan menjadi kegemaran kaum lelaki di

Kelantan khususnya golongan muda. Hal ini dipersetujui oleh informan 4 dengan mengatakan bahawa:

*“Suko pakai, ikut pakai, sero comey kito pakai, tu kalu oghe tanyo kito, demo pakai semutar gapo, kita jawab pakai asal lengkap biaso kito pakai semutar kesum secekok la, kesum secekok ni dio seolah-olah pemakaian kebiasaan, oghe pakai gitu blako...”*

(I4, Penggiat Seni Tempatan)



Gambar 4.7: Semutar Kesum Sejambak atau Secekak

Sumber: Kajian Lapangan, 2023

#### 4.5.2.3 Semutar Gembala Gajah

Jenis semutar gembala gajah ini dipakai oleh pengembala gajah putih diraja untuk menunduk dan mengawal gajah dalam “Hikayat Awang Maha” (Rasmin Nititham, 2018). Semutar ini menggunakan kain lepas atau kain berwarna putih yang dicelup warna gelap seperti kulit manggis untuk membezakan si pemakainya. Hikmah memakai semutar gembala gajah menjadi pengunci atau penunduk untuk menjinakkan gajah dan hanya orang yang mempunyai ilmu gajah sahaja yang memakai semutar ini pada zaman dahulu. Si gembala gajah

yang memakai jenis semutar ini sangat berpengetahuan dalam mengendalikan gajah yang liar atau bermasalah secara lembut dan mahir. Gaya lilitannya dipulas dengan meninggalkan ekor (hujung) kain luar dan dalam di sebelah kanan dipercayai menunjukkan ekor gajah yang gagah dan dipakai oleh orang yang hebat pada zaman dahulu. Hal ini disokong oleh informan 4 yang menyatakan bahawa:


*“Semutar ni dipanggil gembala gajah sebab oghe ado ilmu gajoh jah hok pakai semutar jenis ni jamey ritu...”*

(I4, Penggiat Seni Tempatan)

Semutar jenis ini diberi nama gembala gajah bukan sekadar gelaran yang diperoleh atau dipakai begitu sahaja tetapi ia memiliki falsafah, lambang dan kegunaan tersendiri di sebalik pemakaianya. Pemakaian semutar yang dipakai oleh si gembala gajah akan dipandang tinggi pada suatu ketika dahulu kerana tidak semua orang dapat menjinakkan gajah dengan mudah. Hal ini juga disokong oleh informan 4 kerana beliau sangat arif dan banyak pengetahuan tentang semutar dengan menyatakan bahawa:

*“Namo dio bukan sekadar oghe bagi, haa...tengok dio pakai semutar gembalo gajoh, dio pakai semutar gembalo gajoh tu ado falsafah dan ado kegunaan dio, setiap pemakaian tu dio ado kegunaan dio, dio tidak pakai sajo-sajo...”*

(14, Penggiat Seni Tempatan)



Gambar 4.8: Semutar Gembala Gajah

Sumber: Buku Mahkota Orang Melayu (Rasmin Nititham, 2018)

#### 4.5.2.4 Semutar Pendekar

Semutar ini digelar pendekar kerana gaya ini hanya boleh dipakai oleh pahlawan seperti panglima, hulubalang dan pengiring diraja. Gaya ini merupakan pakaian rasmi lengkap hulubalang Raja Kelantan pada suatu masa dahulu. Semutar jenis ini dilihat lebih tebal untuk menampung serangan kelewang dan kapak terbang yang menyasarkan bahagian kepala apabila berlakunya pergaduhan. Pemakaian semutar ini akan melambangkan sifat seseorang yang dikatakan akan menggerunkan orang ramai kerana mereka mengetahui bahawa si pemakai semutar tersebut adalah seorang pendekar. Hal ini disokong oleh informan 3 yang menyatakan bahawa:

*“Oghe jamey dulu dio akan kato haa dio ni pakai semutar ni dio nok maroh kokre ni...pakai semutar pun dio ado jugok lambang dio, oghe takut, mace dio ni pendekar-pendekar, panglima-panglima ni...haa...”*

(I3, Tok Dalang)

Pendekar merupakan seorang pahlawan yang termasyhur pada zaman dahulu, segala perkara yang berkaitan dengan pendekar akan mencerminkan kehebatan beliau. Jadi, pemakaian mereka juga menjadi aspek penting dan pastinya akan mengenakan semutar sebagai pelengkap kepada pakaian lain akan memperlihatkan mereka ini terdiri daripada golongan orang yang hebat. Oleh sebab itu, semutar ini digelar semutar pendekar. Kenyataan ini turut disokong oleh informan 3 semasa temu bual bersama iaitu:

*“Semutar ini dio jamey dulu, dio dipakai oleh panglima, kalu napok oghe pakai semutar ni napok hebat la, kiro dio masuk dalam golongan hok hebat la...”*

(I3, Tok Dalang)

Selain itu, semutar pendekar bukan sekadar perhiasan kepala malah ia merupakan satu senjata rahsia bagi pendekar-pendekar zaman dahulu. Tahap ilmu mempertahankan diri yang diamalkan oleh mereka mampu melawan pihak musuh dengan mudah kerana hanya orang tertentu sahaja yang boleh menguasai ilmu seperti ini. Hal ini disokong oleh informan 4 dan 5 yang menyatakan bahawa:

*“Satu kegunaan duduk di kain lepas hok dipakai buat semutar ni, kalu pendekar-pendekar dulu dio boleh jadikan senjato, dio skalo kalu pendekar dio ado satu kaedoh dio, dio sapuh kanji di kain, dio pakai pinggey di bahagian pusat, kalu dio perey dulu dio keno tikey tok luk, sebab kain tu letok kanji jadi keras pastu dio ado baco-baco la sikit,*

*ilmu oghe jamey ritu...tapi dio tidok dibicarokan secara umum la, dio barey khusus, sekadar perkongsian... ”*

(I4, Penggiat Seni Temapatan)


*“Semutar dalam bentuk aspek pendekar, dio menggunakan semutar untuk mempertahankan diri ataupun untuk menjadi senjata... ”*

(I5, Pensyarah Seni Persembahan, UMK)



Gambar 4.9: Semutar Pendekar

Sumber: Kajian Lapangan, 2023



Gambar 4.10: Semutar Pendekar Kelantan

Sumber: Google

#### 4.5.2.5 Semutar Anak Pondok

Kebiasaannya, semutar jenis ini hanya dapat dilihat dalam kalangan guru dan penuntut di sesebuah Institusi Pengajian Islam seperti sekolah agama dan pengajian pondok sahaja sejak zaman dahulu. Gaya pemakaianya sangat ringkas dan dilebarkan di bahagian dahi supaya sesuai untuk menuai solat agar tidak melanggar syariat islam. Kain semutar yang biasa dipakai oleh orang alim adalah kain kosong bewarna putih dan tidak bercorak sesuai untuk dibawa ke masjid atau majlis ilmu agama. Kain bewarna putih membawa simbol suci dan bersih untuk menuai ibadah dengan sempurna. Semutar ini kelihatan

seakan serban tetapi ia boleh dibezakan pada bahagian tertentu dan si pemakai mengetahui gaya lilitan yang dipakai sama ada semutar ataupun serban kerana di bahagian dalam si pemakai semutar akan mengenakan kopiah sebelum bersemutar tetapi lebih kemas sedikit kerana kain tersebut dililit habis mengelilingi kepala manakala serban meninggalkan hujung kain di berjuntai di bahagian belakang ataupun diletakkan di bahagian tepi leher. Hal ini disokong oleh temu bual bersama informan 4 iaitu:

*“Semutar ni dipanggil anak pondok sebab biaso kito tengok sep-sep sejid pakai, putih atas palo tu bukan serban blako, tapi ado jugok semutar, keno tahu la...”*

(I4, Penggiat Seni Tempatan)

Dalam aspek keagamaan, semutar dipakai untuk menunjukkan tahap keilmuan seseorang yang berada di sekolah pondok sebagai tanda mereka menghormati dan menyangjung ilmu yang diperoleh sepanjang menghadiri majlis-majlis atau kuliah agama yang sudah menjadi amalan bagi budaya masyarakat Kelantan sejak dahulu. Informan ke-5 menyokong pernyataan ini dengan menyatakan bahawa:

*“Begitu juga dalam aspek keagamaan, semutar juga digunakan untuk menunjukkan tahap keilmuan macam sekolah pondok dan sebagainya dia pun guna semutar jugok dalam budaya masyarakat Kelantan dulu...”*

(I5, Pensyarah Seni Persembahan, UMK)



Gambar 4.11: Semutar Anak Pondok

Sumber: Google

#### **4.5.2.6 Semutar Tok Dalang**

Jenis semutar ini digelar tok dalang kerana ia dipakai oleh pemain wayang kulit.

Tok dalang merupakan tukang cerita yang menggerak-gerakkan patung sambil bercerita tentang watak dalam sketsa wayang kulit. Selain itu, tok dalang juga merujuk kepada individu yang memainkan banyak peranan penting dalam bidang wayang kulit antaranya sebagai suara patung, penulis cerita, pengarah lakonan, pemain watak dan penyanyi.

Pemakaian yang akan dipakai oleh tok dalang adalah berbaju melayu lengkap, bersamping songket atau berkain pelikat, berseluas dan memakai semutar sebagai pelengkap pakaian untuk membuat persembahan. Gaya semutar yang dipakai oleh tok dalang lebih kurang hebat dengan semutar pendekar atau panglima kerana mereka juga tergolong dalam kalangan orang yang hebat dan mahir dalam bidang seni persembahan. Hal ini disokong oleh informan 3 dengan menyatakan bahawa:

*“Kalu oghe napok oghe pakai semutar ni napok hebat kiro dio masuk dalam golongan hok hebat la, oghe boleh cam melalui pakai semutar, kalu tengok pattern laguni dia ni panglimo ni, mungkin tok guru silat ko, tok guru boxing ko, tok dalang ko...haa...”*

(13, Tok Dalang)

Kebiasaannya, semutar yang dipakai juga berkait dengan kesesuaian pembawaan watak yang dipersembahkan. Nama gelaran bagi semutar tok dalang sebenarnya tidak berfokus kepada satu jenis gaya sahaja, gaya pemakaian semutar ini tidak terhad, apa jua gaya yang dipakai oleh mereka akan dipanggil semutar tok dalang kerana tok dalang yang memakainya. Tok dalang sangat mementingkan keterampilan agar mereka sentiasa kelihatan bergaya, hebat, segak dan menonjol semasa berada di atas pentas serta semutar yang dipakai boleh membuktikan bahawa Tok dalang adalah seorang yang peramah. Hal ini disokong oleh informan 3 ketika temu bual bersama iaitu:

*“Haa, skalo kito pakai style gini la kalu wak persembahay, dio panggil style panglimo, napok hebat, lamo doh pakai semutar ni, maso kita pakai nok buat persembahan macam wayang kulit ko, persembahan dikir barat ko, dia akan nampak lain la bila kita pakai ni napok hebat laa...”*

(I3, Tok Dalang)



Rajah 4.12: Semutar Tok Dalang

Sumber: Kajian Lapangan, 2023

#### 4.5.2.7 Semutar Burung Rajawali

Pada asalnya, gaya lilitan semutar burung rajawali ini dipakai oleh pesilat, hulubalang atau pendekar di Raman, Thailand dan diperoleh oleh masyarakat Melayu melalui hubungan diplomatik antara pembesar dan pengaruh dalam bidang persilatan. Semutar ini digelar mahkota berbentuk burung atau '*A bird of Paradise*' yang merupakan senjata pembunuhan laju bagi pahlawan zaman dahulu (Rasmin Nititham, 2018). Nama rajawali diberikan kepada semutar ini dipercayai bahawa burung rajawali merupakan seekor burung yang mempunyai ketangkasan dalam menangkap mangsa.

Ilmu bersemutar jenis ini akan diperturunkan atau dihadiahkan oleh tok guru silat handal kepada anak muridnya yang melepassi tahap-tahap pencapaian tertentu. Gaya semutar ini bukan sekadar menampilkan kecantikan atau kehebatan semata-mata apabila dipakai di atas kepala tetapi ia boleh digunakan semasa kecemasan kerana pergerakan penggunaan semutar ini diperoleh daripada ilmu persilatan. Selain itu, cara pemakaian semutar ini juga sedikit

sukar berbanding jenis semutar yang lain, gaya burung rajawali mempunyai langkah-langkah tertentu dan biasanya menggunakan kain keras yang dipanggil ‘kain saprah batik’. Hal ini disokong oleh informan 4 yang menyatakan bahawa:

*“Dalei youtube, saya pernah buat perkongsian cara pakai semutar rajawali, sayo bulih nga tok guru silat dari Thai, dio guno kain sproh petok keras, bilo kito pakai jadi burung...”*

(I4, Penggiat Seni Tempatan)

Pemakaian semutar ini akan membentuk seolah-olah seekor burung berada di atas kepala, yang mana pada pandangan hadapan akan menampakkan sayap burung berada pada kiri dan kanan kepala, kain hujung bahagian kiri dibawa ke telinga bahagian kanan dan ditinggalkan panjang untuk menyerupakai ekor serta hujung kain bahagian kanan di bawa habis ke bahagian tengah dahi dan diselitkan dibahagian hadapan sebagai kepala burung rajawali. Jadi, apabila berada dalam situasi pergaduhan, si pemakai hanya perlu menarik ekor burung itu sahaja dan semutar tersebut akan tercabut secara automatik melibas bahagian tekak musuh. Hal ini dapat dilihat bahawa keberanian pahlawan dahulu yang sentiasa bersedia dalam apa juu keadaan meskipun hanya perlu menggunakan sehelai kain untuk melawan musuh. Informan 4 turut menyokong kenyataan ini kerana beliau mahir memakai semutar jenis ini dengan menyatakan bahawa:

*“Semutar ni kito pakai jadi supo burung, alik kiri kanan jadi sayap, depe palo, lik belakey jadi ekor, walaupun napok supo burung tapi dio adolah senjato paling bahayo, sebab oghe tok skor duduk atas palo, bilo nok perey ko nok silat ko kaedah nok tarik nok guno dio tu meme maut sebab caro dio tu gi tekok, banyok kegunaan dio bilo kito lepar ko musuh, kalu betul-betul baloh meme akan mati..sebabtu pahlawey dulu kalu betul-betul silat, kain sehelai pun boleh lawan oghe ado senjato...”*

(I4, Penggiat Seni Tempatan)



Gambar 4.13: Semutar Burung Rajawali

Sumber: Kajian Lapangan, 2023

#### 4.5.2.8 Semutar Jangok atau Janda Berhias

Semutar jenis ini digelar jangok atau janda berhias, kedua-duanya sama sahaja yang hanya merujuk kepada gaya yang dipakai untuk menarik perhatian orang ramai. Jangok merupakan perkataan yang berasal daripada dialek Kelantan yang asalnya bermaksud cantik, lawa dan segala perkara yang berkaitan dengan berhias. Gaya lilitan bagi semutar ini kelihatan sedikit meriah kerana ia mempunyai cara ikatan dan bunga tertentu yang biasanya banyak digayakan

oleh anak muda dalam acara-acara tertentu contohnya majlis kerakyatan, keramaian, kenduri, pertandingan dikir barat dan pemain alat muzik tradisional asalkan pekerjaan yang berkait dengan ramai orang.

Selain itu, semutar jangok ini boleh juga dilihat dalam kalangan pasukan kerja yang bertugas sebagai penyambut tetamu dan penyeri kepada pelancaran sesuatu majlis. Gelaran “jangok” diperoleh daripada dialek Kelantan yang membawa maksud berhias sakan kerana si pemakai semutar jenis ini akan kelihatan tampan, segak dan kegunaannya memang lebih kepada bergaya sahaja. Hal ini disokong oleh informan 5 semasa temu bual bersama yang menyatakan bahawa:

*“Ok, semutar dari aspek fesyen, fesyen ni mace-mace la, kadey-kadey pakai untuk melawa kei, aaa...contoh kalu kito tengok semutar dari segi jenis-jenis semutar, ok, satu semutar nyo kito panggil semutar jangok untuk melawa la, ado caro-caronyo, caro ikat dio, ado bungo dan sebagainya... ”*

(I5, Pensyarah Seni Persembahan, UMK)

Di samping itu, semutar ini juga digelar sebagai janda berhias kerana salah satu kegunaannya adalah untuk memikat janda pada zaman dahulu. Hal ini dapat dilihat daripada keunikan gaya yang digubah untuk menampakkan diri mereka kelihatan segak dan tampan. Informan 5 juga menyokong hal ini dengan menyatakan bahawa:

*“Banyak lagila semutar ni ye, semutar untuk lawa pun ado, dio panggil semutar janda berhias, maknanya kalau nok gi tackle janda key, semutar ni akan digubah dengan cara yang menarik yang boleh memikat seseorang itu...”*

(I5, Pensyarah Seni Persembahan, UMK)



Gambar: 4.14: Semutar Jangok atau Janda Berhias

Sumber: Facebook (Pok Yik Butir)

#### 4.5.3 FUNGSI SEMUTAR

Semutar bukan sahaja alat yang dipakai di atas kepala, setiap lilitan semutar pasti mempunyai fungsi-fungsi yang tersendiri. Fungsi semutar akan dilihat bergantung kepada situasi atau keadaan yang dihadapi oleh si pemakai. Seperti mana yang diketahui, semutar dibentuk menggunakan kain asasnya yang dipanggil ‘kain lepas’ kerana kain ini memiliki seribu satu kegunaan misalnya semutar yang dipakai di atas kepala boleh dibuka untuk dijadikan kain basahan mandi, kain pengalas tempat solat, kain pembalut luka, kain pengikat barang dan sebagainya. Hal ini disokong oleh informan 4 melalui temubual bersama menyatakan bahawa:

*“Ok, ni la fungsi dio, kain lepas ni dio boleh diistilahkei seribu satu kegunaan, dio boleh buat semutar atas nama kain lepas, dio tajuk kito semutar tapi semutar ni digunakan biasonyo nga kain lepas tapi kain lepas ni boleh bertukar mengikut kegunaan, dio boleh buat kain sehei mandi, dio boleh buat kain nok semayei, dio boleh buat kain balut luko, dio boleh buat kain ngikat barei, dio boleh diklasifikasikan seribu satu kegunaan yang duduk di kain lepas ni...”*

(I4, Penggiat Seni Tempatan)

Namun, fungsi utama bagi semutar adalah sebagai alat pelindung daripada sebarang musibah dan ancaman yang boleh menimpa kepala serta mengemaskan rambut si pemakai agar kelihatan kemas untuk melakukan sesuatu pekerjaan. Seterusnya, semutar dipakai bertujuan untuk melindung kepala dan mengesat peluh semasa melakukan kerja-kerja buruh di bawah cuaca panas terik. Hal ini disokong melalui hasil temu bual bersama informan 1, 2 dan 3 dengan menyatakan bahawa:

*“Yela, fungsi dio banyak, haa, tok nati pakai sajo, dio kebanyakkan gak oghe peluh atas palo kei dio serap peluh, tu fungsi utamo dio tu...”*

(I1, Penduduk Kampung)

*“Fungsi semutar ni pakai atas palo nok suruh kemas apobilo lilit, tu jah...selain itu, untuk protect daripada barang-barang jatuh atas palo gapo kei, sebagai topi jugok lah, kalu bendo-bendo jatuh atah palo keno dio dulu tok keno palo kito...maksudnyo ado protection situ...”*

(I2, Petani)

*“Semutar nih fungsi dio nok kesat peluh, lindung kepala tu jelah, ikut atah kito nok paka, ikut kreativiti dan keselesaan sendiri, macei-maceilah dio boleh buat...”*

(I3, Tok Dalang)

Oleh itu, semutar dirumuskan mempunyai seribu satu kegunaan yang terdapat pada kain lepas. Hal ini dapat dilihat bahawa orang zaman dahulu berpakaian ringkas dengan hanya bersemutar walaupun tidak memakai baju untuk melakukan pekerjaan di dalam hutan kerana mereka sudah mengetahui bahawa semutar yang dipakai boleh diaplikasikan dalam pelbagai aspek kegunaan dalam menjalani kehidupan seperti aspek kerja harian, membela diri, keagamaan, fesyen dan sebagainya. Pemakaian semutar sememangnya menjadi amalan dan budaya masyarakat Kelantan sejak zaman dahulu. Hal ini disokong oleh informan 5 dengan menyatakan bahawa:

*“Jadi banyak lah dari segi fungsi ni, fungsi-fungsi semutar dalam masyarakat Kelantan ni dio berlaku secara menyeluruh, ok, dari aspek bela diri, kerja harian, untuk keagamaan, untuk fesyen, macei-macei la...”*

(I5, Pensyarah Seni Persembahan, UMK)

#### **4.5.3.1 Senjata Mempertahankan Diri**

Keunikan yang dimiliki oleh semutar bukan tertumpu kepada aspek pemakaian sahaja, tetapi ia juga berfungsi sebagai senjata dan alat mempertahankan diri. Semutar boleh menjamin keselamatan diri apabila menempuh detik-detik kecemasan semasa berada di luar daripada zon selamat seperti serangan musuh, barang atau binatang buas. Semutar merupakan alat mempertahankan diri yang

diamalkan oleh pahlawan atau pada suatu ketika dahulu. Misalnya, semutar menjadi penghalang kepada serangan musuh yang memfokuskan balingan atau tetakan senjata tajam kearah kepala ketika berada dalam situasi percaduhan.

Semutar juga boleh dilihat dari aspek persilatan akan menggunakan cara dan gerak-geri tertentu untuk mencederakan serta menangkap pihak lawan. Contohnya, bila berhadapan dengan musuh, hujung kain semutar akan ditarik, kain tersebut dilibas secara automatik menjurus ke bahagian tekak, kemudian kaki akan dipijak secara bersilang dan terus membelit keseluruhan tekak serta ditarik kemas ke belakang sehingga musuh tidak boleh melepaskan diri. Hal ini disokong oleh informan 4 dengan menyatakan bahawa:

*“Semutar boleh dijadikan senjata cara mudah bila berhadapan dengan musuh hanya menarik ekor kain ni, bila senjoh dio akan cabut secara automatik, bendo ni kito lepar dio jatuh atas bahu, bilo dalam keadaan cepat benda ni dia akan jatuh atas bahu, kaki depe ni tijok, tange pegei tarik ko blakei, kain hok tadi hok du katas bahu ni, dio akan temu silang, jadi kito tarik, sekat dohla sebab kaki kito pijok tange kito pegei, maknonyo akan keno tekok betul-betul, ni adalah perkongsian lebih kure kalu nok lebih keno blajar lagi laa...”*

(I4, Penggiat Seni Tempatan)

Hal ini terbukti bahawa orang zaman dahulu mendalami pelbagai ilmu membela diri dan sentiasa bersiap sedia dalam menghadapi ancaman musuh kerana mereka biasanya terdiri daripada para pesilat yang handal sehingga

meletakkan diri mereka sebagai seorang pahlawan ketika itu. Orang tua zaman dahulu banyak mengamalkan ilmu-ilmu kesaktian untuk kekuatan diri mereka. Sebagai contoh, salah satu kemahiran yang digunakan oleh pendekar zaman dahulu adalah ilmu mengeraskan kain lepas untuk mematahkan senjata tajam. Oleh sebab itu, pahlawan zaman dahulu boleh melawan musuh tanpa bersenjata tetapi mampu memcederakan dan membunuh musuh dengan hanya menggunakan sehelai kain sahaja. Hal ini turut disokong semasa temu bual bersama informan 4 dan 5 dengan menyatakan bahawa:

*“Dio skalo kalu pendekar-pendekar ni dio ado satu kaedah dio, sapuh mace kalu kito kanji, kanji dio pakai di bahagian pusat kalu dio perey dulu, dio keno tikey tok luk, tu kain ni dio ado isu dio, sebenarnyo bukey sebab tuh, dio sebab jenis kain lepas ni, pahtu tamboh jugok nga proses pengawetan dio buat kain ni jadi keras, meme kalau keno tetok, keno parei pun tok luk...”*

(I4, Penggiat Seni Tempatan)

*“Jadi, semutar juga boleh digunakan dalam konteks seni bela diri, masyarakat Kelantan ia menggunakan semutar sebagai satu senjata untuk menempis atau melawan pihak musuh, semutar juga digunakan dalam konteks dari sudut mempertahankan diri menggunakan kapok bungkus, dulu kapok bungkus ni dio letok dalam semutar la, maknonyo kalu dio baling tu dalam dio ado senjata la, ha ani dari segi bela diri...”*

(I5, Pensyarah Seni Persembahan, UMK)

Malah, Siti Iryana Nordin (2011) turut menyokong pernyataan ini dan menyatakan bahawa semutar adalah senjata tambahan dalam perlawan yang mana fungsi semutar dapat dilihat melalui cara lilitannya yang tebal bertujuan sebagai penampung kepada serangan musuh yang menggunakan senjata tajam seperti beliung, kapak, sabit dan pisau yang menyerang bahagian kepala.

#### **4.5.3.2 Alat Pelindung daripada Cuaca Hujan dan Panas**

Keutamaan pemakaian semutar dikatakan berfungsi sebagai alat melindungi diri daripada faktor cuaca yang boleh memudaratkan kesihatan pemakai semutar ketika bekerja terutamanya di kawasan kampung (Siti Iryana Nordin, 2011). Misalnya, semutar yang dipakai oleh orang yang bekerja di kawasan bendang padi, bercucuk tanam, nelayan, penternak dan sebagainya yang sering melakukan pekerjaan di bawah cahaya matahari. Kadangkala, fungsi semutar bukan sahaja digunakan ketika cuaca panas sahaja, malah ia juga boleh melindungi kepala ketika cuaca hujan contohnya semutar yang dipakai sudah cukup untuk menampung kepala daripada terkena air hujan kerana kain lepas boleh meresap air dan mengering dengan cepat. Hal ini dapat dilihat bahawa pemakaian semutar dapat menghindari si pemakai daripada kemudaratan kesihatan seperti demam, selsema dan sebagainya. Informan 1, 2 dan 5 menyokong hal ini dengan mengatakan bahawa:

*“Haa, tok nati pakai sajo, dio kebanyakkan gak oghe peluh atas palo kei dio serap lalu, fungsi utamo dio tu, duk tengoh panas gapo...”*

(I1, Penduduk Kampung)

*“Yo la, bilo duk kat padei kei panas, jadi guno semutar la wak kesat peluh haa, kito sukola pakai semutar ni tiko wak kijo, tok kiro huje panas...”*

(I2, Petani)

*“Ok, semutar kalau basoh lepas wak mandi atau keno hujei, boleh guno lah, mugo kain lepas ni kain dio boleh serap peluh atau serap air la, dio mudoh kering berbanding kain biaso...”*

(I5, Pensyarah Seni Persembahan, UMK)

Semutar menjadi peneman setia atau perhiasan kepala yang dikatakan pelengkap dalam menjalani kehidupan sehari-hari bagi orang tua zaman dahulu dan kini. Hal ini dapat dilihat bahawa orang zaman dahulu sangat menyukai semutar dan selesa dibawa kemana-mana kerana kainnya amat mesra pengguna yang mana semutar akan digunakan untuk mengelap peluh, kain basahan mandi dan mengibas untuk menyejukkan badan ketika berada di tempat kerja. Keunikan semutar ini sebenarnya terletak kepada manfaat kain yang digunakan iaitu kain lepas yang mana kain ini terdiri daripada kain benang nipis dan lembut yang mesra pengguna. Oleh sebab itu, orang tua dahulu memilih kain lepas sebagai semutar kerana ia boleh kering dengan cepat berbanding kain biasa apabila dijemur dan hanya menunggu beberapa minit sahaja untuk dipakai semula. Hal ini turut disokong oleh informan 3 dan 5 yang menyatakan bahawa:

*“Dio semutar-semutar ni pakaian oghe jaman dulu, dio pakai semutar sebabnyo dio banyak karo atas semutar ni, boleh guno nok wak mandi*

*“pun boleh, nok wak kesat peluh pun boleh, banyok lah...lepas siap kesat peluh gapo tu gak dio lilit buat semutar semula, kadei-kadei dio wak kijo kat padang, panas apo, dio pakai semutar la, maknonyo dio boleh lindung palo kito...”*

(I3, Tok Dalang)

*“Kain semutar iaitu kain lepas diperbuat daripada benang halus, jadi kain dio tak licin, jadi dio boleh serap peluh atau serap air lah, dia mudoh kering berbanding kain biasa, biasanya kain lepasni kito buat kain basahan dan sebagainya, kita sidai kejap je dalam 10-20 minit dah kering, jadi benda tu boleh diguna pakai selalu la, berbanding kain-kain sekarang ni satu hari nok boleh ko kering dok...”*

(I5, Pensyarah Seni Persembahan, UMK)

#### **4.5.3.3 Alat Bantuan Kecemasan**

Semutar berperanan sebagai alat bantuan kecemasan apabila menghadapi sebarang kecederaan misalnya seseorang itu memperoleh luka semasa melakukan aktiviti dan kerja harian dan tercedera akibat pertelingkahan dengan musuh. Semasa mengalami kecederaan di kawasan hutan, kain semutar akan dibuka lilitannya dan dikoyakkan sedikit mengikut kepada luas atau panjang kesan luka pada bahagian tubuh badan tersebut untuk menahan kepedihan, mengeringkan pengaliran darah dan menutup ruang luka daripada jangkitan kuman kerana kain yang biasa dibuat semutar adalah kain jenis kapas iaitu kain lepas, kain batik serta kain tuala. Kain-kain ini berfungsi bergantung kepada semutar yang diguna pakai pada hari kejadian. Hal ini dapat dirumuskan bahawa

jenis kain semutar yang digunakan tidak menjadi masalah, asalkan nama kain, ia pasti akan membantu merawat sebarang luka atau kecederaan yang dihadapi ketika waktu-waktu kecemasan berlaku. Informan 1 dan 2 menyokong pernyataan ini kerana mereka pernah menghadapi situasi sebegini dengan menyatakan bahawa:

*“Semutar ni jugok fungsi dio boleh buat ubat luko, kalu oghe jaman ritu luko dio balut nga kain semutar semutar, mugo wak kijo dalei hutei kei takdop oghe nok tulong, jadi guno semutar dulu...”*

(I1, Penduduk Kampung)

*“Semutar pun boleh guno wak kesat luko, kalu keno parey, patuk ko bendo, boleh buko semutar, guno untuk menyekat biso-biso, pahtu oghe jamei dulu mace tok-tok dekar baloh perey, kalu keno tikei, luko, dio akan ambik terus semutar atah palo buat tekan pat luko nok suruh daroh breti, aaa lagutu...sebab semutar dio so gulung doh senei tok payoh gumpal doh...”*

(I2, Petani)

#### **4.5.3.4 Kain Serbaguna**

Secara amnya, semutar sememangnya berfungsi sebagai alat serbaguna dalam aktiviti seharian masyarakat Kelantan. Seperti mana yang diketahui, fungsi utama yang biasa digunakan terhadap pemakaian semutar adalah sebagai kain pengelap peluh apabila melakukan kerja-kerja buruh di bawah cuaca panas terik. Manakala, fungsi lain semutar boleh dijadikan kain basahan mandi ketika

berasa panas berada di hutan, alat untuk membalut luka, alat mempertahankan diri, kain pengalas tempat solat, alat berhias atau melawa, alat perhiasan rumah, alat untuk mengendong barang seperti makanan, minuman, buah-buahan, kayukayan dan kadangkala diguna pakai dalam pertandingan warisan atau seni persembahan. Hal ini disokong oleh temu bual bersama informan 1, 2, 3, 4 dan 5 dengan menyatakan bahawa:

*“Yela, dia banyak fungsi la, haa tidak nati ko pakai sajo, dio kebanyakkan gak oghe peluh atah palo kei dio serap, tu fungsi utamo dio tu, duk tengoh panas gapo tu, mudoh jah, dio untuk keselamatan jgk, oghe silat pun pakai semutar...”*

(I1, Penduduk Kampung)

*“Fungsi semutar ni pakai atas palo nok suruh kemas palo apobilo lilit. wak lindung palo la, tu jah...selain daripada tu untuk protect daripada barang-barang jatuh atas palo gapo kei supo topi jugok lah, kalau bendo-bendo jatuh atas palo kito, maksudnya ada protection situ...”*

(I2, Petani)

*“Macam uncle oyak tadi la, kesat peluh, lindung kepala tu jela...dio semutar-semutar ni pakaian oghe jaman dulu, dio pakai semutar sebabnya dio banyak karo atas semutar ni, boleh guno wak mandi pun boleh, nok wak kesat peluh pun boleh, banyak lah, pakai maso wak persembuhe, tapi duk sajo-sajo pun pakai jugok...”*

(I3, Tok Dalang)

*“Ok, ni la fungsi dio, kain lepas ni dio boleh diistilahkei seribu satu kegunaan, dio boleh buat semutar atas nama kain lepas, dio tajuk kito semutar tapi semutar ni digunakan biasonyo nga kain lepas tapi kain lepas ni boleh bertukar mengikut kegunaan, dio boleh buat kain sehei mandi, dio boleh buat kain nok semayei, dio boleh buat kain balut luko, dio boleh buat kain ngikat barei...”*

(I4, Penggiat Seni Tempatan)

*“Sebab apo semutar ni serbaguna, sebab dio boleh dijadikan beg untuk galas buku, untuk galas makanan, air dan sebagainya, macam-macam boleh buat, untuk kain basahan mandi, untuk lapik wak smayei, lepas mayei kito ambik sidar, pastu nok wak kijo pakai pulok...”*

(I5, Pensyarah Seni Persembahan, UMK)

Pemakaian semutar memperoleh manfaat daripada keistimewaan kain lepas yang digunakan, kain ini dikatakan serbaguna kerana ia boleh diaplikasikan dalam pelbagai aspek kegunaan yang dikatakan berlaku secara menyeluruh dalam kalangan masyarakat khususnya negeri Kelantan. Dari aspek kehidupan, semutar ini dipakai untuk melindungi kepala daripada unsur alam dan musibah yang tidak diduga. Bagi aspek mempertahankan diri, masyarakat menggunakan semutar sebagai satu senjata untuk melawan musuh. Manakala, semutar dalam aspek pertanian pula digunakan untuk mengangkut barang atau hasil hutan dan begitu juga dalam aspek keagamaan yang menunjukkan bahawa semutar menunjukkan tahap keilmuan seseorang itu. Semutar merujuk kepada

kain lepas yang digunakan di atas kepala tetapi ia akan berubah mengikut kegunaan, jika kain diikat dipinggang ia dipanggil kain ikat pinggang yang mana orang zaman dahulu menyimpan senjata dan barang-barang berharga dengan cara menyelitkan barang ini ke dalam lipatan kain. Hal-hal ini disokong oleh informan ke-5 semasa temu bual dengan mengatakan bahawa:

*“Jadi banyak lah dari segi fungsi ni, dia boleh dikatokan seluruh perubahan ni atau fungsi-fungsi semutar dalam masyarakat Kelantan ni dia berlaku secara menyeluruh, ok, dari aspek bela diri, masyarakat Kelantan menggunakan semutar sebagai satu senjata untuk menempis atau melawan musuh, semutar juga dalam aspek pertanian, kadang-kadang macei nok angkat barang, angkat buah dan sebagainya, boleh gunakan semutar jugok, begitu juga dalam aspek keagamaan, semutar juga digunakan untuk menunjukkan tahap keilmuan macam sekolah pondok dan sebagainya...”*

(I5, Pensyarah Seni Persembahan, UMK)

Namun, menurut Siti Iryana Nordin (2011), ada menyatakan fungsi semutar dengan menyatakan bahawa semutar juga boleh digunakan sebagai sejadar dan pengalas tempat tidur jika berada dalam keadaan darurat.

#### **4.5.4 CIRI-CIRI KEINDAHAN SEMUTAR**

Semutar adalah perhiasan kepala yang dikatakan *multifunctional* iaitu bermaksud serbaguna dari segi fungsinya yang pelbagai mengikut jenis gaya lilitan yang berbeza dan memiliki ciri-ciri dan falsafah yang tersendiri disebalik pemakaian semutar (Siti

Iryana Nordin, 2011). Hal ini dapat dilihat bahawa pemakaian semutar dapat dilambangkan sebagai perhiasan kepala yang hanya dipakai oleh masyarakat Kelantan sahaja.

Terdapat beberapa ciri yang dapat memperlihatkan semutar bukan sekadar perhiasan yang berada di atas kepala sahaja iaitu pemakaianya boleh membezakan taraf sosial seseorang. Misalnya, semutar hanya dipakai oleh golongan bahawa seperti orang kampung atau orang kebanyakkan yang melakukan kerja-kerja di kawasan perkampungan. Gaya pemakaianya berbeza dengan perhiasan kepala lain seperti tanjak, destar atau tengkolok yang dipakai oleh golongan atasan seperti raja-raja Melayu, pembesar diraja dan orang-orang istana. Selain itu, semutar juga merupakan perhiasan kepala yang mempunyai ciri-ciri islamik mengikut sudut pandangan islam dan semutar dikatakan dapat mencerminkan identiti masyarakat kerana semutar sememangnya berasal daripada adat serta budaya masyarakat Kelantan.

#### **4.5.4.1 Semutar dari Sudut Pandang Islam**

Semutar juga mempunyai ciri-ciri yang boleh dilihat melalui aspek keagamaan. Pada zaman sebelum agama Islam mula meluas, budaya bersemutar diserang oleh sekelompok masyarakat luar yang mengatakan bahawa budaya memakai perhiasan kepala sebegini ditiru daripada pemakaian budaya Hindu dan dikatakan syirik. Namun begitu, kebijaksanaan yang dimiliki oleh ahli ulamak dan orang-orang tua zaman dahulu mampu mengolah pemakaian semutar berlandaskan hadis Nabi bahawa tiada kesalahan bersemutar dalam melakukan ibadah bagi orang Melayu, perkara ini terus diperjelaskan agar orang Melaya pada ketika itu tidak berasa kekok untuk mengamalkan agama. Melalui isu ini,

kita dapat melihat bahawa pandangan atau persepsi terhadap sesuatu perkara itu amat penting dan memerlukan bukti kesahihan kerana ia boleh menjadikan sesuatu perkara itu baik mahupun buruk. Hal ini turut disokong oleh hasil temubual yang dijalankan bersama informan 4 dengan menyatakan bahawa ciri-ciri semutar juga boleh dilihat melalui aspek agama iaitu:

*“Dari perkongsian agama, budayo kito ni sering diserang oleh sesetengah kelompok hok mengatakei budayo Melayu kito ni adalah tiru daripada hindu, syirik sebenarnya tapi ulamak atau oghe tuo kito dulu bijok tak bijok bisa tak bisa dio olah pemakaian semutar ni daripado hadis nabi, dio tukar, supayo oghe Melayu tok kekok mengamalkan agama...”*

(I4, Penggiat Seni Tempatan)

Selepas pengaruh Islam mula meluas, pemakaian semutar mempengaruhi ramai orang termasuklah orang beragama Hindu pada masa dahulu yang juga menjadikan kain biasa sebagai semutar pada peringkat awal untuk kegunaan beribadat tetapi budaya bersemutar tetap melambangkan masyarakat Melayu kerana budaya ini sememangnya diguna pakai oleh orang beragama Islam. Hal ini disokong oleh informan 5 yang menyatakan bahawa:

*“Selepas kedatangan islam, Sultan Mansor Shah, ramai yang mana oghe yang berpegang pada agama Hindu dulu pun berubah secara drastik, wak jadi kain biaso untuk wak kain semutar, untuk kegunaan satu-satunya untuk beribadat lah, untuk mencerminkan kepada budaya,*

*bangsa oghe Melayu, dulu nok oyaknyo kito oghe Islei doh... ”*

(I5, Pensyarah Seni Persembahan, UMK)

Selain itu, semutar juga mempunyai nama lain mengikut sejarah lisan yang diperturunkan oleh ahli ulamak pada zaman dahulu. Nama islamik bagi semutar adalah ‘imammah’ ataupun serban bagi orang-orang masjid, tetapi telah diubah kepada aspek kehidupan budaya atau adat resam masyarakat Melayu di negeri Kelantan dengan memanggilnya ‘semutar’. Informan 4 turut menyokong pernyataan ini dengan menyatakan bahawa:

*“Satu namo lagi, kito kato namo lebih islamik oghe panggil imammah ataupun serbey, biaso kalau jenis putih hok sek-sek sejid pakai ko gapotu oghe panggil serbey ataupun imammah lah, tapi budayo kito di kehidupei kito oghe klate ni panggil semutar...”*

(I4, Penggiat Seni Tempatan)

Sehubungan itu, cara pemakaian semutar itu sendiri sudah pun mengandungi unsur-unsur agama yang mana pemakaianya dililit dalam rupa lam alif (J), dimulai dengan meletakkan kain di belakang, diikuti dari kanan ke kiri kepala atau mengikut pusingan tawaf dikatakan lebih afdal seperti mana umat Islam sentiasa melakukan sesuatu perkara bermula daripada sebelah kanan. Malah, semutar biasanya dililit sebanyak tiga balutan sahaja di kepala bagi menggambarkan tiga perkara penting iaitu Islam, iman dan ihsan melalui cara berwudhuk iaitu 3 kali basuh dalam ajaran Islam. Dengan ini, cara pemakaian semutar dapat mencerminkan budaya, adat dan amalan yang

diamalkan oleh masyarakat Melayu khususnya beragama Islam di Kelantan.

Informan 4 turut menyokong pernyataan ini dengan menyatakan seperti berikut:

*“Caro pakai semutar bermula alik belakang, lilitan dia dari kanan ke kiri ikut pusingan tawaf, semutar ni bia sedey molek nga tubuh kito dio sedepa, dio bergantung padō panjang kain kito ado tu, dio so lilitan pun cukup, kalu kain molek dio jadi 3 lilitan lagi molek, dio lilitei kut mano-mano pun dio mesti akan jadi lam alif, dio ado falsafah kuk tu pulok, nih kito dapat time g dengar tok guru wak ceramoh berkaitan budayo nga agamo, start situ banyak perkongsian kito dapat...”*

(I4, Penggiat Seni Tempatan)

Namun, terdapat juga sokongan daripada sumber sekunder daripada Rasmin Nititham (2018) melalui bukunya iaitu ‘Mahkota Orang Melayu’ yang menyatakan bahawa semutar dipakai mengikut rupa lam alif yang bermula daripada bahagian belakang kemudian ditarik silang kehadapan pada asasnya. Penggunaan huruf-huruf Bahasa Arab itu mempunyai maksud baik dan sangat berguna kepada kesejahteraan kehidupan manusia dalam bentuk yang berbeza seperti mana huruf ini menerangkan setiap kalimah suci al-Quran. Berdasarkan ilmu hikmah, umat Islam mempelajari ilmu memagar diri yang bermaksud memohon perlindungan dari Allah (swt) daripada sebarang marabahaya.

Hal ini juga disokong daripada dapatan artikel digital oleh Mawardi Yunus (2022) yang menyatakan bahawa asas bersemutar dimulai dengan huruf lam alif yang bermula dari kanan kemudian kiri malawan putaran arah jam dan

dikatakan seumpama melakukan perbuatan tawaf pada kaabah di Mekah serta pengamalan ajaran islam yang banyak melakukan perkara sebanyak tiga kali sama seperti gaya lilitan semutar yang kebiasaannya diputar sebanyak tiga balutan sahaja bagi umat Islam.

Pemakaian semutar yang boleh mencirikan seseorang itu dalam konteks keagamaan ini boleh dilihat daripada semutar yang dipakai oleh tok imam, tok guru, tok lebai yang ringkasnya pengajar dan penuntun ilmu agama di sekolah pondok contohnya semutar anak pondok, semutar tok aji, semutar tok guru dan banyak lagi gelaran lain bagi semutar orang agama. Kelompok ini banyak mengenakan semutar, serban dan imammah dalam menghadiri kelas-kelas agama sebagai tanda menghormati tok guru yang merupakan orang yang mempunyai didikan yang tinggi dalam bidang keagamaan dan menyanjungi ilmu yang diperolehi semasa menghadiri majlis ilmu. Oleh itu, pemakaianya banyak membawa manfaat dan nilai-nilai positif kepada si pemakai dalam mengharungi kehidupan seharian. Hal ini turut disokong oleh informan 3, 4 dan 5 semasa temu bual bersama dengan mengatakan bahawa:

*“Kiro pakai semutar ni oghe boleh tahu ni oghe klate sebab kebanyokei oghe luar dio takdop, dio tak guna, tapi kalau dio guna pun hok semutar tok aji pakai tu, serban...haa...sebab oghe klate ko oghe luar ko dia ado skoloh agamo jadi boleh tengok...”*

(I3, Tok Dalang)

*“Semutar ni dipanggil anak pondok sebab biaso kito tengok sep-sep  
sejid pakai, putih atas palo tu bukan serban blako, tapi ado jugok  
semutar, keno tahu la...”*

(I4, Penggiat Seni Tempatan)

*“Begitu juga dalam aspek keagamaan, semutar juga digunakan untuk menunjukkan tahap keilmuan macam sekolah pondok dan sebagainya dia pun guna semutar jugok dalam budaya masyarakat Kelantan dulu...”*

(I5, Pensyarah Seni Persembahan, UMK)

#### **4.5.4.2 Pemakaian yang Melambangkan Perbezaan Status Seseorang**

Pemakaian perhiasan kepala juga boleh memperlihatkan seseorang itu mempunyai status sosial ataupun tidak. Budaya berpakaian menutup kepala ini dikatakan sudah lama dinormalisasikan dalam kalangan orang zaman sama ada mereka terdiri daripada orang istana atau orang kebanyakkannya seperti mana seseorang itu akan dihukum dan dianggap biadap jika tidak mengenakan sebarang perhiasan kepala untuk menghadap raja (Siti Iryana Nordin, 2011).

Perbezaan pemakaian perhiasan kepala dapat dilihat dari segi gaya, rupa bentuk dan material yang digunakan oleh pemakai contohnya kain lepas digunakan untuk membuat semutar manakala songket digunakan untuk membuat tengkolok tetapi fungsinya tetap sama iaitu dipakai diatas kepala. Bagi mengetahui seseorang atau masyarakat terdahulu berstatus atau tidak dapat dilihat melalui perhiasan kepala yang dipakai. Misalnya, semutar hanya dipakai oleh golongan bawahan seperti rakyat biasa, orang kampung dan orang

kebanyakkan manakala tanjak, destar, tengkolok biasanya akan dipakai oleh golongan kelas atasan seperti raja, sultan, bangsawan, para pembesar Istana dan hulubalang diraja serta orang yang menetap di kawasan bandar juga tidak memakai semutar, mereka biasanya memakai topi atau perhiasan kepala yang lain. Meskipun perhiasan kepala ini sudah membatasi zaman, tetapi penggunaannya masih meluas sejak zaman dahulu sehingga kini dalam kalangan masyarakat Kelantan. Dengan ini, semutar bukan sahaja melambangkan status si pemakai malah ia secara tidak langsung mencerminkan budaya masyarakat Melayu terutamanya masyarakat Kelantan kerana semutar memang terlahir daripada budaya mereka. Hal ini disokong oleh hasil temu bual bersama informan 1,2 dan 4 dengan menyatakan bahawa:

*“Semutar ni oghe kapung, oghe biaso jah pakai, oghe bandar, oghe kayo dio tak pakai semutar dio pakai macei...gapo tu...aaa tengkolok tanjok dan sebagainyo...”*

(I1, Penduduk Kampung)

*“Semutar ni asal dari oghe jamei dulu la, oghe-oghe Melayu khusunyo oghe Isley hok duk kapung jah pakai, oghe bandar takdop semutar, oghe bandar pakai topi, tu istimewonyo semutar ni dio takdop tempat lain...”*

(I2, Petani)

*“Ciri-ciri atau perbezaan semutar ni, dio atas namo satu, kalu semutar ni kebiasaan oghe kapung, masyarakat kapung, oghe kebanyokei, kalu oghe kerja atau berkedudukan oghe pakai tanjak atau destar dan tanjak nga destar ni biasonya oghe dulu pakai dalam majlis-majlis rasmi...”*

#### 4.5.4.3 Semutar dapat Membentuk Karakteristik Pemakai

Pemakaian semutar juga dapat membentuk karakter si pemakaian melalui ciri-ciri gaya lilitan semutar itu sendiri. Masyarakat dahulu dapat mengcam pembawaan watak dan perasaan si pemakai pada ketika itu. Misalnya, gaya semutar yang biasa dipakai oleh panglima, pendekar, pahlawan, pesilat dan hulubalang biasanya akan kelihatan garang kerana mereka sentiasa berada dalam situasi perbalahan, tidak mustahil jika mereka menunjukkan ekspresi garang, marah dan menakutkan semasa berhampiran dengan orang ramai pada masa dahulu kerana mereka terdiri dalam golongan yang hebat. Perihal ini menunjukkan bahawa masyarakat dahulu banyak menyimpan maksud yang tersirat disebalik kehidupan mereka.

Jadi, ciri pemakaian semutar juga dapat dibaca dan ditentukan melalui karakter si pemakai. Jika si pemakai pakai semutar burung rajawali mereka adalah pesilat, kalau pakai semutar biasa, semutar orang tua ni adalah petani, bila memakai semutar anak pondok atau tok aji mereka dari kalangan orang alim dan sebagainya. Walau bagaimanapun, pemakaian semutar dari aspek keagamaan lebih senang dikenali kerana semutar mereka hanya satu jenis sahaja, bewarna putih dan tidak bercorak, jadi apabila melihat mereka bersemutar putih nescaya ia tergolong dalam kalangan penuntut ilmu agama yang melambangkan kesucian dan kebersihan untuk digunakan dalam beribadah. Jelaslah bahawa semutar mempunyai ciri-ciri dan falsafah yang tersendiri dari aspek lilitan pemakaianya di kepala yang mampu

memperlihatkan karakter serta hati budi seseorang. Hal ini disokong oleh hasil temu bual bersama informan 3, 4 dan 5 dengan menyatakan bahawa:

*“Cara atau lambang semutar ni bergantung kepada lilitan dia tu berbezo pendapat masing-masing, sebab dio ado ciri-ciri dio la, oghe jamei dulu dio kato, hoh dio ni pakai semutar gini ni dio nok maroh kokre ni, ado semutar pusingei dio ni jenis bekeng, aaa... pakai semutar pun dio ado jugok lambang dio, oghe takut, macei dio ni pendekar-pendekar, panglima-panglima haa..pemakaian dio tu oghe bulih cam macei tok guru silat ko, boxing ko, dulu semutar ni dio boleh wak macei-macei, kalau tengok pattern laguni dio ni panglimo ni, ni mungkin tok guru silat ko aaa, dio berdasarkan minat oghe atas pattern hok dio buat tu...”*

(I3, Tok Dalang)

*“Oghe jamei dulu-dulu pakai semutar dio boleh kenal, kalu hok putih-putih ni sep sejid, kalu style burung rajowali tu dio oghe-oghe silat pakai, kalau semutar ringkas ikut lilit tu mungkin petani, dio jenis ko, gayo, kegunaan bergantung pada pandangan masing-masing la...”*

(I4, Penggiat Seni Persembahan)

*“Lambang atau cara ikatan di kepala kita tu menunjukkan hati budi kita, aaa...jadi kito nok gapo, kito persembahkei di kepala, aaa...jadi kito nok sain ramai gak kito buat ikatan jange duduk buat semutar hulubalang atau pendekar la, keno kotre la, nok gi baloh ni, biasonyo*

*oghe jaman ritu la dio banyok bendo yang tersirat, aaa...maknonyo kito seninyo situ..."*

(I5, Pensyarah Seni Persembahan, UMK)

Manakala, ada juga semutar yang boleh diketahui melalui seseorang atau kelompok masyarakat yang aktif dalam bidang seni persembahan misalnya semutar tok dalang yang dipakai oleh pemain wayang kulit semasa melakukan persembahan. Terdapat beberapa gaya semutar yang dipakai oleh tok dalang yang pastinya terdiri daripada gaya hebat seakan panglima dan apa sahaja lilitan asalkan menampakkan mereka sentiasa bergaya selaras dengan pembawaan watak-watak patung yang dibawa apabila berada di atas pentas. Apabila tok dalang berada di luar pentas, orang ramai akan mengetahui bahawa si pemakai itu terdiri daripada tok dalang kerana karakter mereka yang peramah dan periang dengan orang ramai kerana sentiasa menghiburkan orang. Dengan ini, tidak hairan lah orang zaman dahulu dapat mengetahui segala karakter pemakai semutar kerana mereka membesar dengan budaya bersemutar. Hal ini disokong oleh informan 3 dan 4 yang juga menyatakan bahawa:

*"Kito pakai, sapa loni pakai, kito pakai time nok buat persembahei wayei wayang kulit gak kito suko pakai gayo ni la gayo supo panglimo aaa, dio bergayo la, dia akan nampak lain la bila kita pakai ni..."*

(I3, Tok Dalang)

*"Kalu semutar oghe main wayey ni kito boleh tengok dio macei segak, macei tok-tok dalang pakai, semutar dio keno comei la sebab dio oghe*

*persembahei haa ado gayo dio, ado style dio haa... ”*

(I4, Penggiat Seni Tempatan)

#### **4.6 LANGKAH PELESTARIAN SEMUTAR**

Pelestarian merupakan satu proses untuk mengekalkan sesuatu benda yang dianggap bernilai dalam budaya dan warisan masyarakat Melayu agar tidak dilupakan oleh generasi akan datang. Bagi memulihara kelestarian perhiasan kepala semutar, semua pihak sama ada individu, masyarakat setempat dan pihak berwajib dalam mengambil langkah untuk melestarikan budaya pemakaian semutar secara menerus di negeri Kelantan. Hal ini kerana, kemajuan zaman sudah memudarkan budaya bersemutar disebabkan oleh kemasukan material baru yang paling utama iaitu topi yang wujud dalam pelbagai rupa bentuk pada hari ini. Jadi, masyarakat khususnya golongan muda kurang terdedah dengan pemakaian warisan kerana ia telah menganggap bahawa semutar adalah pakaian yang hanya dipakai oleh orang tua sahaja tidak mengikut *trend* semasa (Siti Iryana Nordin, 2011). Oleh itu, terdapat beberapa langkah pelestarian yang boleh diambil untuk mempromosikan dan mengembalikan semula nostalgia atau budaya berpakaian semutar dalam kalangan masyarakat Kelantan.

Salah satu langkah yang boleh dilaksanakan bagi melestarikan pemakaian semutar perlu bermula daripada individu itu sendiri. Hal ini kerana, sesuatu pakaian akan dinormalisasikan apabila ia menjadi satu fenomena seperti mana *trend* berpakaian hari ini, sama juga seperti pemakaian semutar, ia perlu dimulai oleh seseorang itu sendiri barulah menjadi ikutan kepada orang lain. Sebagai contoh, masyarakat Kelantan pada masa dahulu mahir bersemutar sejak dari kecil lagi kerana majoriti orang zaman dahulu sememangnya mengenakan semutar dalam kehidupan seharian. Jadi, masyarakat kini juga perlu mengembalikan semula budaya pemakaian semutar di kawasan kampung dalam menjalankan

kerja-kerja seperti penternak, penangkap ikan dan petani yang kini sudah berkurangan disebabkan oleh penggunaan topi yang dikatakan lebih cepat dan mudah. oleh itu, kita perlu berusaha mengambil langkah untuk melestarikan semutar, penggunaannya mungkin boleh diolah dalam pelbagai aspek seperti dipakai dalam sesuatu pertandingan bagi menarik lagi minat orang lain untuk turut serta dan secara tidak langsung penyebaran semutar masih diteruskan. Hal ini turut disokong oleh hasil temu bual bersama informan 2, 4 dan 5 yang juga menyatakan perkara yang sama iaitu:

*“Caro dio mudah jah, keno semua oghe pakai lah, macei jamei dulu memei majoriti oghe kapung pakai, kito jadi pandai nge sdiri sebab duk tengok oghe pakai haa...jadi gitu lah langkah dio, semua oghe keno pakai baru budok-budok ikut, sebab budok jamei loni mano nok pakai semutar, dio pakai topi jah...”*

(I2, Petani)

*“Takdop la, langkah dio keno bermula pada kito sendiri lah, kito sdiri tu keno pakai, kito sdiri keno pakai, haa ia kena bermula pada individu itu sendiri...”*

(I4, Penggiat Seni Tempatan)

*“Untuk memperkenalkan semutar ni emm, bukan masyarakat sahaja la, setiap individu keno pakai semutar, saya pun dah mulakan, jadi langkah yang pertama ialah untuk mengekalkan semutar melalui diri kita sendiri, kita yang kene mulakan, kita pakai dulu kemudian kawan-kawan, keluarga akan ikut...”*

(I5, Pensyarah Seni Persembahan, UMK)

Selain itu, langkah memupuk pemakaian semutar sejak kecil juga dapat dilihat melalui penurunan warisan daripada seorang penggiat seni kepada keturunannya seperti anak, cucu atau cicit sebagai pewaris bagi sesuatu bidang kesenian yang diceburi contohnya pemain wayang kulit sentiasa memerlukan pelapis kerana bakat permainan wayang kulit perlu dipupuk sejak kecil lagi bagi untuk memperoleh kemahiran tertentu sehingga dapat menyambung legasi wayang kulit tersebut. Secara tidak langsung, pemakaian semutar juga turut diperturunkan kerana pakaian lengkap dan utama bagi pemain wayang kulit adalah bersemutar. Hal ini disokong oleh informan 3 semasa temu bual bersama dengan menyatakan bahawa:

*“Langkoh dio keno galakkan anok mudo pakai sejak kecil lagi supo oghe jamei dulu, saya ajar, sangat galakkan la, wak turun selalu, sebab kemungkinan nati budok-budok loni tok pandai doh pakai semutar, sebab kito meme pakai semutar sejak mudo lagi, sejak kecik, loni duk ajar cucu pakai semutar sebab nok turun ko dio, sebab dio ado bakat main wayang kulit, kito ajar main wayang kulit pakai semutar...”*

(I3, Tok Dalang)

Seterusnya, langkah yang boleh diambil adalah dengan mengadakan kempen atau sukan rakyat dalam kalangan masyarakat setempat bagi melestarikan pemakaian semutar. Hal ini kerana, budaya bersemutar sudah berkurangan dan kadangkala boleh dilihat di tempat, acara atau majlis tertentu sahaja. Disebabkan itu, golongan muda kurang pendedahan dan minat terhadap perhiasan kepala tradisional. Misalnya, anjuran kempen atau acara sukan tersebut perlulah berkonsepkan semutar yang mana semua peserta atau pengunjung yang hadir wajib memakai semutar contohnya mengadakan sukan rakyat di sekitar kawasan Bachok dalam skop yang lebih besar dengan menjemput orang ramai turut serta bagi memperkembangkan lagi pemakaian semutar agar dikenali di merata-rata tempat. Hal ini berkemungkinan boleh menjadi

salah satu cara untuk memperhidupkan semula keindahan bersemutar seperti zaman dahulu. Menurut hasil temu bual bersama informan 1, beliau turut menyokong penyataan ini dengan menyatakan bahawa:

*“Anok-anok mudo loni payoh doh, demo toksei pakai, tu kito kata tu kebanyokei nyo hanya gi tengok di tempat menei jah, sebab loni di Bachok ni oghe ramai main kertuk, baru diopakai la tepak beso kito gi, dio tok tinggal tradisi dio, gano nok pridup semula semutar ni gak keno pakai la, mugo mutar ni dio tok payoh dio belit gitu jah..nok tarik lagi, kito boleh wak hari sukan lah, wak sukei pakai semutar belako..baru ni ado doh di Kandis sukei pakai semutar...”*

(I1, Penduduk Kampung)

Sehubungan itu, pihak berwajib haruslah memainkan peranan penting dalam melestarikan pemakaian semutar dengan cara penerbitan buku-buku ilmiah berkaitan dengan semutar. Penerbitan buku berkenaan dengan semutar sangat diperlukan seperti mana penerbitan buku-buku yang membicarakan tentang tanjak, tengkolok dan sebagainya untuk dijadikan sebagai rujukan dalam pembelajaran kerana kita pada hari ini masih kekurangan sumber maklumat tentang perihal semutar yang terdapat dalam kalangan masyarakat di negeri Kelantan. Hal ini bertujuan untuk mempertahankan pemakaian semutar dalam jangka masa yang lebih lama jika adanya bukti-bukti kewujudan melalui penerbitan buku untuk kegunaan generasi akan datang. Oleh itu, semua pihak khususnya pihak berwajib perlu berusaha untuk menempatkan semutar setaraf dengan perhiasan kepala lain kerana ia juga merupakan perhiasan kepala warisan yang sudah lama wujud di negeri Kelantan. Hal ini disokong oleh informan 4 yang menyatakan bahawa:

*“Peranan pihak berwajib seperti penerbitan buku macam ni, gapo semuo ni betul la ni, macam awak buat thesis dalam pengajian bila ada rujukan-rujukan ni senei nok dedahkan kepada orang ramai, generasi-generasi akan datang lah, 20-30 tahun lagi kito tok tahu budaya nih boleh bertahan lagi ke dok, jadi tu salah satu cara dio lah...”*

(I4, Penggiat Seni Tempatan)

Selanjutnya, semutar juga boleh dilestarikan dengan cara penyediaan satu modul atau tayangan video dokumentasi semutar. Langkah ini dikemukakan bertujuan untuk memperkenalkan semutar kepada masyarakat dari segi gaya lilitan, cara ikatan, jenis, fungsi, material dan segala perihal berkaitan dengan semutar dalam memberi maklumat kepada generasi baru tentang bagaimana penggunaan semutar di zaman dahulu dan sekarang. Dengan cara ini juga semutar boleh didedahkan melalui penceritaan semula atau tutorial dalam konteks era masa kini yang mungkin boleh dijadikan sebagai beg, alat untuk solat, kain tudung dan perhiasan dalaman. Hal ini turut disokong oleh informan 5 semasa temu bual bersama dengan menyatakan bahawa:

*“Kito boleh buat satu modul atau video dokumentasi macam mana nak memperkenalkan semutar, cara ikat dan sebagainya, semutar ni serbaguna boleh dijadikan beg untuk menggalas buku, untuk menggalas makanan, air, alat untuk semayei, kain tudung, untuk hiasan dalam dan sebagainya dan macam-macam boleh dibuat pada masa kini...”*

(I5, Pensyarah Seni Persembahan, UMK)

Selain itu, penubuhan kelab atau persatuan ‘kain lepas’ dalam kalangan pelajar kerana pengenalan utama bagi semutar yang sebenarnya adalah melalui keunikan kain yang

digunakan. Contohnya, mengolah penggunaan kain lepas daripada semutar kepada tudung, hal ini mungkin tidak berasa kekok bagi golongan wanita kerana pengeluaran tudung yang terdapat pada hari ini juga diambil semula daripada gaya dan corak-corak motif flora zaman dahulu serta ia boleh dijadikan selempang atau pelbagai kegunaan lain yang perlu diketengahkan pada generasi kini. Seterusnya, kita juga boleh mengadakan pertandingan bersemutar antara lelaki dan perempuan peringkat kebangasaan dalam kalangan pelajar universiti bagi mendedahkan lagi manfaat kain lepas misalnya kepada pelajar Universiti Malaysia Kelantan sendiri sebagai langkah mempromosikan dan melestarikan pemakaian semutar seiring dengan bidang-bidang pengajian yang ditawarkan berasaskan warisan di Kampus Bachok, Kelantan. Hal ini disokong oleh informan 5 dengan menyatakan bahawa:

*“Jadi mungkin uols boleh start guna kain lepas atau kain batik lepas untuk buat kain tudung macam ni la, macam mana fungsi dia, lagi pun kain dio bercorak supo nga tudung loni, tudung loni pun oghe ambik gaya-gaya atau corak-corak dari semutar zaman dulu...mungkin jugok kito boleh buat persatuan atau kelab ‘kain lepas’ dalam kalangan student, kita jugok boleh buat pertandingan peringkat universiti, peringkat kebangsaan antara lelaki dan perempuan. Ini salah satu caranya kita nak naikkan semula atau ‘new branding’ fungsi dan peranan kain lepas dalam kalangan pelajar UMK...”*

(I5, Pensyarah Seni Persembahan, UMK)

Jelaslah bahawa semutar merupakan salah satu perhiasan kepala yang boleh dikatakan penting bagi masyarakat Kelantan. Hal ini kerana pemakaian hanya boleh dilihat di negeri Kelantan sahaja dan sukar didapati di negeri lain. Oleh itu, semua pihak perlu berganding bahu dalam mengetengahkan langkah-langkah untuk melestarikan budaya

pemakaian semutar dengan matlamat ingin mengubah persepsi atau mentaliti masyarakat kini yang tidak berfikiran terbuka terhadap manfaat sebenar semutar agar warisannya tidak dipandang sebelah mata oleh generasi akan datang.

## 4.7 ANALISIS SOAL SELIDIK

Hasil soal selidik diperoleh daripada edaran borang soal selidik di Kampung Tangok, Mukim Telong, Bachok, Kelantan. Borang soal selidik diedarkan kepada 306 orang responden secara rawak mengikut populasi penduduk Mukim Telong iaitu seramai 1545 orang. Pemilihan responden merujuk kepada sampel populasi berdasarkan jadual Krejcie & Morgan (1970). Borang soal selidik pula terdiri daripada empat bahagian iaitu lampiran A mengandungi demografi responden, lampiran B pula merujuk kepada objektif pertama dan lampiran C mengandungi objektif kedua. Manakala objektif ketiga pula terkandung dalam lampiran D. Hasil kumpulan data daripada analisis soal selidik dapat membantu pengkaji mengukuhkan kajian yang dijalankan mengenai perihal perhiasan kepala bagi kaum lelaki iaitu semutar di Bachok, Kelantan.

### 4.7.1 Demografi Responden

Bahagian A bagi soalan soal selidik merujuk kepada demografi responden iaitu mengenai latar belakang responden. Latar belakang responden terdiri daripada lima kategori maklumat diri iaitu jantina, umur, bangsa, status dan pekerjaan. Kajian ini melibatkan 306 orang responden yang terdiri daripada 175 orang responden lelaki (57%) dan 131 orang responden perempuan (43%). Dalam kajian ini, pemilihan peringkat umur iaitu bermula dari umur 19 tahun sehingga 70 tahun ke atas. Bagi umur peringkat pertama adalah kategori remaja hingga dewasa yang berumur antara 19 tahun sehingga 29 tahun seramai 74 orang responden (24%). Manakala, peringkat kedua pula

terdiri daripada golongan pertengahan umur iaitu responden berumur antara 30 tahun sehingga 49 tahun iaitu seramai 86 orang responden (28%). Peringkat ketiga pula berumur 50 tahun sehingga 59 tahun iaitu seramai 89 orang responden (29%) dan bagi peringkat terakhir terdiri daripada responden dari kategori warga emas yang berumur 70 tahun ke atas iaitu seramai 57 orang responden (19%).

Bagi kategori bangsa pula terdiri daripada empat kategori iaitu Melayu, Cina, India dan lain-lain tetapi hasil analisis soal selidik memperoleh majoriti responden berbangsa Melayu sahaja iaitu seramai 306 orang responden (100%) dalam kajian ini. Hal ini selaras dengan kajian yang dijalankan berkenaan dengan pemakaian semutar yang merupakan perhiasan kepala orang Melayu Kelantan. Seterusnya, terdapat dua kategori status iaitu bujang dan berkahwin. Hasil kategori bujang memperoleh seramai 84 orang responden (27%) dan berkahwin seramai 222 orang responden (73%). Kategori paling terakhir pada bahagian A adalah pekerjaan yang terdiri daripada empat kategori iaitu responden dari kakitangan kerajaan seramai 63 orang (21%). Bagi pekerja swasta pula seramai 49 orang responden (16%) dan seramai 38 orang responden (12%) terdiri daripada kategori ketiga yang merupakan golongan pelajar. Manakala, kategori terakhir terdiri daripada buruh atau bekerja sendiri iaitu seramai 156 orang responden (51%).

Secara keseluruhannya, hasil analisis dapatan kajian melalui soal selidik menunjukkan bahawa majoriti responden adalah lelaki dan berbangsa Melayu. Lingkungan umur responden kebanyakannya berumur antara 50 tahun sehingga 59 tahun serta majoriti responden juga terdiri daripada buruh dan bekerja sendiri. Analisis demografi responden ini dirujuk seperti jadual 4.2 di bawah:

Jadual 4.2: Latar Belakang Responden

Kategori	N	%
<b>Jantina</b>		
Lelaki	<b>175</b>	<b>57</b>
Perempuan	131	43
<b>Umur</b>		
19 Tahun-29 Tahun	74	24
30 Tahun-49 Tahun	86	28
50 Tahun-59 Tahun	<b>89</b>	<b>29</b>
70 Tahun ke atas	57	19
<b>Bangsa</b>		
Melayu	<b>306</b>	<b>100</b>
Cina	0	0
India	0	0
Lain-lain	0	0
<b>Status</b>		
Bujang	84	27
Berkahwin	<b>222</b>	<b>73</b>
<b>Pekerjaan</b>		
Kakitangan Kerajaan	63	21
Pekerja Swasta	49	16
Pelajar	38	12
Buruh/Bekerja Sendiri	<b>156</b>	<b>51</b>

(N=Jumlah, %=Peratus)

Sumber: Kajian Lapangan 2023

#### 4.7.2 Pengetahuan tentang sejarah perkembangan pemakaian semutar

Data pengetahuan berkenaan sejarah perkembangan pemakaian semutar dianalisis daripada bahagian B borang soal selidik kajian ini. Soalan ini merujuk kepada sejauh mana responden berpengetahuan umum tentang perihal semutar terutamanya sejarah atau budaya memakai semutar di Kelantan.

Hasil tinjauan berkaitan dengan item 1 menunjukkan 282 orang responden (92%) bersetuju bahawa “*semutar merupakan perhiasan kepala yang terkenal bagi kaum lelaki di Pantai Timur Malaysia*” dan 24 orang responden (8%) memilih tidak pasti dengan kenyataan tersebut. Walau bagaimanapun, kenyataan ini turut disokong oleh data sekunder yang menyatakan bahawa semutar merupakan perhiasan kepala asas bagi kaum lelaki Pantai Timur dalam melakukan pekerjaan di kampung khususnya di negeri Kelantan. Hal ini kerana budaya pemakaian semutar pada zaman dahulu menjadi satu fenomena atau kebiasaanya dan boleh dilihat di merata-rata tempat, kini hanya boleh dilihat di kawasan-kawasan tetentu sahaja seperti di kawasan pertanian, perikanan, premis perniagaan dan tempat melakukan persesembahan tradisional (Siti Iryana Nordin, 2011). Kenyataan tersebut turut disokong oleh Muaz Abd. Hamid (2021) yang juga menyatakan hal yang sama bahawa semutar adalah satu kepentingan dan lambang kemuliaan bagi kaum lelaki Pantai Timur khususnya di negeri Kelantan.

Seterusnya, item 2 memperoleh seramai 295 orang responden (96%) mengetahui bahawa “*budaya pemakaian semutar sudah lama wujud di negeri Kelantan*” dan hanya seramai 11 orang responden (4%) masih tidak pasti tentang kenyataan itu. Begitu juga dengan item 3 yang menunjukkan seramai 284 orang responden (93%) mengetahui bahawa “*pemakaian semutar menjadi tradisi turun-temurun bagi masyarakat Kelantan*” tetapi terdapat juga seramai 22 orang responden (7%) memilih tidak pasti berkenaan kenyataan tersebut. Dua kenyataan ini turut dipersetujui oleh informan 1 dan 2 daripada hasil temu bual yang menyatakan bahawa:

“*Lamo doh ado semutar ni...kito pakai lamo doh, jak budok lagi meme pakai mutar...dekat nga brapo puloh tahun doh...mugo jamey dulu oghe pakai*

*“Semutar tok kiro maso...gi kedai pun pakai mutar...cumo loni kurey sebab oghe tuo takdop abih doh...tapi loni pun kito pakai lagi...”*

(I1, Penduduk Kampung)

*“Semutar ni pakaian oghe tuo jamey ritu...kalu kito kato gak semutar ni pakaian adat oghe klate...turun-temurun la...duk sajo-sajo pun oghe pakai mutar...”*

(I2, Petani)

Selanjutnya, item 4 menunjukkan seramai 234 orang responden (76%) sangat bersetuju bahawa *“masyarakat kini hanya menganggap pemakaian semutar hanya dipakai oleh orang tua pada zaman dahulu sahaja”* tetapi ada juga seramai 21 orang responden (7%) yang memilih tidak pasti tentang pernyataan tersebut. Meskipun begitu, terdapat seramai 51 orang responden (17%) memilih tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut.

Bagi item 5 iaitu *“pemakaian semutar lebih sesuai digayakan di kawasan kampung berbanding di kawasan bandar”* memperoleh seramai 267 orang responden (87%) bersetuju dengan kenyataan ini. Manakala, terdapat juga seramai 24 orang responden (8%) masih tidak pasti tentang kesesuai pemakaian semutar yang sebenarnya. Walau bagaimanapun, ada juga responden memilih untuk tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut iaitu seramai 15 orang responden (5%) sahaja. Kenyataan ini juga diperkuat lagi dengan sokongan daripada hasil temu bual bersama informan 2 yang menyatakan bahawa:

*“Ore kapung jah pakai semutar...tokjupo pat lain...ore bandar takdop semutar,  
ore bandar pakai topi...tu istimewonyo semutar-semutar ni...”*

(I2, Petani)

Bagi item yang terakhir iaitu item 6 memperoleh seramai 194 orang responden (63%) yang bersetuju bahawa *“buruh kasar lebih selesa mengenakan semutar berbanding perhiasan kepala yang lain”*. Terdapat juga responden yang memilih tidak pasti berkenaan kenyataan tersebut adalah seramai 84 orang responden (27%) dan seramai 28 orang responden (9%) memilih tidak bersetuju. Hal ini juga dipersetujui oleh informan 2 dan 3 yang menyatakan bahawa semutar menjadi perhiasan kepala pilihan seperti berikut:

*“Ayyy...kito suko semutar lagi...seleso nga semutar...meme pakai sokmo maso wak persemohe...”*

(I3, Tok Dalang)

Secara keseluruhannya, hasil analisis dapatan kajian melalui soal selidik pada bahagian ini menunjukkan majoriti responden mengetahui tentang sejarah perkembangan pemakaian semutar dengan mengakui bahawa budaya pemakaian semutar sudah lama wujud di negeri Kelantan. Hampir kesemua responden memilih bersetuju tentang hal tersebut seperti mana yang telah diringkaskan dalam jadual 4.3 di bawah.

Jadual 4.3: Pengetahuan tentang sejarah perkembangan pemakaian semutar

<b>Pengetahuan tentang sejarah perkembangan pemakaian semutar (ITEM)</b>	<b>Setuju dan Sangat Setuju N (%)</b>	<b>Tidak Pasti N (%)</b>	<b>Tidak Setuju dan Sangat Tidak Setuju N (%)</b>
1) Semutar ialah perhiasan kepala bagi kaum lelaki yang terkenal di Pantai Timur Malaysia.	282 (92)	24 (8)	0
<b>2) Budaya pemakaian semutar sudah lama wujud di negeri Kelantan.</b>	<b>295 (96)</b>	<b>11 (4)</b>	<b>0</b>
3) Pemakaian semutar menjadi tradisi turun-temurun bagi masyarakat di negeri Kelantan.	284 (93)	22 (7)	0
4) Masyarakat kini hanya menganggap pemakaian semutar hanya dipakai oleh orang tua pada zaman dahulu.	234 (76)	21 (7)	51 (17)
5) Pemakaian semutar lebih sesuai digayakan di kawasan kampung berbanding di kawasan bandar.	267 (87)	24 (8)	15 (5)
6) Buruh kasar lebih selesa mengenakan semutar berbanding perhiasan kepala yang lain.	194 (63)	84 (27)	28 (9)

(N=Jumlah, %=Peratus)

Sumber: Kajian Lapangan 2023

#### 4.7.3 Jenis-jenis, fungsi dan ciri-ciri semutar

Berdasarkan analisis data yang diperoleh melalui data soal selidik pada bahagian C adalah tentang penguasaan dan kepentingan masyarakat kini dalam mengetahui jenis-jenis, fungsi dan ciri-ciri yang terdapat pada semutar di Bachok, Kelantan. Hasil bagi

item 1 menunjukkan seramai 267 orang responden (87%) bersetuju bahawa “*semutar boleh digayakan dalam pelbagai jenis rekaan*” dan seramai 35 orang responden (11%) yang memilih tidak pasti serta seramai 4 orang responden (1%) sahaja yang memilih untuk tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Hal ini disokong oleh informan 4 yang mengatakan bahawa:

*“Dio jenis-jenis semutar ni, dio ado macei-macei, banyak...jenis atau namo dio tu bergantung kepada pemakaian dan juga berkait dengan kehidupan masyarakat setempat...”*

(I4, Penggiat Seni Tempatan)

Bagi item 2 iaitu “*pemakaian semutar mempunyai banyak gelaran nama mengikut jenis lilitannya*” memperoleh seramai 257 orang responden (84%) memilih bersetuju. Kemudian, seramai 49 orang responden (16%) memilih tidak pasti terhadap kenyataan tersebut. Kenyataan bagi item 2 disokong oleh informan 1, 3 dan 4 yang menyatakan bahawa:

*“Banyak...semutar ni banyak jenis...semutar tani la biasanya oghe pakai gi padey, dio guno wak kesat peluh...”*

(I1, Penduduk Kampung)

*“Macam saya kata tu la, semutar ni ado macam-macam pattern dio bulih buat, kalau tengok pattern laguni dio ni panglimo ni, mungkin tok guru silat ko...oghe pakai berdasarkan minat oghe tu sendiri, atas pattern hok dio buat tu...”*

(I3, Tok Dalang)

*“Dio jenis-jenis semutar ni dio ado macei-macei...banyak...antaronyo, kalu untuk oghe kebun nga bukit oghe panggil semutar oghe bukit, untuk pengembala gajah oghe panggil semutar gembalo gajoh, untuk oghe padi atau kawasey pesawoh oghe panggil semutar sawoh, untuk oghe tepi pata oghe panggil semutar oghe laut, tetapi semutar hok paling popular dipakai oghe panggil semutar kesum secekok ataupun kesum sejambak...”*

(I4, Pengiat Seni Tempatan)

Selain itu, hal ini juga diperkuuhkan lagi dengan sokongan data sekunder yang menyatakan bahawa semutar mempunyai berbagai reka bentuk tersendiri sama ada berpakaian secara bersahaja ataupun mengikut situasi tertentu dan ia sememangnya lebih cenderung dipakai semasa melakukan aktiviti berkelompok di kawasan perkampungan. Misalnya, gaya semutar petani lebih ringkas berbanding gaya semutar bagi pesilat kerana pekerjaan bagi seorang petani dilihat lebih santai daripada para pesilat. Namun, gaya semutar pada hari ini boleh digayakan dengan bebas mengikut cita rasa dan keselesaan si pemakai (Abbas Alias & Nowani Md. Nawawi, 2003).

Bagi item 3 memperoleh seramai 298 orang responden (97%) bersetuju bahawa “*semutar bukan sekadar perhiasan kepala tetapi berfungsi sebagai alat serbaguna*”. Walhal hanya seramai 8 orang responden (8%) sahaja yang memilih tidak pasti dengan kenyataan tersebut. Kenyataan ini turut disokong oleh informan 1 dan 4 yang menyatakan bahawa:

*“Dio tok nati ko pakai sajo, dio kebanyokei gak oghe peluh atas palo key dio serap, fungsi utamo dio tu, duk tengoh panas gapo, mudoh jah, dio untuk*

*keselamatan, oghe silat gapo tu pun pakai semutar... ”*

(I1, Penduduk Kampung)

*“Dio boleh bertukar namo mengikut kegunaan, dio boleh wak sehei mandi, dio boleh buat kain oghe nok smayei, oghe boleh wak kain balut luko, dio boleh wak ngikat barei, dio boleh diklarifikasi seribu satu kegunaan... ”*

(I4, Penggiat Seni Tempatan)

Item 4 menunjukkan seramai 254 orang responden (83%) bersetuju bahawa “*masyarakat Kelantan mengenakan semutar mengikut kesesuaian situasi sesuatu pekerjaan*”. Manakala, seramai 49 orang responden (16%) memilih tidak pasti dan 3 orang (0.98%) sahaja responden memilih tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Namun, kenyataan ini turut disokong oleh hasil temu bual bersama dengan informan 1 dan 5 dengan menyatakan bahawa:

*“Dio oghe dulu dio tokkilo maso, tubik kedai pun pakai semutar, oghe tu pakai, oghe ni pakai, gi nyadat nyor, gi padei meme oghe akan pakai semutar... ”*

(I1, Penduduk Kampung)

*“Aaa...boleh blako, kalau dulu pakai ikut buat kijo-kijo, macam saya kata tu kan, semutar ni kalau turun rumah tak pakai semutar tok soh, semutar ni kito kata alat pelengkap kepada pakaian lain, kalau tok pakai benda tu oghe tok seleso tok lengkap la... ”*

(I5, Penggiat Seni Tempatan)

Mengikut item 5, seramai 260 orang responden (85%) bersetuju bahawa pemakaian “*semutar dapat melindungi diri daripada musibah dan ancaman musuh*”. Kemudian, seramai 41 orang responden (13%) memilih tidak pasti dan hanya seramai 5 orang responden (2%) sahaja memilih tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Walaupun begitu, kenyataan ini turut disokong oleh hasil temu bual daripada informan 4 yang menjelaskan bahawa:

*“Satu kegunaan semutar hok duduk di kain lepas ni, kalu pahlawan atau pendekar-pendekar dulu dio boleh jugok jadi senjato...kain lepas ni napok jah gini, tapi dio boleh bunuh musuh...”*

(I4, Penggiat Seni Tempatan)

Bagi item 6 merujuk mengumpul seramai 270 orang responden (88%) yang bersetuju bahawa “*identiti masyarakat Kelantan dapat dilambangkan dengan pemakaian semutar*”. Namun, ada juga segelintir responden memilih tidak pasti tentang kenyataan tersebut iaitu seramai 31 orang responden (10%) dan seramai 5 orang responden (2%) lagi memilih untuk tidak bersetuju. Hal ini dikuatkan lagi dengan sokongan data sekunder iaitu hampir setiap negeri di Malaysia mempunyai keunikan perhiasan kepala tersendiri yang boleh membezakan dan melambangkan identiti sesebuah kelompok masyarakat tersebut mengikut pelbagai negeri seperti mana semutar dikenali sebagai perhiasan kepala bagi orang Kelantan (Hassan Noel Ariffin, 2003).

Berdasarkan item 7 pada bahagian C borang soal selidik ini iaitu “*pemakaian semutar merupakan salah satu perhiasan kepala warisan Melayu di negeri Kelantan*” menunjukkan seramai 281 orang responden (92%) bersetuju dan hanya seramai 24 orang responden (8%) memilih tidak pasti dan hanya seramai 1 orang responden (0.32%) sahaja yang memilih tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Pernyataan ini disokong oleh informan 4 dengan menyatakan bahawa:

“*Semutar ni ibarat mahkota bagi oghe kelate, oghe jatei, tepak lain takdop, oghe klate jah ado, oghe klate jah pakai semutar ni, pakaian oghe kapung dan oghe kebanyakkei...*”

(I4, Penggiat Seni Tempatan)

Secara keseluruhannya, analisis dapatan kajian ini menunjukkan responden mengetahui bahawa terdapat pelbagai jenis, fungsi dan ciri-ciri semutar di Bachok, Kelantan. Hal ini boleh dikatakan bahawa responden mengetahui tentang penguasaan dan kepentingan sebenar pemakaian semutar bagi masyarakat Kelantan. Semutar sememangnya mempunyai nilai positif yang tersendiri dan masih berfungsi sehingga kini. Majoriti responden memilih bersetuju bahawa semutar bukan sekadar perhiasan kepala tetapi berfungsi sebagai alat serbaguna pada bahagian soal selidik ini.

Jadual 4.4: Jenis-jenis, fungsi dan ciri-ciri semutar.

<b>Jenis-jenis, fungsi dan ciri-ciri semutar (ITEM)</b>	<b>Setuju dan Sangat Setuju N (%)</b>	<b>Tidak Pasti N (%)</b>	<b>Tidak Setuju dan Sangat Tidak Setuju N (%)</b>
1) Semutar boleh digayakan dalam pelbagai jenis rekaan.	267 (87)	35 (11)	4 (1)
2) Pemakaian semutar mempunyai banyak gelaran nama mengikut jenis gaya lilitannya.	257 (84)	49 (16)	0
<b>3) Semutar bukan sekadar perhiasan kepala tetapi berfungsi sebagai alat serbaguna.</b>	<b>298 (97)</b>	<b>8 (3)</b>	<b>0</b>
4) Masyarakat Kelantan mengenakan semutar mengikut kesesuaian situasi sesuatu pekerjaan.	254 (83)	49 (16)	3 (0.98)
5) Pemakaian semutar dapat melindungi diri daripada musibah dan ancaman musuh.	260 (85)	41 (13)	5 (2)
6) Identiti masyarakat Kelantan dapat dilambangkan dengan pemakaian semutar.	270 (88)	31 (10)	5 (2)
7) Pemakaian semutar merupakan salah satu perhiasan kepala warisan Melayu di negeri Kelantan.	281 (92)	24 (8)	1 (0.32)

(N=Jumlah, %=Peratus)

Sumber: Kajian Lapangan 2023

#### 4.7.4 Pelestarian pemakaian semutar

Pelestarian pemakaian semutar dalam kalangan masyarakat tempatan diperoleh melalui langkah berdasarkan analisis pada bahagian D borang soal selidik kajian ini seperti yang dipaparkan dalam jadual 4.5 di bawah. Bahagian ini mengemukakan pandangan dan pendapat yang bersesuaian dengan pemilihan responden terhadap langkah-langkah yang boleh diambil dalam melestarikan pemakaian semutar di Bachok, Kelantan.

Berdasarkan hasil tinjauan bagi kenyataan 1 iaitu “*kelestarian pemakaian semutar ini dapat dipupuk melalui aktiviti rakyat oleh masyarakat tempatan*” telah menunjukkan seramai 302 orang responden (98%) sangat bersetuju. Namun begitu, terdapat seramai 4 orang responden (1%) sahaja yang tidak pasti dengan kenyataan tersebut. Jelas sekali, majoriti responden sangat bersetuju bahawa aktiviti rakyat dapat memupuk masyarakat tempatan terutamanya golongan muda terhadap pemakaian semutar melalui sukan-sukan rakyat di kampung halaman agar kelestariannya kekal zaman-berzaman. Hal ini disokong dengan hasil temu bual bersama informan 1 yang menyatakan bahawa:

“*Gano nok perhidup semula gak keno pakai la semutar, mugo semutar ni dio tok payoh, pakai lilit ikut suko, mugo dio belit gitu jah, caro nok tarik dio ni keno wak hari sukey la, wak sukey pakai semutar belako, sebab baru ni ado buat di Kandis sukey pakai semutar...*”

(I1, Penduduk Kampung)

Namun, ada terdapat pada artikel Sinar Harian (2021) menjalankan aktiviti sosial mengayuh basikal tua sambil bersemutar dan berkain batik merupakan satu idea yang boleh menarik minat setiap lapisan masyarakat meskipun dengan menyertai aktiviti bertemakan warisan Melayu.

Item 2 pada bahagian ini adalah “*pemakaian semutar boleh dikekalkan sehingga kini jika budaya pemakaiannya masih hidup dalam kalangan masyarakat setempat*” menunjukkan seramai 295 orang responden (96%) bersetuju dengan kenyataan ini. Manakala, ada juga seramai 10 orang responden (3%) tidak pasti dengan kenyataan ini. Malah, terdapat 1 orang responden (0.32%) sahaja yang tidak bersetuju terhadap kenyataan ini. Hal ini diperkuahkan lagi dengan data temu bual bersama informan 1, 2 dan 4 yang menyatakan bahawa:

“*Gano nok perhidup semula gak keno pakai la semutar, mugo semutar ni dio tok payoh, pakai lilit ikut suko, mugo dio belit gitu jah...*”

(I1, Penduduk Kampung)

“*Langkoh dio gak...semutar ni keno semuo oghe kapung pakai la...bilo semuo oghe pakai, baru budok loni ikut...*”

(I2, Petani)

“*Takdop la, langkah dio keno bermula padu kito sediri lah...kito sediri tu macey bermula pada individu tu sediri...*”

(I4, Penggiat Seni Tempatan)

Mengikut kenyataan bagi item 3 iaitu “*budaya pemakaian semutar oleh masyarakat kini dapat meninggalkan nilai-nilai positif*” seramai 295 orang responden (95%) bersetuju dengan kenyataan ini. Hal ini dapat dilihat bahawa kenyataan ini diakui hampir kesemua responden. Walau bagaimanapun, terdapat seramai 10 orang responden (3%) memilih tidak pasti dan seramai 4 orang responden (1%) tidak bersetuju dengan kenyataan ini.

Seterusnya, langkah pelestarian semutar pada item 4 ialah “*perihal pemakaian semutar dapat memberi ilmu pengetahuan dan boleh dijadikan bahan rujukan kepada generasi masa hadapan*” menunjukkan seramai 301 orang responden (98%) bersetuju dan hanya seramai 5 orang responden (2%) tidak pasti dengan kenyataan tersebut. Hal ini juga disokong oleh data hasil temu bual bersama informan 4 dan 5 yang menyatakan bahawa:

“*Takdop la, peranan pihak berwajib seperti penerbitan buku macam ni betul la ni dalam tesis dalam pengajian untuk buat rujukan-rujukan seksok...*”

(I4, Penggiat Seni Tempatan)

“*Kita boleh buat satu modul atau tayangan video dokumentasi macam mana nak memperkenalkan semutar, cara mengikat semutar dan sebagainya untuk memberi satu info atau maklumat kepada generasi baru...*”

(I5, Pensyarah Seni Persembahan, UMK)

Item 5 menunjukkan seramai 295 orang responden (96%) bersetuju dengan kenyataan “*semutar perlu dimartabatkan sama seperti perhiasan kepala tradisional yang lain seperti tengkolok dan destar*”. Walau bagaimanapun, terdapat seramai 10 orang responden (3%) yang memilih tidak pasti dan 1 orang responden (0.32%) tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut.

Item terakhir iaitu “*pemakaian semutar wajar dipraktikkan dalam kehidupan seharian bagi mengekalkan budaya kreatif masyarakat Kelantan*” telah menunjukkan seramai 301 orang responden (98%) bersetuju dengan kenyataan ini. Manakala, seramai 3 orang responden (1%) tidak pasti dan 2 orang responden (1%) lagi tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Kenyataan ini disokong oleh informan 5 dengan menyatakan bahawa:

“*Saya pun dah mulakan pakai semutar, banyak lagi la saya nak buat program-program yang berkait dengan semutar, sebab semutar ni macam-macam kita boleh buat guno kain dio tu iaitu kain lepas, kain yang berbagai warna, corak dan serbaguna bukan sajo pakai atas palo, banyakok kegunaan dio, kalu orang zaman dulu dio akan rasa bangga pakai semutar dia rasa lebih appreciate...*”

(I5, Pensyarah Seni Persembahan, UMK)

Secara keseluruhannya, analisis dapatan kajian ini menunjukkan majoriti responden sangat bersetuju bahawa kelestarian pemakaian semutar ini dapat dipupuk melalui aktiviti rakyat oleh masyarakat tempatan bagi mempertahankan salah satu perhiasan kepala warisan Kelantan agar tidak pudar di telan zaman. Hampir semua responden cenderung untuk memilih bersetuju dengan setiap kenyataan yang tertera

pada lampiran akhir soal selidik ini.

Jadual 4.5: Pelestarian pemakaian semutar.

Pelestarian pemakaian semutar (ITEM)	Setuju dan Sangat Setuju N (%)	Tidak Pasti N (%)	Tidak Setuju dan Sangat Tidak Setuju N (%)
<b>1)Kelestarian pemakaian semutar ini dapat dipupuk melalui aktiviti rakyat oleh masyarakat tempatan.</b>	<b>302 (98)</b>	<b>4 (1)</b>	<b>0</b>
2)Pemakaian semutar boleh dikekalkan sehingga kini jika budaya pemakaianya masih hidup dalam kalangan masyarakat setempat.	295 (96)	10 (3)	1 (0.32)
3)Budaya pemakaian semutar oleh masyarakat kini dapat meninggalkan nilai-nilai positif.	292 (95)	10 (3)	4 (1)
4)Perihal pemakaian semutar dapat memberi ilmu pengetahuan dan boleh dijadikan bahan rujukan kepada generasi masa hadapan.	301 (98)	5 (2)	0
5)Semutar perlu dimartabatkan sama seperti perhiasan kepala tradisional yang lain seperti tengkolok dan destar.	295 (96)	10 (3)	1 (0.32)
6)Pemakaian semutar wajar diperlakukan dalam kehidupan seharian bagi mengekalkan budaya kreatif masyarakat Kelantan.	301 (98)	3 (1)	2 (1)

(N=Jumlah, %=Peratus)

Sumber: Kajian Lapangan 2023.

#### **4.8 FAKTOR YANG MEMPENGARUHI IDENTITI SOSIAL PEMAKAIAN SEMUTAR**

Menurut Henri Tajfel (1981), terdapat tiga elemen yang mempengaruhi pembentukkan identiti sosial iaitu identiti sosial dan identiti peribadi, keyakinan diri dan perbandingan sosial serta strategi untuk mendapatkan identiti sosial yang positif. Menurut beliau lagi, identiti sosial juga dipupuk sebagai sebahagian konsep yang terdapat pada diri seseorang dan wujud daripada pengetahuan mereka tentang nilai serta emosi keanggotaan dalam suatu kelompok sosial. Identiti adalah bersifat individu yang memperlihatkan bagaimana cara individu memahami dunia sekelilingnya dalam pembentukan identiti masyarakat kerana hidup bermasyarakat merupakan ciri-ciri utama kewujudan manusia (Abdul Rahman Embong, 1999).

Calhoun (1994) dalam bukunya bertajuk “Social Theory & Politics of Identity” mengemukakan analogi dengan menyatakan bahawa tidak semua manusia mengenal manusia berdasarkan nama tetapi boleh dikenali melalui adat, budaya dan cara hidup yang diamalkan atau dimiliki oleh kelompok masyarakat itu sendiri juga mampu melambangkan identiti. Misalnya, teori identiti sosial telah mempengaruhi budaya pemakaian semutar dengan membuktikan pemakaianya hanya dipakai oleh masyarakat Kelantan sahaja. Jadi, pendekatan teori identiti sosial saling berkait rapat dengan penyelidikan yang dijalankan ke atas pemakaian semutar yang mencerminkan bangsa Melayu khususnya masyarakat Kelantan.

Antara elemen yang mempengaruhi pemakaian semutar di Bachok, Kelantan telah dikemukakan melalui Teori Identiti Sosial dalam kajian ini adalah identiti sosial dan identiti peribadi dari kalangan responden berbangsa Melayu khususnya kaum lelaki jelas menunjukkan bahawa mereka berpengetahuan tentang sejarah perkembangan pemakaian semutar. Hal ini kerana, pemakaian semutar sememangnya merupakan perhiasan kepala bagi kaum lelaki dan masih digunakan sehingga kini terutamanya oleh masyarakat Kelantan sejak awal abad ke-

18 lagi (Abdullah Munsyi, 1972). Pemakaian semutar juga diamalkan oleh mereka dalam kegunaan kehidupan sehari-hari mengikut situasi atau pekerjaan yang dijalankan dan pastinya akan memberikan seribu satu manfaat kebaikan kepada si pemakai. Dengan adanya pengetahuan tentang sejarah perkembangan pemakaian semutar nescaya identiti sosial dan identiti peribadi seseorang itu akan terserlah dan dikenalpasti dengan mudah bahawa mereka merupakan orang kebanyakkan yang terdiri daripada kaum lelaki di Bachok, Kelantan.

Elemen keyakinan diri dan perbandingan sosial juga mempengaruhi identiti pemakaian semutar dalam kalangan responden di Bachok, Kelantan. Hasil analisis data soal selidik menunjukkan majoriti responden berjantina lelaki khususnya yang sudah berumur dari kategori pekerjaan buruh atau bekerja sendiri atau secara ringkasnya responden yang melakukan pekerjaan kampung dan mengamalkan pemakaian semutar memiliki penguasaan dan mengetahui kepentingan jenis-jenis, fungsi dan ciri-ciri yang terdapat pada semutar. Hal ini kerana, fenomena pemakaian semutar merupakan kewujudan secara tidak langsung menjadi adat, kebanggan dan membentuk keyakinan diri si pemakai terutamanya kaum lelaki di Kelantan.

Manakala, bagi elemen perbandingan sosial dalam Teori Identiti Sosial pula menunjukkan bahawa pemakaian semutar dapat dilihat melalui sikap positif dan negatif melalui perkembangan tingkah laku si pemakai dalam kelompok masyarakat dan memperoleh kesepakatan identiti sosial yang positif. Elemen ini telah menunjukkan responden mengetahui jenis-jenis, fungsi dan ciri-ciri semutar melalui tahap keyakinan mereka apabila mengenakan pemakaian semutar. Semutar terbukti bukan sekadar perhiasan kepala sahaja malah pemakaiannya juga mampu mencirikan perbuatan seseorang itu melalui gaya, jenis atau fungsi semutar yang dipakai oleh mereka. Hal ini memberi impak pengekalan jati diri responden dalam menguasai dan menghargai kepentingan budaya pemakaian semutar.

Hasil dapatan analisis kajian terhadap pendekatan Teori Identiti Sosial menunjukkan majoriti responden amat menyokong akan pelestarian pemakaian semutar. Elemen yang mempengaruhi identiti pemakaian semutar juga dapat dilihat melalui strategi untuk mendapatkan identiti yang positif dengan merealisasikan beberapa langkah pelestarian semutar dalam kalangan masyarakat setempat. Hal ini bertujuan untuk memperkenalkan kepada masyarakat kini bahawa setiap gaya pemakaian semutar juga boleh dikesan berdasarkan mobiliti sosial atau perubahan kategori seperti dari status rendah kepada status yang lebih tinggi. Misalnya, pemakaian semutar perlu dipulihara dan dipraktikkan oleh generasi masa kini kerana semutar mempunyai kepentingan yang tersendiri kerana ia salah satu pakaian golongan pahlawan pada zaman dahulu dan bukan sekadar perhiasan kepala malah mampu menjadikan semutar sebagai alat mempertahankan diri dan alat sebaguna kepada masyarakat.

Elemen strategi ini telah membantu pengkaji memperoleh langkah pelestarian pemakaian semutar daripada sekongan responden dan informan yang paling utama adalah melalui penglibatan individu dan komuniti setempat itu sendiri sebelum menjadi ikutan kepada orang lain. Strategi yang paling efektif adalah dengan mengadakan kempen atau sukan rakyat dalam kalangan masyarakat setempat bagi memperkembangkan dan memperkenalkan keindahan semutar kepada orang ramai.

Hal ini turut disokong oleh Hazelen Liana Kamarudin (2019) dalam akhbar digital Sinar Harian, aktiviti sosial bersemutar dilaksanakan di Rantau Panjang, Kelantan bertujuan untuk memperkenalkan semutar disamping melestarikannya. Program ini bukan sahaja memupuk minat dalam masyarakat tempatan sahaja malah menjadi tarikan para pelancong asing yang secara tidak langsung berada di kawasan tersebut turut memeriahkan suasana pada ketika itu. Etika wajib pemakaian bagi program tersebut adalah busana bersemutar dan bertanjak lengkap dan terdapat juga sesi demonstrasi pelbagai gaya lilitan semutar daripada penggiat seni tempatan yang pakar dalam pemakaian semutar. Oleh itu, program sebegini

mampu memberikan impak yang positif terhadap pemakaian semutar disamping menghidupkan semula pembudayaan pemakaian semutar yang kian pudar dalam masyarakat Kelantan disebabkan oleh faktor modenisasi.

Kesimpulannya, penggunaan Teori Identiti Sosial berjaya menemukan elemen-elemen yang memberi kesan baik kepada responden iaitu penduduk Kampung Tangok, Bachok, Kelantan terhadap pemakaian semutar. Namun begitu, teori ini digunakan bertujuan untuk melihat sejauhmana masyarakat setempat memahami keindahan pemakaian semutar kerana semutar merupakan perhiasan kepala yang melambangkan identiti masyarakat Kelantan. Hal ini sekaligus dapat memberi kesedaran kepada generasi muda dalam melestarikan pemakaian semutar sebagai salah satu perhiasan kepala warisan Melayu. Analisis teori telah diringkaskan dalam bentuk kerangka teorikal seperti di bawah:

## Keindahan Perhiasan Kepala Lelaki: Kajian ke atas Pemakaian Semutar di Bachok, Kelantan

### Teori Identiti Sosial (Henri Tajfel, 1981)

Elemen yang mempengaruhi identiti pemakaian semutar di Bachok, Kelantan mengikut pendekatan Teori Identiti Sosial.

#### i) Identiti Sosial dan Identiti Peribadi

- Pengetahuan tentang sejarah perkembangan pemakaian semutar
- Menunjukkan responden berbangsa Melayu khususnya kaum lelaki
- Masyarakat Kelantan memakai semutar sejak awal abad ke-18 sehingga kini.

#### ii) Keyakinan diri dan Perbandingan sosial

- Penguasaan dan kepentingan dalam mengetahui jenis-jenis, fungsi, ciri-ciri semutar
- Mempengaruhi responden berjantina lelaki yang sudah berumur dari kategori pekerjaan buruh/bekerja sendiri lebih memahami perihal semutar.
- Menunjukkan responden mengetahui jenis-jenis, fungsi dan ciri-ciri semutar melalui tahap keyakinan apabila memakai semutar.

#### iii) Strategi untuk mendapatkan identiti sosial yang positif

- Langkah pelestarian pemakaian semutar dalam kalangan masyarakat
- Bermula daripada penglibatan individu atau komuniti setempat itu sendiri.
- Mengadakan kempen atau sukan rakyat dalam kalangan masyarakat setempat.
- Bagi memperkenalkan semutar kepada orang ramai disamping melestarikannya.

Identiti masyarakat Kelantan menerusi pemakaian semutar :

- Usaha pelestarian
- Penglibatan komuniti setempat

Jadual 4.6: Kerangka Teorikal

#### 4.9 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, seramai 5 orang responden berpengalaman dalam pemakaian semutar yang terdiri daripada penduduk kampung, petani, tok dalang, penggiat seni tempatan dan pensyarah seni persembahan UMK. Kesemua informan memberi kerjasama yang baik dalam memberi maklumat tentang perihal semutar. Seterusnya, seramai 306 orang responden yang terdiri daripada kalangan penduduk Kampung Tangok di bawah populasi Mukim Telong, Bachok, Kelantan dipilih untuk mengkaji keindahan semutar. Hasil dapatan kajian melalui soal selidik yang dianalisis menunjukkan majoriti responden sudah mempunyai asas pengetahuan tentang sejarah perkembangan semutar, penguasaan dan kepentingan dalam mengetahui jenis-jenis, fungsi dan ciri-ciri semutar serta langkah pelestarian pemakaian semutar di Kelantan.

Penerimaan responden terhadap budaya pemakaian semutar dalam kalangan masyarakat adalah ditahap yang memuaskan. Kebanyakkan dari mereka sangat positif dengan perihal semutar seperti mana yang dinyatakan pada setiap lampiran borang soal selidik tersebut. Namun begitu, terdapat beberapa orang responden masih tidak yakin dan kurang menguasai jenis, fungsi dan ciri-ciri yang terdapat pada perhiasan kepala semutar khususnya golongan muda, tetapi ada juga dalam kalangan mereka sedang mencuba dan mendekatkan diri dengan budaya bersemutar ini dalam konteks-konteks tertentu mengikut era masa kini. Seterusnya, penerimaan responden juga dipengaruhi oleh faktor identiti sosial yang mencerminkan responden itu sendiri dalam memberi tindak balas terhadap soalan soal selidik tersebut.

Faktor identiti sosial telah menyebabkan pemakaian semutar mendapat perhatian dalam kalangan masyarakat setempat yang mana identiti masyarakat Kelantan boleh dilihat melalui pemakaian semutar bagi kaum lelaki. Oleh itu, langkah pelestarian pemakaian semutar adalah inisiatif terbaik dan berkesan untuk memelihara dan memperkenalkan budaya ini

dengan penglibatan komuniti setempat melalui program kerakyatan. Hal ini kerana, program ini merupakan satu langkah yang efektif untuk menggalakkkan generasi kini untuk menguasai kepentingan selok-belok pemakaian semutar dalam kegunaan sehari-hari bagi menormalisasikan budaya bersemutar seperti zaman dahulu agar tidak janggal dipakai dalam melakukan beberapa aktiviti pada masa kini.

Justeru, penggunaan teori identiti sosial dalam menganalisis kajian ini berjaya menemukan beberapa elemen yang memberi kesan mendalam terhadap komuniti setempat di kawasan Bachok, Kelantan tentang pemakaian semutar. Hal ini secara tidak langsung dapat menimbulkan kesedaran kepada seluruh masyarakat khususnya golongan muda dalam melestarikan pemakaian semutar sebagai salah satu perhiasan kepala warisan Melayu yang terdapat di negeri Kelantan.

## BAB 5

### PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

#### 5.1 PERBINCANGAN

Bab ini membincangkan rumusan yang merangkumi keseluruhan bab yang dikaji iaitu dari bab 1 hingga bab 5 berkaitan penyelidikan yang dijalankan tentang keindahan perhiasan kepala lelaki, kajian keatas pemakaian semutar di Bachok, Kelantan. Kajian ini merangkumi pengenalan, sokongan sorotan kajian lepas yang pernah dilakukan oleh pengkaji terdahulu serta metodologi kajian iaitu kaedah pengumpulan data. Kaedah analisis yang dipilih akan membentuk hasil akhir dapatan kajian yang diperoleh daripada proses pengumpulan data tersebut. Manakala, rumusan pada bab akhir merupakan keseluruhan akhir hasil penglibatan komuniti setempat dalam usaha melestarikan pemakaian semutar di Bachok, Kelantan.

Dalam kajian ini, bab 1 membincangkan tentang pengenalan kajian yang merangkumi permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian, kepentingan kajian dan organisasi penulisan. Budaya pemakaian semutar merupakan identiti bangsa Melayu yang menjadi cerminan kaum lelaki di negeri Kelantan. Kajian ini penting untuk mengetahui sejauh manakah masyarakat setempat khususnya golongan muda terhadap pelestarian budaya pemakaian semutar dalam kehidupan seharian pada masa kini. Kajian ini banyak memberi impak penilaian yang positif terhadap pemakaian semutar dalam kalangan masyarakat yang boleh dikatakan kian pudar disebabkan oleh kemunculan material baru disebabkan oleh faktor modenisasi. Justeru, kajian ini juga memastikan budaya si pemakai semutar dapat diteruskan dengan menambahkan sumber ilmiah untuk melestarikan semutar dalam kalangan individu, masyarakat dan institusi. Ringkasnya, kaedah kajian dalam bab ini membincangkan kaedah

yang digunakan dalam proses pengumpulan data yang tidak membatasi kehendak kajian. Hal ini bertujuan untuk membantu memperoleh ketepatan data yang dikumpul bagi mencapai matlamat dan objektif kajian.

Manakala, bab 2 pula membincangkan tentang kajian literatur dan pembentukan kerangka teori bagi kajian ini. Terdapat pelbagai pendapat dan pandangan ilmiah mengenai perihal semutar yang telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji lepas. Kajian literatur merujuk kepada kajian-kajian lepas seperti buku, jurnal dan artikel yang boleh mengukuhkan maklumat kajian yang dijalankan. Sorotan kajian lepas dikenalpasti adalah sebanyak 20 sorotan daripada pengkaji terdahulu berkenaan dengan semutar iaitu perhiasan kepala warisan bagi kaum lelaki. Dalam kajian ini, kerangka teori dan teori identiti sosial digunakan bagi mengetahui dengan lebih jelas pengetahuan tentang sejarah perkembangan pemakaian semutar, penguasaan dan kepentingan dalam mengetahui jenis-jenis, fungsi, ciri-ciri semutar dan langkah pelestarian pemakaian semutar dalam kalangan masyarakat untuk membuktikan identiti masyarakat Kelantan dapat dilambangkan menerusi pemakaian semutar dalam kalangan komuniti setempat. Namun begitu, kajian ini adalah kajian pertama yang mengkaji keindahan pemakaian semutar di Bachok, Kelantan dengan menggunakan teori identiti sosial.

Seterusnya, metodologi kajian dan kaedah menganalisis data telah dibahagikan secara terperinci dalam bab 3. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dalam proses pengumpulan data bagi mendapatkan populasi. Manakala, kaedah kualitatif digunakan bagi menghasilkan data secara gambaran yang boleh diamati. Malah, kajian ini juga menggunakan dua teknik untuk mengumpul data iaitu data primer dan data sekunder. Data primer mengandungi data yang dikumpul daripada responden melalui borang soal selidik. Data sekunder pula diperoleh berdasarkan sumber data yang dikumpul secara tidak langsung melalui rujukan ilmiah iaitu buku, jurnal, artikel dan tesis samaada secara kepustakaan mahupun digital bagi menyokong dan mengukuhkan lagi kajian yang dilaksanakan.

Bab 4 membincangkan hasil dapatan yang diperoleh melalui kaedah temu bual dan soal selidik. Bab ini merupakan bab paling penting dalam sesebuah penyelidikan bagi membuktikan hasil analisis dapatan kajian. Hasil temu bual dianalisis dengan mengupas semula pemahaman dan penerangan yang dikongsikan oleh informan tentang perihal pemakaian semutar. Hal ini kerana, data temu bual merupakan data terpenting yang menyokong ketepatan yang dilaksanakan. Segala maklumat yang diperoleh melalui soal selidik telah dianalisis dengan menggunakan kaedah deskriptif statistik dalam bentuk peratusan kekerapan yang diringkaskan kepada jadual bagi menjelaskan lagi pencapaian objektif kajian. Seterusnya, penggunaan teori identiti sosial juga digunakan dalam bab ini dengan mengaitkan segala data yang diperoleh untuk mendapatkan keserasian kajian seperti mana pemakaian semutar mencerminkan identiti masyarakat di negeri Kelantan. Oleh itu, langkah pelestarian pemakaian semutar sangat digalakkan bagi semua pihak khususnya golongan muda kerana mereka merupakan penerus kepada warisan yang sedia ada.

## 5.2 RUMUSAN

Secara keseluruhannya, budaya pemakaian semutar adalah identiti bangsa Melayu khususnya masyarakat Kelantan yang lahir daripada hasil kebijaksanaan orang terdahulu dalam mewujudkan suatu keunikan yang melambangkan keperibadian unggul masyarakat Melayu itu sendiri. Pemakaian semutar bukan sebarang perhiasan yang dipakai di atas kepala semata-mata seperti perhiasan kepala lain contohnya topi, kopiah, songkok, tengkolok yang sememangnya hanya dipakai di kepala. Semutar mempunyai sedikit kelainan yang mana ia boleh dimanipulasikan dalam pelbagai bentuk kegunaan mengikut kesesuaian keadaan atau kemahuan si pemakai dan pastinya boleh membantu meringankan beban dalam melakukan sesuatu pekerjaan. Misalnya, daripada perhiasan kepala boleh bertukar sebagai senjata, pengikat barang, pengelap peluh, pengalas tempat berehat dan solat atau secara ringkas semutar sering digelar sebagai kain serbaguna.

Setiap gaya pemakaian semutar memiliki falsafah dan maksud disebalik lilitan yang menggambarkan watak dan status sosial si pemakai meskipun hidup secara berkelompok. Hal ini kerana, gaya dan gelaran semutar itu sendiri sememangnya tercetus daripada kemahiran atau pekerjaan yang digalas oleh si pemakai seperti semutar bagi orang kampung, petani, pendekar, panglima, orang masjid, tok dalang wayang kulit dan banyak lagi. Namun, proses pembudayaan pemakaian semutar sudah semakin pudar dalam kalangan generasi muda terhadap pengetahuan tentang semutar. Bagi mengembalikan semula budaya bersemutar pada masa kini adalah melalui usaha penglibatan komuniti setempat dengan melestarikan pemakaian semutar dalam aspek kegunaan harian meskipun menempuh era kemodenan.

Kajian ini turut dikaji berdasarkan teori identiti sosial selaras dengan pemakaian semutar yang merupakan perhiasan kepala cerminan identiti masyarakat Melayu, Kelantan. Penyelidikan ini telah melibatkan penduduk Kampung Tangok, Mukim Telong, Bachok, Kelantan dan mendapati bahawa pemakaian semutar masih digunakan namun praktikalnya hanya dipakai oleh golongan tua dan pertengahan umur sahaja menerusi pekerjaan kampung, urusan persembahan atau pertandingan tertentu sahaja serta tidak digunakan secara menyeluruh dalam kehidupan seharian seperti zaman dahulu. Hal ini berlaku disebabkan oleh kemunculan pelbagai material baru yang menghalang kewujudan semutar dan pemakaianya juga dianggap hanya dipakai oleh golongan tua dan orang kampung sahaja.

Selain itu, perlaksanaan kajian ini bertujuan untuk memberi kesedaran kepada seluruh lapisan masyarakat bahawa semutar adalah tradisi pakaian yang boleh dikatakan amalan penting bagi masyarakat Kelantan. Kajian ini turut menyumbang impak positif kepada masyarakat agar mereka lebih peka dan menghargai warisan ini supaya pembudayaannya kekal dipraktikkan dalam kehidupan pada masa kini sebagai satu langkah proaktif dalam bersama melestarikan budaya pemakaian semutar.

Oleh itu, budaya pemakaian semutar adalah identiti masyarakat Kelantan yang wajar dipelihara. Generasi kini harus mengambil langkah pemeliharaan yang baik terhadap semutar kerana mereka merupakan pewaris kepada pengekalan warisan ini secara menerus. Semua pihak perlu bertangungjawab dalam setiap usaha pelestarian budaya pemakaian semutar agar keindahan, fungsi dan kepentingannya tidak hilang dibawa arus kemodenan. Walhal, masyarakat juga perlu bergerak seiringan dalam membentuk suatu pembudayaan baharu di samping memperkasakan pemakaian semutar khususnya untuk generasi milenia yang akan datang.

Rumusannya, kajian yang dilaksanakan ke atas pemakaian semutar ini dapat meninggalkan kesan yang mendalam dan menyedarkan masyarakat dalam memelihara salah satu perhiasan kepala unik milik masyarakat Kelantan ini agar terus subur serta tidak diketepikan begitu sahaja oleh mana-mana pihak terutama sekali masyarakat kontemporari kini. Kajian ini akan mendatangkan manfaat kepada generasi kini seperti golongan belia atau mahasiswa universiti dalam bekerjasama dengan pihak Kerajaan, swasta, badan bukan Kerajaan (NGO) mahupun institusi-institusi yang berkaitan untuk melestarikan pemakaian semutar secara menyeluruh kepada setiap lapisan masyarakat.

## BIBLIOGRAFI

- Abbas Alias & Norwani Md. Nawawi. (2003). *Pakaian Melayu Sepanjang Zaman*. Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Diyana, AR. “Teknik ‘Snowball’ Memudahkan Penulisan Literature Review.” Vocket. 19 Oktober 2015. <https://www.thevoocket.com/teknik-snowball-memudahkan-penulisan-literature-review/>.
- Dik, A. (2024, Januari 6). *Akok 34 Jer-Seni Kebudayaan Kain Batik Lepas Bersama Cikgu Awi* [Radio broadcast]. KELANTANfm.
- Georgia Scoot. (2003). *Headwraps*. New York:PublicAffairs.
- Haji Zulkeply, D. A. (2021, September 16). Destar Diraja Negeri Sembilan. Galeri Diraja Tuanku Ja’afar.
- Intan Juita Menan. “Soal Selidik”. Intan Juita. 31 March 2014.  
<https://intanjuita66449933.wordpress.com/2014/03/31/soal-selidik/>
- Kamarudin, H. L. (2019, December 14). Rantau Panjang meriah “bersemutar.” Retrieved from SinarHarian Online: [www.sinarharian.com.my/article/61822/berita/warna-warni-kehidupan/rantau-panjang-meriah-bersemutar](http://www.sinarharian.com.my/article/61822/berita/warna-warni-kehidupan/rantau-panjang-meriah-bersemutar).
- Manan, S., Haron, H., Ramli, Z., Jamil, M., Daeng Jamal, D. H., & Mutalib, N. (2020). *Tengkolok As A Traditional Malay Work Of Art In Malaysia: An Analysis Of Design*. Vol. 7 : 5141-5148.
- Mawardi Yunus. “Kain Lepas Dililit Menjadi “Semutar” Tinggi Nilai Falsafahnya”. Mawardiyunus.com. 9 September 2022. <http://www.mawardiyunus.com/2022/09/Semutar-kain-lepas-kelantan.html>.
- Md. Saleh, R. “Mengekalkan Warisan Tanjak dan Semutar”. Dewan Budaya. 15 April 2022. <https://dewanbudaya.jendeladbp.my/2022/04/15/1655/>.

Marcus Baldwin. “Teori Identiti Sosial: ciri dan potsumat - Psikologi – 2023”.

Warbletoncouncil. 15 Jun 2021. 20 Julai 2023. <https://ms1.warbletoncouncil.org/teoria-identidad-social-2723>.

Nordin, S. I. (2011). Kajian Penggunaan Dan Ikatan Semutar Di Kelantan. *Jurnal Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan*, 1-114.

Nititham. R. (2018). *Mahkota Orang Melayu-The Malay Crown*. Khulaharn. Narathiwat Community Collage, 1-177.

Nadiya Othman. “Tanjak: Kalau Salah Pakai Boleh Berlawanan Dengan Adat Melayu? Ini Ceritanya”. Soscili.My. 19 September 2019. <https://soscili.my/tanjak-tengkolok-dan-destar-apa-beza-dan-maksud-pemakaianya/>.

Nur Raniah, N. D. “Social Identity Theory”. ResearchGate. Februari 2020.

Pustaka, D. B. (2017). *Semutar*. Retrieved from Kamus Bahasa Melayu.

Pustaka, D. B. (2017). *Perhiasan*. Retrieved from Kamus Bahasa Melayu.

Rashidi, M., Begum, R., Mokhtar, M., & Pereira, J. (2014). *Pelaksanaan Analisis Kandungan Sebagai Metodologi Kajian bagi Mengenalpasti Kriteria Pembinaan Lestari*. *Journal of Advanced Research Design ISSN*, 1(1), 18–27.

Wan Yahya Abdullah, “Bermulanya Tengkolok Melayu Dari Melaka”, Institut Seni Malaysia Melaka. (ISMMA), Melaka, (2004), pp. 81-104.

Wahid, A. S. (2021, October 21). Pakai Semutar, Kain Batik Kayuh Basikal Tua. Retrieved from Sinar Harian Online: [www.sinarharian.com.my/article/168013/edisi/pakai-semutar-kain-batik-kayuh-basikal-tua](http://www.sinarharian.com.my/article/168013/edisi/pakai-semutar-kain-batik-kayuh-basikal-tua).

Yaacob, W. N. W. (2020, January 3). Pelancong Singapura Diberi Kain Semutar. HarakahDaily.

Yuhailmy Jamil. “Kain Semutar-Seni Warisan Melayu yang Perlu di Banggakan.” TeratakEmas.Com. 29 Ogos 2020. <https://teratakemas.com/2020/08/29/kain-semutar-seni-warisan-yang-perlu-di-banggakan/>.

**LAMPIRAN A**

<b>JADUAL MENENTUKAN SAIZ SAMPEL</b>					
<i>N</i>	<i>S</i>	<i>N</i>	<i>S</i>	<i>N</i>	<i>S</i>
10	10	220	140	1,200	291
15	14	230	144	1,300	297
20	19	240	148	1,400	302
25	24	250	152	1,500	306
30	28	260	155	1,600	310
35	32	270	159	1,700	313
40	36	280	162	1,800	317
45	40	290	165	1,900	320
50	44	300	169	2,000	322
55	48	320	175	2,200	327
60	52	340	181	2,400	331
65	56	360	186	2,600	335
70	59	380	191	2,800	338
75	63	400	196	3,000	341
80	66	420	201	3,500	346
85	70	440	205	4,000	351
90	73	460	210	4,500	354
95	76	480	214	5,000	357
100	80	500	217	6,000	361
110	86	550	226	7,000	364
120	92	600	234	8,000	367
130	97	650	242	9,000	368
140	103	700	248	10,000	370
150	108	750	254	15,000	375
160	113	800	260	20,000	377
170	118	850	265	30,000	379
180	123	900	269	40,000	380
190	127	950	274	50,000	381
200	132	1,000	278	75,000	382
210	136	1,100	285	1,000,000	384

Nota: *N* = Bilangan Keseluruhan*S* = Saiz Sample**Rujukan: Krejcie & Morgan (1970)**

Jadual penentuan populasi persempelan bagi borang soal selidik  
 Sumber: Krejcie & Morgan, 1970

## LAMPIRAN B

### LAMPIRAN A



#### BORANG SOAL SELIDIK : KEINDAHAN PERHIASAN KEPALA LELAKI:

#### KAJIAN KE ATAS PEMAKAIAN SEMUTAR DI BACHOK, KELANTAN.

**MAKLUMAN KEPADA RESPONDEN:** Mohon kerjasama pihak T/P untuk menjawab soalan ini dengan jujur. Segala kerjasama amatlah dihargai. Borang soal selidik ini dikemukakan untuk mendapatkan maklum balas dari penduduk kampung tentang kajian ke atas pemakaian semutar di Bachok, Kelantan.

#### BAHAGIAN A : MAKLUMAT DEMOGRAFI RESPONDEN

##### 1) JANTINA

Lelaki

Perempuan

##### 2) UMUR

19 Tahun – 29 Tahun

50 Tahun – 59 Tahun

30 Tahun – 49 Tahun

70 Tahun ke atas

##### 3) BANGSA

Melayu

Cina

India

Lain-lain

##### 4) STATUS

Bujang

Berkahwin

##### 5) PEKERJAAN

Kakitangan Kerajaan

Pekerja Swasta

Pelajar

Buruh/Bekerja Sendiri

**LAMPIRAN B**

**Arahan:** Sila tandakan pengetahuan anda tentang sejarah pemakaian semutar di Bachok, Kelantan. Dengan menggunakan skala likert 1 hingga 3, tandakan (/) pada satu jawapan sahaja berdasarkan pendapat anda.

<b>1</b>	<b>Setuju (Setuju dan Sangat Setuju)</b>
<b>2</b>	<b>Tidak Pasti</b>
<b>3</b>	<b>Tidak Setuju (Tidak setuju dan Sangat Tidak Setuju)</b>

<b>Bil.</b>	<b>Pernyataan</b>	<b>1</b>	<b>2</b>	<b>3</b>
1.	Semutar ialah perhiasan kepala bagi kaum lelaki yang terkenal di pantai timur Malaysia.			
2.	Budaya pemakaian semutar sudah lama wujud di negeri Kelantan.			
3.	Pemakaian semutar menjadi tradisi turun-temurun bagi masyarakat di negeri Kelantan.			
4.	Masyarakat kini hanya menganggap pemakaian semutar hanya dipakai oleh orang tua pada zaman dahulu.			
5.	Pemakaian semutar lebih sesuai digayakan di kawasan kampung berbanding di kawasan bandar.			
6.	Buruh kasar lebih selesa mengenakan semutar berbanding perhiasan kepala yang lain.			

**LAMPIRAN C**

**Arahan:** Sila tandakan penguasaan dan kepentingan dalam mengetahui jenis-jenis, fungsi dan ciri-ciri semutar di Bachok, Kelantan. Dengan menggunakan skala likert 1 hingga 3, tandakan (/) pada satu jawapan sahaja berdasarkan pendapat anda.

<b>1</b>	<b>Setuju (Setuju dan Sangat Setuju)</b>
<b>2</b>	<b>Tidak Pasti</b>
<b>3</b>	<b>Tidak Setuju (Tidak setuju dan Sangat Tidak Setuju)</b>

Bil.	Pernyataan	1	2	3
1.	Semutar boleh digayakan dalam pelbagai jenis rekaan.			
2.	Pemakaian semutar mempunyai banyak gelaran nama mengikut jenis gaya lilitannya.			
3.	Semutar bukan sekadar perhiasan kepala tetapi berfungsi sebagai alat serbaguna.			
4.	Masyarakat Kelantan mengenakan semutar mengikut kesesuaian situasi sesuatu pekerjaan.			
5.	Pemakaian semutar dapat melindungi diri daripada musibah dan ancaman musuh.			
6.	Identiti masyarakat Kelantan dapat dilambangkan dengan pemakaian semutar.			
7.	Pemakaian semutar merupakan salah satu perhiasan kepala warisan Melayu di negeri Kelantan.			

**LAMPIRAN D**

**Arahan:** Sila tandakan langkah yang diambil oleh masyarakat tempatan dalam melestarikan pemakaian semutar di Bachok, Kelantan. Dengan menggunakan skala likert 1 hingga 3, tandakan (/) pada satu jawapan sahaja berdasarkan pendapat anda.

<b>1</b>	<b>Setuju (Setuju dan Sangat Setuju)</b>
<b>2</b>	<b>Tidak Pasti</b>
<b>3</b>	<b>Tidak Setuju (Tidak setuju dan Sangat Tidak Setuju)</b>

<b>Bil.</b>	<b>Pernyataan</b>	<b>1</b>	<b>2</b>	<b>3</b>
1.	Kelestarian pemakaian semutar ini dapat dipupuk melalui aktiviti rakyat oleh masyarakat tempatan.			
2.	Pemakaian semutar boleh dikenalkan sehingga kini jika budaya pemakaianya masih hidup dalam kalangan masyarakat setempat.			
3.	Budaya pemakaian semutar oleh masyarakat kini dapat meninggalkan nilai-nilai positif.			
4.	Perihal pemakaian semutar dapat memberi ilmu pengetahuan dan boleh dijadikan bahan rujukan kepada generasi masa hadapan.			
5.	Semutar perlu dimartabatkan sama seperti perhiasan kepala tradisional yang lain seperti tengkolok dan destar.			
6.	Pemakaian semutar wajar dipraktikkan dalam kehidupan seharian bagi mengekalkan budaya kreatif masyarakat Kelantan.			

## LAMPIRAN C

### Transkrip Tematik

BIL.	KOD DAN HURAIAN	PERANAN
1.	Informan 1 (1)	Penduduk Kampung
2.	Informan 2 (2)	Petani
3.	Informan 3 (3)	Tok Dalang
4.	Informan 4 (4)	Penggiat Seni Tempatan
5.	Informan 5 (5)	Pensyarah Seni Persembahan UMK

TEMA	PETIKAN	KOD
SEMUTAR KELANTAN	<p><i>“Kito tahu semutar ni jak kecik lagi, pandai pakai nga sdiri sebabnya tengok ayoh pakai, tengok oghe ramai pakai...aaa...jamei ritu ramai pakai, loni takdop mano doh mugo oghe jemei ritu takdop doh loni. Semutar ni kito pakai kebanyakkan gak, pakaian oghe jamei ritu la, pakai wak kijo kapung, oghe jamei ritu buat menei, pakai tiko main rebano, kertuk, haaa...dio pakai lah...”</i></p>	I1
	<p><i>“Semutar ni sebenarnyo asal dari oghe jamei dulu la, adat-adat oghe melayu jamei ritu, lepastu oghe-oghe melayu khususnya oghe isley, dio jadi wajib ibarat supo oghe tino pakai telekung, oghe kata wajib la, adat oghe melayu kito jamei ritu...haa...gitu ar...kebanyakkan ore melayu la, tapi cino-cino kapung pun pakai semutar jugok, ore bandar takdop semutar, ore bandar pakai topi. Istimewanya semutar-semutar ni haa tu jela bendanya...”</i></p>	I2
	<p><i>“Dio semutar-semutar ni pakaian oghe jaman dulu, dio pakai semutar sebabnya dio banyak karo atas semutar ni, kadei-kadei dio wak kijo kat padei, panas apo tu dio pakai semutar la, maknonyo dio boleh lindung la palo kito. Kalau kito kiro semutar ni kei, bermaknanya oghe boleh tahu ni oghe klate sebab kebanyokeinyo oghe luar negeri dio takdop dan dio tok guno semutar. Kalau oghe klate dio panggil semutar maknonyo dio kiro tradisi dio la semutar ni, majoriti oghe klate la pakai...”</i></p>	I3
	<p><i>“Semutar, semutar ni dio satu namo, semutar ni sebenarnyo kaedah atau satu nama untuk sejenis ikatan ataupun lilitan hok duduk di kepalo...Haa, apo juo kito guno kain sekalipun, bilo kito lilit dipalo kito akan panggil semutar. Satu namo lagi, kito kato namo lebih islamik oghe panggil imammah ataupun serban tapi ikut budayo kito di kehidupei kito oghe klate ni kito panggil semutar. Biasonyo semutar ni dio lebih popular di klate lah, di tempat lain pun ado tapi lebih popularnya di klate dan juga selatan pattani...”</i></p>	I4

<b>JENIS KAIN SEMUTAR</b>	“Semutar ni merupakan satu dio panggil satu fesyen la, dress punya fesyen dalam masyarakat Melayu Kelantan, oghe Kelantan jah ado semutar-semutar ni dan digunakan oleh oghe laki sahaja...”	<b>I5</b>
	“Kain oghe buat semutar kain lepas, kalu takdop kain lepas gak, oghe gi padei pun akan mutar nga kain tuola gitu jah, ikut senei, asal boleh buat lap peluh nga tudung palo. Kain dio menarik lah, kain lain tokleh buat semutar, dio kain lepas jah...”	<b>I1</b>
	“Kain semutar ni sebenarnyo dia kebanyakannya gak tak guna kain lain, dio guno kain lepas la, banyak kain lepas jah atau kain batik lepas, oghe klate dia akan tahu semutar ni pakai kain lepas, oghe luar dio toktahu. Jadi, hok saya tahunya gini jela, kain lepas ni jela jenis nyo, kain hok oghe-oghe jamei ritu guna pakai wak semutar...”	<b>I2</b>
	“Jenis kain semutar ni dio panggil kain lepas atau kain batik lepas sahaja...”	<b>I3</b>
	“Secara gholiknyo atau kebiasaan oghe pakai semutar ni oghe guno kain lepas, namonyo kain lepas, sebab oghe panggil kain lepas tu, kain hok tidak berjahit, dio hujung ke hujung tu tidak berjahit, dio sehelai. Jenis kain ni banyak, ado oghe pakai asal kain pun ado, ado oghe pakai nga kain pelikat, ado oghe pakai ngan kain tuala, tapi kebiasoannya hanya menggunakan kain lepas, cumo bilo duk di palo tu dio panggil semutar...”	<b>I4</b>
	“Ok, semutar ni merupakan satu alat guno kain lepas la, kain lepas yang digunapakai oleh masyarakat Kelantan pada era tahun 30-an dan 40-an lagi lah, benda ni tular tetapi sudah berlaku perubahan,aaa...kain semutar biasanya kain lepas la, memei sejak dulu oghe bersemutar ni guno kain lepas...”	<b>I5</b>
<b>JENIS DAN NAMA GELARAN SEMUTAR</b>	“Semutar ni banyak jenis, banyak, dio ado macei-macei pesen, tapi kito tok tahu namo, mugo kito ikut dei pakai, pakat lilit gitu jah, ikut sene asal boleh wak lap peluh ngan tudung palo...”	<b>I1</b>
	“Kalu oghe tuo gak, takdop gelaran semutar, panggil semutar blako, kalu oghe tuo dio pakat lilit jah, ikat gitu jela.. macam-macam ikat la supo kito ikat serban, hok supo rajo-rajo pakai tula, tengkolok, tanjok, lebih kure cumo bezo material jah...”	<b>I2</b>
	“Macam saya kata tu la, jenis semutar ni terbentuk berdasarkan minat oghe tu, atas pattern hok dio buat tu. Ikut atas kita, atas oghe hok suko paka gini, paka gitu, ikut kreativiti dan keselesaan sediri, macei-maceilah dio boleh buat...”	<b>I3</b>
	“Semutar-semutar ni sebenarnyo dio ado pelbagai, banyak jenis semutar, sebab apo dio banyak namo sebab dio dipakai dan digunakan mengikut kawasey, kawasey masyarakat tertentu, dio jenis-jenis semutar ni dio ado macei-macei..banyak...antaronyo, kalu untuk oghe kebun	<b>I4</b>

<b>FUNGSI SEMUTAR</b>	<i>nga bukit oghe panggil semutar oghe bukit, untuk pengembala gajah oghe panggil semutar gembalo gajoh, untuk oghe padi atau kawasey pesawah oghe panggil semutar sawoh, untuk oghe tepi pata oghe panggil semutar oghe laut, tetapi semutar hok paling popular dipakai oghe panggil semutar kesum secekok ataupun kesum sejabak... ”</i>	
	<i>“Ok, semutar ni banyak jenis, dari segi gengam tak sudah, semutar pendekar atau hulubalang, semutar anuman, semutar untuk puteri, semutar nelayan, semutar tok nyadat, tok nyadat ni maknonyo seorang yang buat kerja sebagai panjat pokok kelapa dan banyak lagi la semutar ni ya.. semutar untuk lawa pun ado, dio panggil janda berhias..manakalanya kalu dio nok gi tackle janda-janda kan, semutar ni akan digubah dengan gaya-gaya menarik la yang boleh memikat seseorang itu... ”</i>	<b>I5</b>
	<i>“Yela, fungsi dio banyak, haa, tok nati pakai sajo, dio kebanyakkan gak oghe peluh atas palo kei dio serap peluh, tu fungsi utamo dio tu... ”</i>	<b>I1</b>
	<i>“Fungsi semutar ni pakai atas palo nok suruh kemas apobilo lilit, tu jah...selain itu, untuk protect daripada barang-barang jatuh atah palo gapo kei, sebagai topi jugak lah, kalu bendo-bendo jatuh atah palo keno dio dulu tok keno palo kito..maksudnya ado protection situ... ”</i>	<b>I2</b>
	<i>“Semutar nih fungsi dio nok kesat peluh, lindung kepala tu jelah, ikut atah kito nok paka, ikut kreativiti dan keselesaan sendiri, macei-maceilah dio boleh buat... ”</i>	<b>I3</b>
	<i>“Ok, ni la fungsi dio, kain lepas ni dio boleh diistilahkei seribu satu kegunaan, dio boleh buat semutar atas nama kain lepas, dio tajuk kito semutar tapi semutar ni digunakan biasonyo nga kain lepas tapi kain lepas ni boleh bertukar mengikut kegunaan, dio boleh buat kain sehei mandi, dio boleh buat kain nok smaye, dio boleh buat kain balut luko, dio boleh buat kain ngikat barei, dio boleh diklasifikasikan seribu satu kegunaan yang duduk di kain lepas ni... ”</i>	<b>I4</b>
	<i>“Jadi banyak lah dari segi fungsi ni, fungsi-fungsi semutar dalam masyarakat Kelantan ni dio berlaku secara menyeluruh, ok, dari aspek bela diri, kerja harian, untuk keagamaan, untuk fesyen, macei-macei la... ”</i>	<b>I5</b>
	<i>“Semutar ni oghe kapung, oghe biaso jah pakai, oghe bandar, oghe kayo dio tak pakai semutar dio pakai macei, gapo tu, aaa tengkolok, tanjok dan sebagainyo... ”</i>	<b>I1</b>
	<i>“Semutar ni asal dari oghe jamei dulu la, oghe-oghe Melayu khususnya oghe Isley hok duk kapung jah pakai, oghe bandar takdop semutar, oghe bandar pakai topi, tu istimewonyo semutar ni dio takdop tempat lain... ”</i>	<b>I2</b>
	<i>“Cara atau lambang semutar ni bergantung kepada lilitan dia tu berbezo pendapat masing-masing, sebab dio ado ciri-ciri dio la, oghe jamei dulu dio kato hoh dio ni pakai</i>	<b>I3</b>

<b>CIRI-CIRI KEINDAHAN SEMUTAR</b>	<i>semutar gini ni dio nok maroh kotre ni, ado semutar pusingei dio jenis bekeng, pakai semutar ado jugok lambang dio, oghe takut, macei dio ni pendekar-pendekar, panglima-panglima haa, dio berdasarkan minat oghe atas pattern hok dio buat tu... ”</i>	
	<i>“Ciri-ciri atau perbezaan semutar ni dio atas namo satu, duo, kalu semutar ni kebiasaan oghe kapung, masyarakat kapung, oghe kebanyokei jah pakai semutar, kalu oghe kerja atau berkedudukan, oghe pakai tanjak atau destar dan tanjak nga destar ni biasonyo oghe dulu pakai dalam majlis-majlis rasmi. Oghe jamei dulu-dulu pakai semutar dio boleh kenal, kalu hok putih-putih ni sep sejid, kalu style burung rajowali tu dio oghe-oghe silat pakai, kalau semutar ringkas ikut lilit tu mungkin petani, dio jenis ko, gayo ko, kegunaan bergantung pada pandangan masing-masing la. Kalu semutar oghe main wayey ni kito boleh tengok dio macei segak, macei tok-tok dalang pakai, semutar dio keno comei la sebab dio oghe persembahei haa ado gayo dio, ado style dio haa... ”</i>	<b>I4</b>
	<i>“Begitu juga dalam aspek keagamaan, semutar juga digunakan untuk menunjukkan tahap keilmuan macam sekolah pondok dan sebagainya, dio pun guna semutar jugok dalam budaya masyarakat Kelantan dulu... ”</i>	<b>I5</b>
<b>LANGKAH PELESTARIAN SEMUTAR</b>	<i>“Anok-anok mudo loni payoh doh, demo toksei pakai, tu kito kata tu kebanyokei nyo hanya gi tengok di tempat menei jah, sebab loni di Bachok ni oghe ramai main kertuk, baru diopakai la tepak beso kito gi, dio tok tinggal tradisi dio, gano nok pridup semula semutar ni gak keno pakai la, mugo mutar ni dio tok payoh dio belit gitu jah..nok tarik lagi, kito boleh wak hari sukan lah, wak sukei pakai semutar belako..baru ni ado doh di Kandis sukei pakai semutar... ”</i>	<b>I1</b>
	<i>“Caro dio mudoh jah, keno semua oghe pakai lah, macei jamei dulu memei majoriti oghe kapung pakai, kito jadi pandai nge sdiri sebab duk tengok oghe pakai haa...jadi gitu lah langkah dio, semua oghe keno pakai baru budok-budok ikut, sebab budok jamei loni mano nok pakai semutar, dio pakai topi jah... ”</i>	<b>I2</b>
	<i>“Langkah dio keno galakkan anok mudo pakai sejak kecil lagi supo oghe jamei dulu, saya ajar, sangat galakkan la, wak turun selalu, sebab kemungkinan nati budok-budok loni tok pandai doh pakai semutar, sebab kito memei pakai semutar sejak mudo lagi, sejak kecil, loni duk ajar cucu pakai semutar sebab nok turun ko dio, sebab dio ado bakat main wayang kulit, kito ajar dio main wayang kulit pakai semutar... ”</i>	<b>I3</b>
	<i>“Takdop la, langkah dio keno bermula pada diri kito sendiri la, kito sendiri tu keno pakai haa...ia keno bermula pada individu itu sendiri... ”</i>	<b>I4</b>

	<p><i>"Peranan pihak berwajib seperti penerbitan buku macam ni, gapo semuo ni betul la ni, macam awak buat tesis dalam pengajian, bila ado rujukan-rujukan ni senei nok dedahkan kepada orang ramai, generasi-generasi akan datang lah, 20-30 tahun lagi kito tok tahu budaya nih boleh bertahan lagi ke dok, jadi tu salah satu cara dio lah..."</i></p>	
	<p><i>"Untuk memperkenalkan semutar ni emm, bukan masyarakat sahaja la, setiap individu keno pakai semutar, saya pun dah mulakan, jadi langkah yang pertama ialah untuk mengekalkan semutar melalui diri kita sendiri, kita yang kene mulakan, kita pakai dulu kemudian kawan-kawan, keluarga akan ikut..."</i></p> <p><i>"Kito boleh buat satu modul atau video dokumentasi macam mana nak memperkenalkan semutar, cara ikat dan sebagainya, semutar ni serbaguna boleh dijadikan beg untuk menggalas buku, untuk menggalas makanan, air, alat untuk semayei, kain tudung, untuk hiasan dalam dan sebagainya dan macam-macam boleh dibuat pada masa kini..."</i></p> <p><i>"Jadi mungkin uols boleh start guna kain lepas atau kain batik lepas untuk buat kain tudung macam ni la, macam mana fungsi dia, lagi pun kain dio bercorak supo nga tudung loni, tudung loni pun oghe ambik gaya-gaya atau corak-corak dari semutar zaman dulu...mungkin jugok kito boleh buat persatuan atau kelab 'kain lepas' dalam kalangan student, kita jugok boleh buat pertandingan peringkat universiti, peringkat kebangsaan antara lelaki dan perempuan. Ini salah satu caranya kita nak naikkan semula atau 'new branding' fungsi dan peranan kain lepas dalam kalangan pelajar UMK..."</i></p>	<b>15</b>

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

**LAMPIRAN D**

<b>INFORMAN 1</b>	
<b>Cik Din</b>	
<b>Nama Penuh</b>	Kamaruddin Bin Ali
<b>Umur</b>	62 Tahun
<b>Tempat Tinggal</b>	Kampung Nakhoda Saamah, 16300 Bachok, Kelantan
<b>Pekerjaan</b>	Penduduk Kampung, Petani dan Penukang
<b>Tarikh Temu Bual</b>	29 September 2023 (Bersemuka)

**Sumber:** Kajian Lapangan, 2023



<b>INFORMAN 2</b>	
<b>Tok Wan</b>	
<b>Nama Penuh</b>	Wan Zain Bin Wan Kar
<b>Umur</b>	69 Tahun
<b>Tempat Tinggal</b>	Kampung Cherang, 16600 Pulai Chondong, Kelantan
<b>Pekerjaan</b>	Pesara Kerajaan, Petani dan Penternak
<b>Tarikh Temu Bual</b>	30 September 2023 (Bersemuka)

**Sumber:** Kajian Lapangan, 2023



<b>INFORMAN 3</b>	
<b>Pak Chu @ Tok Dalang</b>	
<b>Nama Penuh</b>	Eyohock Seng
<b>Umur</b>	68 Tahun
<b>Tempat Tinggal</b>	Kampung Pasir Parit, 17060, Pasir Mas, Kelantan.
<b>Pekerjaan</b>	Penggiat Seni (Tok Dalang Wayang Kulit)
<b>Tarikh Temu Bual</b>	13 Oktober 2023 (Bersemuka)

**Sumber:** Kajian Lapangan, 2023



<b>INFORMAN 4</b>	
<b>Pok Yik Butir</b>	
<b>Nama Penuh</b>	Anas Bin Aziz
<b>Umur</b>	40 Tahun
<b>Tempat Tinggal</b>	Kampung Periuk, Cabang Empat Tok Mekngoh, 16210, Tumpat, Kelantan
<b>Pekerjaan</b>	Pendakwah Bebas dan Penggiat Seni Tempatan
<b>Tarikh Temu Bual</b>	15 Oktober 2023 (Bersemuka)



**Sumber:** Kajian Lapangan, 2023



ENCIK MOHD ASMAWI BIN ISA  
Pensyarah Kanan/Seni Persembahan  
Universiti Malaysia Kelantan

9 PM ANfm o KELANTANfm o #RTMKlik o 102.1

<b>INFORMAN 5</b>	
<b>Sir Asmawi</b>	
<b>Nama Penuh</b>	Encik Mohd Asmawi Bin Isa
<b>Umur</b>	50 Tahun
<b>Tempat Tinggal</b>	Kota Bharu, Kelantan
<b>Pekerjaan</b>	Pensyarah Kanan/Seni Persembahan Universiti Malaysia Kelantan (UMK)
<b>Tarikh Temu Bual</b>	22 November 2023 (Bersemuka)

**Sumber:** Kajian Lapangan, 2023







UNIVERSITI  

---

  
MALAYSIA  

---

  
KELANTAN